




Sekata

JURNAL BAHASA & PERSURATAN
2019

JAWATANKUASA SEKATA – JURNAL BAHASA & PERSURATAN

PENASIHAT

Prof Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim

PENGERUSI

Tajudin Jaffar

TIMBALAN PENGERUSI

Juffri Supa'at

KETUA EDITOR

Suratman Markasan

ANGGOTA

Mohd Raman Daud

Jamal Ismail

Dr. Noridah Kamari

NARA SUMBER

Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat

Prof Madya Dr. Lim Beng Soon

Dr. Azhar Ibrahim

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul : Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan

Format : Cetak

ISSN : 2630-4589

Direka bentuk oleh Redbean De Pte Ltd

Dicetak oleh NPE Print Communications Pte Ltd

Diterbitkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura

Sekata

JURNAL BAHASA & PERSURATAN

2019

INDAH KATA AWAL BICARA



“*Saya gembira kerana pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan agensi-agensi pemerintah saling menyokong dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bersama.*”

Gambar ihsan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakkan Bahasa Melayu

Alhamdulillah. Jurnal SEKATA 2019 dapat diterbitkan seperti yang kita harapkan apabila kita menerbitkan semula SEKATA tahun lalu. Saya percaya bahawa banyak sekali manfaat yang kita raih daripada penerbitan SEKATA setiap tahun. Selain berfungsi sebagai wadah peluahan fikiran, SEKATA bertindak sebagai dokumentasi semasa pembangunan bahasa, sastera dan budaya Melayu di negara ini.

Keluaran kedua SEKATA ini istimewa sekali dalam kita memperingati 200 tahun negara, Bicentennial Singapura. Dan pasti, pembangunan kita sebagai sebuah negara melibatkan bahasa, sastera dan kebudayaan kita.

Sekiranya perayaan SG50 pada tahun 2015 merupakan kali pertama Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) menjadi tuan rumah Sidang Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) dan Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT), kali ini, kita juga menjadi tuan rumah sekali lagi ketika kita memperingati dwiabad Singapura, pastinya penuh dengan kemeriahan warna-warni kegiatan bahasa, sastera dan budaya kita.

Pada masa yang sama, Bulan Bahasa dengan tema ‘Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita’, berlangsung sejak Ogos

hingga Oktober 2019. Perkataan ‘Bulan’ dalam Bulan Bahasa hanyalah jenama yang sudah menjadi kegiatan ikonik bahasa Melayu negara kita. Acara Bulan Bahasa tidak hanya berlaku selama sebulan. Justeru, kegiatan Bulan Bahasa bermula awal sebelum hari pelancarannya dan berakhir lebih lama daripada satu bulan. Kami amat bangga kerana Bulan Bahasa tahun ini dilancarkan oleh Presiden Republik Singapura, Puan Halimah Yacob.

Kemeriahan aktiviti bahasa di negara kita amat terasa. Hampir setiap minggu ada kegiatan bahasa, sastera atau budaya di pelbagai kemudahan yang disediakan. Saya gembira kerana pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan agensi-agensi pemerintah saling menyokong dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bersama.

Terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan SEKATA dan juga Sidang Editor yang diketuai oleh Cikgu Suratman Markasan yang telah menyumbangkan kepakaran dan waktu dalam usaha untuk memastikan bahawa masyarakat kita dapat meraih manfaat dengan penerbitan SEKATA ini.

Semoga jurnal SEKATA 2019 menjadi inspirasi kepada warga muda kita untuk terus membangunkan bahasa, sastera dan budaya kita bersama.

Prof Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim

Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan (MOE) Dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) Dan Penasihat Jawatankuasa Jurnal SEKATA

SALA M MUHIBAH

Alhamdulillah dengan izin Allah Yang Maha Berkuasa, SEKATA - jurnal Bahasa dan Persuratan menemui anda semula untuk tahun keduanya (2019). Demikianlah juga harapan kami agar SEKATA dapat terus menemui anda setiap tahun, insya-Allah. Kami sangat gembira kerana sambutan pembaca yang telah mengirimkan makalah kepada kami. Sebagaimana kami nyatakan di dalam pembuka SALAM MUHIBAH, telah kami nyatakan bahawa perkembangan kehidupan kita sebagai satu bangsa, iaitu bangsa Melayu – sejak zaman Sang Nila Utama menemui haiwan yang disebut singa sehingga dewasa ini. Kita telah mengalami pelbagai perkembangan menerusi tujuh aspek cara hidup kita yang kita namakan sebagai perkembangan kebudayaan. Maka, dalam keluaran kedua ini, kami sajikan tujuh makalah yang sangat sesuai dan relevan dengan perkembangan yang kita hadapi dewasa ini.

Pertama, makalah mengenai tugas wartawan, 'Menyusuri kewartawanan Melayu di Singapura'. Sejak tahun 1824 hingga dewasa ini. Satu perkembangan yang elok sekali diketahui. Ada tiga makalah yang berlatarbelakangkan ilmu pengetahuan, kami sajikan: Pertama "Semarak Jawi", kedua, "Imbuhan Mendinamikkan dan Memvariasikan Kekata Bahasa Melayu" dan ketiga "Cita, citra dan cinta bahasa Melayu". Ketiga-tiga makalah mengenai perkembangan bahasa Melayu, khususnya di Singapura dewasa ini, sangat relevan dan penting sekali diapungkan supaya menjadi fikiran dan sikap seluruh bangsa Melayu menentukannya. Selain itu, ada dua makalah yang ada hubungannya mengenai seni sastra, pertama; mengenai perkembangan penulisan cerpen yang dihasilkan oleh penulis-penulis muda dengan judul:

"Landskap Penulisan Cerpen Penulis Muda Singapura" dan yang kedua, iaitu mengenai "Warisan Persuratan Melayu dan Sejarah Singapura." Kedua-dua makalah ini tidak kurang pentingnya, diketahui oleh masyarakat penulis khususnya dan masyarakat cendekiawan Melayu umumnya, kerana kedua-duanya ada hubungannya untuk mendinamikkan perkembangan seni sastranya. Dan akhir sekali, iaitu makalah berjudul "Memelihara Khazanah Budaya Melayu" ialah makalah yang sangat penting direnung, difikir, dibahas dan disimpulkannya dengan prinsip-prinsip yang tidak menolak pendapat orang lain, semata-mata telah dipasang alasan-alasan untuk tidak menyetujui fikiran-fikiran orang lain yang bertentangan dengan fikiran. Anjuran kami, marilah kita berpandu kepada Al-Quran sebagai panduan: "Dan apa-apa yang kamu perselisihkan padanya tentang sesuatu, maka keputusannya kepada Allah. Dialah Pelindung..." Surah Asy-Syura:26:10.

Sebagai penutup, kami selaku Jawatankuasa jurnal bahasa dan persuratan - SEKATA mengharapkan fikiran-fikiran yang diapungkan oleh para pemakalah hendaknya menjadi pemikiran yang dipolemikkan baik dalam bentuk tulisan ataupun dalam bentuk perbincangan, dengan tujuan mencari kejernihan fikiran supaya boleh menjadi panduan kepada generasi sekarang dan generasi yang akan datang. Bagaimanapun, harus difahami dan disedari bahawa setiap fikiran yang diapungkan oleh setiap pemakalah di dalam jurnal SEKATA - bahasa dan persuratan ini, adalah fikiran peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili fikiran atau pandangan kami.

Suratman Markasan

Ketua Editor
Jurnal SEKATA

“ ...fikiran-fikiran yang diapungkan oleh para pemakalah hendaknya menjadi pemikiran yang dipolemikkan baik dalam bentuk tulisan ataupun dalam bentuk perbincangan, dengan tujuan mencari kejernihan fikiran supaya boleh menjadi panduan kepada generasi sekarang dan generasi yang akan datang. ”



KANDUNGAN



- 7 Menyusuri Kewartawanan Melayu di Singapura
Mohd Raman Daud



- 13 Landskap Penulisan Cerpen Penulis Muda Singapura
Rohman Munasip



- 18 Cita, Citra & Cinta: Bahasa Melayu di Singapura
Chairul Fahmy Hussaini



- 26 Semarak Jawi di Singapura
Dr. Hirman Mohamed Khamis



- 42 Memelihara Khazanah Budaya Melayu
Dr. Norshahril Saat



- 47 Imbuhan Mendinamikkan dan Memvariasikan Kekata Bahasa Melayu
Othman Bin Salam



- 51 Kata Tun Seri Lanang
Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat



MENYUSURI KEWARTAWANAN MELAYU DI SINGAPURA

Mohd Raman Daud

Dalam menilai pelbagai pengajaran daripada leliku sejarah Dwiabad iaitu bermula sejak Singapura dijajah British pada 1819, antara bidang yang wajar disorot ialah peranan nusa ini sebagai pusat kegiatan intelektual atau cendekiawan Melayu, terutama dalam bidang kewartawanan.

Menurut kalangan sarjana termasuk Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat (1998), Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir (1796-1854) dapat dianggap perintis bidang penulisan moden dan percetakan Melayu. Kalangan muridnya telah membangunkan usaha percetakan bermula dengan kitab agama Islam, terutama Quran, dan selanjutnya meredah ke laluan persuratkhabaran Melayu.

Akhbar pertama yang terbit di Singapura pada 1824, iaitu lima tahun selepas Syarikat Hindia Timur

membuka lojinya, ialah the *Singapore Chronicle*. Akhbar Inggeris ini bertahan sehingga 1837 kerana alah persaingan dengan dua akhbar Inggeris, *The Singapore Free Press* (1835-1869) dan *The Straits Times* (1835 – hingga kini).

Di rantau Asia Tenggara yang menjadi induk rumpun Melayu, akhbar pertama dalam bahasa Jawa dan bertulisan rumi telah diterbitkan di Batavia (kini Jakarta) pada 1855 iaitu *Bromatani* oleh pengusaha Belanda yang mendapat sokongan raja Jawa Tengah, Mangkunegara. Ia diikuti dengan *Surat Kabar Bahasa Melajioe*

dalam bahasa Melayu dan bertulisan rumi pada 1856 dan bertahan selama tiga bulan. Ia juga milik pengusaha Belanda. Kemudian bermunculan akhbar bahasa Melayu pasar atau bahasa Melayu rendah dalam tulisan rumi di sejumlah kota-kota besar Hindia Timur seperti *Seloempret Melajioe* (1860) di Semarang.

Namun akhbar Melayu pertama dalam tulisan rumi yang dimiliki seluruhnya oleh pribumi di Hindia Timur Belanda (Indonesia) ialah *Medan Prijaji* asuhan Tirta Adhi Suryo (1880–1918). Tokoh ini kelahiran Blora iaitu kampung halaman, Pramoedya Ananta

Toer, sasterawan besar Indonesia. Watak Tirto digarap sebagai 'Minke', protagonis dalam empat novel besar Pramoedya yang nyaris-nyaris meraih Hadiah Nobel bagi Kesusasteraan.

Akhbar Melayu tulisan jawi pertama di luar rantau terbit di sebuah diaspora Melayu, di Ceylon (Sri Lanka) iaitu *Alamat Langkapuri* (1869-1870). Akhbar ini asuhan seorang usahawan, pencetak dan cendekiawan, Baba Ounos Saldin (1832-1906). Akhbar ini cuba dihidupkan semula pada 1877 tetapi ditutup pada tahun berikutnya. Baba Ounos juga pernah menerbitkan akhbar, *Wajah Selong*, pada 1895 (B.A. Hussainmiya:1987).

TAHAP AWAL

Akhbar Melayu pertama di Singapura ialah *Jawi Peranakan* iaitu akhbar mingguan (1876-1895). Akhbar mingguan tulisan jawi ini yang dicetak di kawasan Kampung Gelam dan telah diterbitkan pada hari Isnin setiap minggu. Ia dipercayai dimulakan oleh

cendekiawan Peranakan India, Munsyi Mohammed Ali Al-Hindi tetapi kemudian berada lama di tangan Munsyi Muhammad Sa'id bin Dada Muhyiddin (meninggal Jun 1888).

Akhbar ini melaporkan berita dari kepulauan Melayu dan luar negara. Ia juga memetik berita dari akhbar bahasa Inggeris yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat. Bahagian lidah pengarang akhbar *Jawi Peranakan* turut bermuat ulasan politik berbentuk kritikan terhadap dasar kerajaan penjajah (Ahmat Adam: *Persuratkhabaran di Nusantara - Satu Sejarah Permulaan*, 1994).

Antara 1876 sehingga 1941 (sebelum Perang Dunia II), terdapat 147 akhbar dan majalah Melayu dihasilkan di Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura). Kebanyakan penerbitan akhbar dan majalah tertumpu di Singapura (68 buah) dan Pulau Pinang (36 buah) dan lazimnya dalam tulisan jawi.

Kebanyakan pengusaha akhbar Melayu ialah para tokoh keturunan Peranakan India dan Peranakan Arab yang sudah menganggap diri mereka sebagai sebahagian rumpun Melayu. Peranakan Cina atau Peranakan Baba juga menerbitkan akhbar dalam bahasa Melayu seperti *Bintang Timor* tetapi semuanya dalam tulisan rumi.

Pada tahap awal juga, Baba Peranakan (orang Cina kelahiran setempat yang boleh berbahasa dan berbudaya Melayu) turut gigih menerbitkan akhbar, majalah dan buku dalam bahasa Melayu. Antara lain ialah *The Straits Chinese Herald* (1891) yang menyediakan ruang dalam bahasa Melayu. *Bintang Timor* merupakan akhbar sepenuhnya bahasa Melayu bertulisan rumi terbitan Baba Peranakan pada 1894.

Pada 1906, terbit *Al-Imam* asuhan Syaikh Mohd Tahir Jalaluddin yang kemudian digantikan pula Hj Abbas bin Mohd Taha. Ia dianggap majalah pembaharuan yang dipengaruhi aliran

modernisme Islam atau pemikiran kemajuan dari Mesir seperti majalah *Al-Manar* di Kahirah.

Sesudah *Al-Imam* yang bertahan sehingga 1909, muncul pula *Neraca* yang terbit dwimingguan (1911-1915), diikuti pula dengan *Tunas Melayu* (1913) dan majalah *Al-Islam* (1914-1915).

TAHAP KEDUA

Antara 1906-1916, para pengkaji akhbar Melayu termasuk Dr Ahmat Adam, berpendapat bahawa telah berlaku perubahan yang lebih ketara - benih kesedaran ke arah kemerdekaan daripada penjajah Barat telah kian menyerlah dalam laporan dan makalah akhbar Melayu.

Hal ini diakui oleh pengkaji sejarah Asia Tenggara dan masyarakat Islam, William R Roff (1929-2013) dalam buku terkenalnya, *Nasionalisme Melayu*, Mohd Eunus Abdullah (1876-1933) telah memimpin akhbar *Utusan Melayu* (November 1907-1918). Akhbar ini diterbitkan oleh The Singapore Free Press tetapi bukan dalam bentuk terjemahannya. Ia terbit tiga kali seminggu dalam tulisan Jawi tetapi berita utama dan lidah pengarangnya dalam tulisan rumi.

Roff merupakan sarjana pertama yang mengangkat Mohd Eunus sebagai 'Bapa Kewartawanan Melayu'. Selain *Utusan Melayu*, Eunus turut memimpin akhbar harian, *Lembaga Melayu*, pada tahun 1914. Beliau juga pencetus dan antara pengasas Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada 1926 di Istana Kampung Gelam. KMS dianggap badan separa-politik pertama di Dunia Melayu.

Antara kegiatan KMS yang dirintis Eunus, Dr Abdul Samad Pagak dan Tengku Abdul Kadir yang merupakan kerabat diraja Singapura ialah kelas bimbingan anjuran Malay Institute.

Mohd Eunus juga merupakan tokoh Melayu pertama menjadi anggota Dewan Perundangan

Singapura dan bertanggungjawab membela hak Melayu dengan meminta kerajaan British memperuntuk kawasan petempatan Melayu di Kaki Bukit.

Dalam tahap kedua, akhbar Melayu telah diasuh oleh para pengarang Melayu dan bebas atau tidak terikat dengan akhbar Inggeris, tetapi masih lagi dimiliki oleh bukan Melayu.

TAHAP KETIGA

Hasrat besar menampilkan akhbar bersemangat Melayu bermula dengan Onn bin Jaafar (1895-1962), editor pertama akhbar Warta Malaya (1930-1941). Beliau pernah menyandang Menteri Besar Johor dan pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) dan Parti Negara.

KMS pula berusaha menampilkan Utusan Melayu yang kedua dari segi dana, perancangan dan keahliannya datang daripada tenaga Melayu. Akhbar ini diasaskan pada 1939 dalam tulisan Jawi di Singapura. Ia diuruskan oleh Yusof Ishak (1910-1970) yang kemudian menjadi Yang Dipertuan Negara Singapura dan Presiden pertama Singapura.

Ketua pengarang pertama Utusan Melayu ialah Abdul Rahim Kajai (1894-1943) yang dibantu Ishak Haji Muhammad (Pak Sako, 1909-1991). Ia kemudian menampilkan wartawan muda yang berbakat dan berpengaruh, Abdul Samad Ismail (1924-2008), atau lebih dikenali sebagai Pak Samad yang juga antara pengasas Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Abdul Rahim Kajai juga diangkat sebagai 'Bapa Kewartawanan Melayu' bagi kalangan para wartawan Utusan Melayu.

Setelah meninggalkan Utusan Melayu selaku ketua pengarangnya, Pak Samad diminta menubuhkan Berita Harian yang dalam tulisan rumi pada 1957 di Kuala Lumpur yang mempunyai edisi Singapura di bawah

“Selepas Perpisahan Singapura-Malaysia pada 1965 dan terhentinya penerbitan Utusan Melayu dua tahun kemudian di sini, Berita Harian merupakan harian tunggal berbahasa Melayu di Singapura sehingga kini.”

kelolaan syarikat akhbar Inggeris, The Straits Times.

Selepas Perpisahan Singapura-Malaysia pada 1965 dan terhentinya penerbitan Utusan Melayu dua tahun kemudian di sini, Berita Harian merupakan harian tunggal berbahasa Melayu di Singapura sehingga kini. Namun, 'asuhan' Berita Harian masih dari Kuala Lumpur dan hanya terhenti pada 1971.

Selain itu, terdapat majalah dan akhbar tabloid dalam bahasa Melayu di Singapura seperti Anika (tabloid dwimingguan kelolaan Hussein Jahidin, yang terbit antara 1981 hingga 1990) dan tabloid, Arena (kelolaan mantan wartawan dan Setiausaha Parlimen, Mohd Ghazali Ismail (1938-2001) iaitu antara 1985-1988).

TAHAP LINI (LEPAS INI)

Menyusuri sejarah tiga tahap terdahulu, jelas menunjukkan bahawa pada awalnya, persuratkhabaran Melayu telah cuba dimulakan oleh mubaligh Kristian yang antara lain melibatkan Munsyi Abdullah seperti berlaku di Melaka dan Singapura. Hal serupa juga berlaku di kebanyakan kota di Hindia Timur atau Indonesia. Tindakan mubaligh ini memang bertujuan menyebarkan agama Kristian.

Namun, lama-kelamaan, terdapat penanda-penanda utama peranan akhbar atau kewartawanan Melayu dalam membangun semangat juang rakyat atau nasionalisme demi



Gambar hiasan

menentang penjajah, khususnya sesudah peristiwa besar yang dipanggil ‘Sumpah Pemuda’ pada 28 Oktober 1928 yang berlangsung di Batavia (Jakarta).

Ketika ini, dua kumpulan pemuda, Jong Java dan Jong Sumatranen, telah mengadakan perhimpunan, Kongres Pemuda Kedua, untuk menentukan hala tuju rumpun Melayu. Ketua Jong Java, Soeganda telah menerima semacam resolusi yang ditulis di atas secarik kertas oleh antara pemimpin dan pemikir penting dari Sumatera, Muhammad Yamin. Antara lain, perhimpunan itu mengesahkan sebulat suara – sebuah negara Indonesia, sebuah bangsa Indonesia dan sebuah bahasa Indonesia.

Pada peringkat sebelum dan menjelang merdeka, wartawan dianggap antara ‘elit’ atau cendekiawan Melayu – selain guru, pengarang, usahawan dan profesional Melayu yang lain.

Misalnya, pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung pada 16-21 September 1956 yang diadakan di Singapura dan Johor Bahru, terpapar peranan wartawan. Misalnya, Abdul Samad Ismail (editor akhbar Utusan Melayu) turut bergambar sebagai peneraju kongres di tangga Bangunan Kerajaan Johor, Bukit Timbalan, Johor Bahru.

Selain itu, Kongres ketiga ini mendapat khidmat para wartawan Utusan seperti Asraf Hj Abdul Wahab, Usman Awang (Tongkat Warrant), Kamaludin Muhammad (Keris Mas). Mereka juga para jaguh dalam Angkatan Sasterawan ‘50, badan yang berperanan dalam usaha mengadakan tiga kongres (yang pertama, 1952 di Singapura dan yang kedua, 1954 di Seremban).

Jelaslah, tanggungjawab wartawan terhadap bahasa Melayu, bangsa atau rumpun Melayu dan pembangunan negara amatlah ketara. Tugas wartawan bukan setakat melapor dan menghiburkan pembaca, serta ‘mendidik, tetapi juga ‘menggerakkan’ pembaca dalam membina harga diri (menuntut kemerdekaan) menerusi pendidikan dan peningkatan diri.

KEWARTAWANAN SEBAGAI DISIPLIN

Seperti kerjaya lain, kewartawanan atau jurnalisme telah menjadi ‘ilmu yang disusun’ atau disiplin demi menjana berita tepat dan mengatasi bukan berita palsu (*fake news*) yang bersumberkan desas-desus atau fitnah. Etika kewartawanan ialah bersandarkan fakta benar lagi sahih (dibuktikan), latihan dari segi mencari dan menyampaikan berita, penguasaan bahasa dan bersikap profesional tanpa mahu menerima rasuah sehingga berita yang disampaikan tidak mencerminkan ketepatan dan keseimbangan yang saksama.

Dalam Al-Quran, fakta benar amat utama dan sering ditegur oleh Allah, seperti maksud petikan ayat suci berikut:

“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu”.

(Surah Al-Hujurat: 6)

Oleh itu, kewartawanan menuntut disiplin untuk memeriksa sumber berita, kesahihannya berdasarkan fakta dan latar belakang pemberi maklumat dan orang-orang yang berkaitan. Nama, umur, pekerjaan, kelulusan dan kaitan seorang perlu disahkan sebelum berita dapat disiarkan. Disiplin ini hanya ada pada pihak pengeluar berita yang berwenang. Misalnya, di Amerika Syarikat, akhbar *The New York Times* dianggap sebuah institusi yang berwenang sehebat Universiti Harvard.

Menurut Hussein Jahidin (1932-2014), mantan wartawan terkemuka *Utusan Melayu*, editor berita bahagian Melayu bagi Radio dan Televisyen Singapura (RTS) dan editor *Berita Harian*: “Wartawan perlu menyelami jiwa masyarakat terbanyak – apakah masalah yang mereka hadapi, apakah yang membuat mereka serba salah. Jika \$1 juta diberikan kepada orang Melayu pada awal 1970-an, adakah mereka tahu memanfaatkannya sehingga wang tadi boleh bertambah atau ‘beranak’? Oleh itu, wartawan perlu mendedahkan masalah masyarakat dan menggerakkan pemimpin dan negara untuk mencari huraian, hujah beliau.

Beliau tidak menolak konsep ‘sensasi’ yang digunakan oleh sesetengah akhbar untuk menarik minat pembaca. Namun, yang utama ialah akhbar atau wartawan mesti mendedahkan hal-hal yang penting dan menarik untuk menjadi tatapan pembaca.



Gambar hiasan

SALAH TANGGAP

Antara para pemimpin pengasas Singapura yang pernah menjadi wartawan veteran ialah Yusof Ishak (1910-1970), Timbalan Perdana Menteri dan arkitek dasar luar, S Rajaratnam (1915-2006) dan Hj Othman Wok (1924-2017). Di Indonesia, Adam Malek pernah lama menjadi menteri luar dan beliau juga mengasaskan agensi berita, *Antara*.

Ketokohan wartawan dinilai pada mutu kerjanya dan juga perwatakannya yang jujur lagi berhemah. Ukur tara ini berlaku juga pada semua kerjaya.

Oleh itu, terdapat wartawan yang tidak jujur kerana kepentingannya atau kerana disuruh oleh sistem pemerintahan. Karl Marx (1818-1883), pengasas faham komunisme, telah menyatakan bahawa pemerintah **tidak wajar sama sekali** mengenakan penapisan ke atas kebebasan kewartawanan atau akhbar kerana kelak berita yang tersiar hanyalah berita yang menyenangkan pemerintah saja. Namun, ternyata kebanyakan negara komunis amat ketat menapis hebahan maklumat, termasuk di media massa.

Dalam hal ini, terdapat usaha antarabangsa untuk mengenal pasti kebebasan akhbar di seluruh dunia iaitu Press Freedom Index (Angkujuk Kebebasan Akhbar). Pada 2018, Singapura berada di kedudukan 132 daripada 180 negara dari segi kebebasan wartawan untuk membuat laporan! Hal ini boleh dirujuk di internet. Tetapi, adakah kebebasan akhbar tadi memastikan berita yang tepat, tepat dan tepat? Hal ini boleh dibahaskan.

MEDIA BARU

Sejak peristiwa serangan pengganas ke atas New York dan Washington pada 11 September 2001 atau 9/11, suasana pemberitaan telah berubah pesat. Mentelah, ia dipacu oleh dua perkembangan pesat telah mengubah wajah dunia iaitu kewujudan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya serta era generasi alaf baru (the millennials) yang antara lain, mencetuskan Revolusi Arab (Arab Spring, 2010-2014) dan Revolusi Melur di China (2011).

Di Timur Tengah, antara 17 Disember 2010 sehingga Disember 2012, revolusi tadi tercetus dengan kes bunuh diri Tarek el-Tayeb Mohamed Bouazizi di Tunisia. Kisah pilu dan hampunya disebarkan oleh media sosial para pelajar di negaranya dan di luar negaranya. Ramai pemuda-pemudi Arab yang menganggur dan berdepan dengan pemerintahan yang kurang meyakinkan.

Dalam masa dua minggu saja, pemerintahan Presiden Zine El Abidine Ben Ali ditumbangkan. Ia turut mencetuskan pemberontakan di Mesir dengan membawa kejatuhan orang kuat tentera, Hosni Mubarak dan Muammar Gaddafi di Libya serta perang saudara di Syria.

Hari ini muncul istilah ‘*citizen journalism*’ (kewartawanan warga) iaitu apabila orang biasa atau rakyat bertindak semacam wartawan dengan menghimpunkan kenyataan berserta gambar atau video mengenai pelbagai peristiwa – sebelum ‘wartawan yang profesional’ sempat membuat liputan. Beza wartawan profesional dengan



Gambar hiasan

wartawan sukarela ini tentulah mutu berita – setakat mana tepat dan adakah dibuktikan, serta kesannya?

Kehadiran blog atau ruang peribadi di internet pernah dicap 'goblok' oleh Menteri Penerangan Malaysia, Zainuddin Maidin @Zam, mantan ketua editor *Utusan Melayu*. Ternyata beliau tersilap kerana kalah dalam pilihan raya! Hal ini berlaku apabila terdapat kesangsian terhadap media arus perdana yang terkongkong, maka lahirlah media baru di internet seperti *Malaysiakini*.

Perkembangan media digital memang telah menjejaskan media cetak yang kian pupus bak dinosaur. Trend ini berlaku di seluruh dunia, termasuk di Singapura. Edaran akhbar *Berita Harian*, misalnya, kini dikatakan sekitar separuh daripada titik tingginya dalam 1990-an iaitu 75,000 naskhah. Dalam suasana dunia yang bimbang tentang sekitaran, timbul pula dakwaan bahawa banyak pokok perlu ditumbangkan untuk dijadikan kertas bagi menyokong industri percetakan, termasuk persuratkhabaran.

HARAPAN

Kewartawanan masih diperlukan dunia selagi masih ada minat masyarakat untuk membaca berita yang penting dan menarik lagi tepat, sekalipun tidak dapat disahkan

benar sebenar-sebenarnya kerana ini akan mengambil masa.

Hakikatnya, teknologi telah mengubah kehidupan. Begitulah kesannya ke atas kewartawanan yang dulunya amat bergantung pada revolusi percetakan, tetapi kian berubah dan menjurus ke bidang elektronik. Dengan persaingan untuk menarik minat manusia untuk membaca maklumat dek ledakan internet, maka kewartawanan yang utuh (*credible*) kian tersepit.

Akibatnya, dunia kini berdepan dengan banyak berita palsu (*fake news*) dan yang bersifat tohmah dan khianat yang menyusup ancaman penganasan dan segala macam kejahatan. Di sini terdapat cabaran besar tetapi juga peluang bagi kemanusiaan untuk memikirkan bagaimana melembagakan bidang kewartawanan dengan pengiktirafan tinggi.

Selagi ada rumpun Melayu, selagi itulah kewartawanan Melayu tetap utuh kerana keperluan menggunakan bahasa Melayu, memelihara jati diri serta menggerakkan masyarakat dari segi politik dan kepimpinan. Namun seperti dipaparkan sejarah kewartawanan Melayu, perlu ada faktor pokok iaitu kepimpinan pada diri para pengarang atau editor dalam turut membangun masyarakat pembaca secara amanah lagi bertanggungjawab.



Penulis ialah mantan wartawan kanan *Berita Harian-Berita Minggu*, penulis ratusan skrip drama tv dan sejumlah skrip pentas, juga menghasilkan sajak, cerpen dan esei sastera serta esei kebudayaan, editor sejumlah buku serta pernah memimpin beberapa pertubuhan termasuk Persatuan Wartawan Melayu (1987-1999), Majlis Pusat dan Angkatan Sasterawan '50 serta nara sumber kepada beberapa jawatankuasa pemerintah, terutama Majlis Seni Kebangsaan (NAC).



LANDSKAP PENULISAN CERPEN PENULIS MUDA SINGAPURA

Rohman Munasip

Perpisahan dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965, tidak selamanya menjadi igauan bagi penulis-penulis yang menyedari mereka harus berdiri sendiri menyambung hayat kesusasteraan di Singapura.

Keyakinan itu jelas dapat dibina, setelah lebih setengah abad selepas perpisahan, sastera Melayu di Singapura masih bertahan dan membentuk jati dirinya.

Banyak karya seperti sajak, cerpen, novel dan drama dihasil dan diterbitkan setiap minggu melalui akhbar *Berita Harian/Berita Minggu*. Begitu juga buku-buku sastera yang diterbitkan persatuan penulis, penerbit buku atau penulis sendiri. Hal ini menandakan iltizam yang berterusan walaupun pada awalnya menghadapi beberapa rintangan.

Makalah ini berusaha merakamkan tahap-tahap penakatan yang dilalui sastera Melayu Singapura dan menjengah kegigihan penulis-penulis muda khususnya dalam penulisan cerpen sepanjang sepuluh tahun terakhir ini.

BIDANG CERPEN

Kegigihan penulis generasi perintis Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) yang masih ada di sini selepas perpisahan seperti Muhammad Ariff Ahmad (MAS), Masuri S.N., Suratman Markasan (Suman Mali), Suradi Parjo (P. Suradi), Jymy Asmara, Abdullah Osman (Dora), Noor S.I. dan Abdul Ghani Hamid (Kumbang Mas) yang terus menulis dan menyumbangkan karya-karya mereka menjadi contoh kepada generasi penulis seterusnya.

Sehingga akhir 1980-an, beberapa buku sastera berjaya diterbitkan sebagai dokumentasi sejarah penciptaan cerpen pada masa itu umpamanya *Lukisan Rasa*, sebuah kumpulan 12 cerpen Masuri S.N. antara 1948 hingga 1952. Sebuah lagi merupakan antologi cerpen dan sajak pilihan 1974, iaitu *Ekspresi*.

Hakikatnya dalam tahun-tahun 70-an ramai sekali penulis cerpen yang muncul di dada akhbar menerusi halaman sastera Pena Penulis (Berita Minggu) mengisi kelompongan yang berlaku.

Kita mula mengenali beberapa nama yang menulis cerpen antaranya Mohd Fuad Salim (yang menggunakan pelbagai nama pena seperti Dauf Milas, S.Pakut, Indera Sakti), Megadona (Mohd Gani Ahmad), Ahmad Affandi Jamari, Gunawan Jasmin, Nuryati Duriat, Mohamed Latiff Mohamed, Nor Yusman Abdulmajid, Samsidah Suleiman, Bahri Rajib, Noor Hidayat, Mohd Kamsah Hj Sirat, A.Razak Jaafar, Rosemala, A Wahab Hamzah, Zaihar, Eunosaah, A.Kadir Pandi, Zaiton Omar, Hadijah Sinwan, Jamal Ismail, Basiran Haji Hamzah, Iswardy, A. Jalil Montel, Subari Sukaini, Nizqin, Asmin, Hadari As'at, Isa Kamari, Ismail Sarkawi, Anuar Othman, Mariam Hassan, Peter Augustine Goh, Rasiah Halil, Norulashikin Jamain, Nazirah Matunus dan beberapa nama lagi.

Sementara nama-nama berikut pula mula muncul dengan cerpen-cerpen mereka dalam dekad 80-an, ini termasuklah FR Bahamid, Mohd Ali Mohd Zain, Mohd Ali Osman, Sukinah Sapar, Dehliez, Sulaiman Jeem, Maya MJ (Wan Jumaiah Mohd Jubri), Hadijah Rahmat, Norzehan Awang, Amat Dholah, Pasidah Rahmat, A.Rahman Basrun, Zulaiha Yusuf, Hanim Mohamed Salleh, Othman Ismail, Hamed Ismail, Arjuna (A.Jaaffar Munasip), Sri Sumirah (Khalid Lani), Sahrin Abdullah, Al-Lihin (Muhammad Salihin Sulaiman Jeem), Ida MD (Hamidah Mohamad) dan beberapa lagi.

PERKEMBANGAN CERPEN 1999–2019

Dengan terkuaknya tabir tahun 90-an kita amat teruja dengan nafas baharu dalam dunia kesusasteraan Singapura. Kesegaran itu mula terasa apabila terdapat pelbagai pihak mula menaruh minat pada perkembangan kesusasteraan Singapura, termasuk kesusasteraan Melayu.

Penglibatan badan pemerintah wajar menjadi pendorong yang membangkitkan semangat para penulis, terutama penulis-penulis muda sebagai penerus dan pembangun kesusasteraan Melayu Singapura.

Penubuhan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang menjadi tunggak utama Bulan Bahasa juga turut menghidupkan Anugerah Persuratan sejak 1993 merupakan penyambung hayat penganugerahan Hadiah Sastera yang pernah dianjurkan Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu dengan kerjasama Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura dan Persatuan Wartawan Melayu Singapura.

Begitu juga terbentuknya Majlis Seni Kebangsaan (NAC) yang menawarkan pelbagai geran dan tajaan

penulisan/penerbitan, secara tidak langsung memeriahkan dunia kesusasteraan dan tentunya menarik lebih ramai bakat yang menyumbang dalam penulisan, termasuk penulisan cerpen.

NAC juga menganjurkan Pesta Penulis Singapura dan juga Anugerah Pena Emas.

Pada awal 90-an beberapa penulis yang sebelum itu menceburi bidang lain mula ikut serta menulis cerpen di akhbar, antaranya seperti Shasel (Shaffiq Selamat), Mohd Ali Bajuri, Mohd Raman Daud, Rohman Munasip dan Juffri Supa'at.

Di samping itu muncul juga nama-nama seperti Muhd Rafi Abu Bakar, Saedah Saad, Maimunah Kemat, Zaleha Isnin, Mohd Nizam Ismail, Alimah Lob, M Hazriq Idrus, Musafir Lara Selamat, Adam Mohd Amin, Norisah A.Bakar, Alang Budiman, Hassan Hasaa'ree Ali, Noritah Mohd Hassim, Mariam Papok, Titi Murni Monir dan lain-lain lagi.

Kemudian kita lihat penulisan cerpen semakin rancak apabila akhbar di sini mula menyiarkan karya-karya yang dihasilkan penulis-penulis muda yang cukup berbakat dan produktif sekitar akhir tahun 90-an sehingga kini.

Antara mereka adalah seperti Chempaka Aizim, Farid Koh, Laila Omar Bentalib, Nur-El-Hudaa Jaffar, Nazariah Nasir, R Azmann A Rahman, Annas Mahmud dan ramai lagi.

Cerpenis-cerpenis seperti Yazid Hussein, Djohan Abdul Rahman, Muhammad Naguib Ngadnan dan Tuty Alawiyah Isnin adalah antara mereka yang memperlihatkan kegigihan dalam menghasilkan cerpen. Mereka bukan sahaja produktif tetapi cerpen-cerpen mereka juga menampakkan mutu yang semakin meningkat.

Tidak dapat dinafikan sayembara atau peraduan menulis cerpen merupakan satu usaha yang baik untuk mencungkil bakat-bakat dalam bidang tersebut. Usaha sedemikian pernah dilakukan oleh penerbit Unggun Creative melalui Sayembara Cerpen Nyala.

Kemudian yang terbaru pihak *Berita Harian* dengan kerjasama NAC juga menganjurkan bengkel dan peraduan menulis cerpen Mencari Kristal. Sejauh ini telah berlangsung sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2016 dan 2019.

Selain itu keterbukaan persatuan penulis seperti Angkatan Sasterawan '50 (ASAS'50) mengundang semua penulis untuk menyertai projek penerbitan antologi cerpen dan puisi setiap tahun juga adalah usaha yang harus diteruskan.

Antologi-antologi yang diterbitkan itu mengandungi karya-karya cerpen dan puisi yang bertemakan peristiwa yang pernah berlaku di Singapura mengikut periodisasi tertentu. Kemudiannya karya-karya itu akan dinilai untuk meraih Hadiah Sastera anjuran Asas '50 dan Universiti Nasional Singapura (NUS).



Gambar hiasan

Antologi-antologi yang telah diterbitkan di bawah projek tersebut ialah *Di Bawah Langit Tanah Pertiwi* (2015), *Hempedu Di Tasik Madu* (2016), *Gerimis Di Kota Pelangi* (2017), *Sakura Mekar Di Bumi Berdarah* (2018) dan terakhir sekali *Sebesit Harapan di Penghujung Malam* (2019). Kerjasama penulis-penulis di luar Asas'50 menunjukkan kegiatan sastera kita bergerak dalam suasana yang sihat.

Selain itu dengan percubaan penerbit buku seperti RightInk Books mengumpulkan karya-karya cerpen yang ditulis para peserta/pemenang Mencari Kristal dalam antologi cerpen *Penawar* (2017) ialah satu lagi usaha penggalakan yang baik.

Begitu juga dengan kegigihan semangat dan usaha penerbit buku Unggun Creative cukup membanggakan. Di samping memupuk bakat melalui sayembara mereka juga aktif menerbitkan buku-buku sastera penulis setempat terutamanya karya penulis-penulis baharu.

Walaupun baru ditubuhkan, sehingga kini Unggun Creative telah menerbitkan tidak kurang daripada 10 buah buku. Antaranya ialah antologi/kumpulan cerpen seperti *Tanjong Katong Airnya Biru* (2017), *Iblis Sudah Mati* (2018), *Tuai Padi Antara Masak* (2018), *GOD(A)* (2018), *Pahlawan Panggung* (2018) dan *Lukah Di Pergentingan* (2019).

Boleh dikatakan iklim kesusasteraan kita dewasa ini telah mendorong kehadiran ramai penulis muda yang mempunyai wawasan dan keyakinan bahawa esok masih ada bagi masa depan kesusasteraan Melayu di Singapura.

Mereka telah menunjukkan prestasi awal yang cemerlang khususnya dalam penulisan cerpen. Hal ini berdasarkan penilaian Anugerah Persuratan dan juga melalui sayembara/peraduan mengarang cerpen seperti Nyala, Anugerah Pena Emas, Hadiah Sastera Asas'50-NUS dan Mencari Kristal.

PENULIS MUDA DALAM BIDANG CERPEN

Apabila bercakap tentang penulis muda dalam bidang cerpen, nama-nama seperti Yazid Hussein, Djohan Abdul Rahman, Mohamed Naguib Ngadnan, Tuty Alawiyah Isnin adalah antara yang lekat di bibir para peminat cerpen mutakhir tanah air.

Di sini disorot beberapa karya tulisan mereka sebagai gambaran ringkas penglibatan mereka. Yazid Hussein merupakan penulis cerpen yang tekal berkarya.

Selain cerpen, Yazid Hussein juga menulis naskhah drama pentas, puisi, esei dan kritikan. Yazid Hussein ialah seorang guru yang banyak menerima hadiah dalam bidang kesusasteraan. Ini termasuk Hadiah Sastera (Anugerah Persuratan 2017) dan Hadiah Utama Mencari Kristal (2016). Buku kumpulan cerpen terbaharunya ialah *Benua Sepi: Kumpulan Cerpen*.

Melalui cerpennya "Benua Sepi" mengisahkan perjumpaan Hari Raya dianjurkan bekas pelajar sebuah sekolah Melayu yang bertaut kembali setelah lama berpisah.



Gambar hiasan

Di samping senda gurau pertemuan itu menimbulkan pelbagai perasaan antara gembira dan kesedihan. Gembira kerana bertemu rakan-rakan lama dan sedih kerana di antara mereka ada yang sudah meninggal dunia atau menderita sakit.

Pengarang mengangkat tema persahabatan sebagai salah satu nilai yang mulia dalam kehidupan, lebih-lebih lagi ketika usia semakin tua dan kehidupan semakin sepi.

Satu lagi yang terkesan daripada pembacaan cerpen “Benua Sepi” ini ialah kesetiaan pengarang mengusulkan supaya tidak melupakan budaya Melayu dalam kehidupan kita.

Hal ini jelas apabila dalam perjumpaan Hari Raya itu para peserta yang hadir disyaratkan memakai sepasang baju kurung atau Baju Melayu sebagai kod pakaian majlis, sama ada lelaki atau perempuan, untuk melestarikan pakaian tradisional Melayu.

Selain itu, Yazid Hussein memperkenalkan teknik baharu dalam penulisan cerpen Melayu Singapura. Pembaharuan yang dimaksudkan ialah penggunaan (); tanda baca kurungan, yang disisipkan di beberapa tempat tertentu sepanjang cerpen “Benua Sepi” tersebut.

Mengamati penggunaan teknik sedemikian seolah-olah pengarang mahu mendedahkan proses penyuntingan sebagai sebahagian daripada proses menghasilkan karya yang baik. Maksudnya, ia dilakukan pengarang sendiri ke atas karyanya sebelum dikirimkan ke sesebuah penerbitan.

Walaupun dikatakan ‘teknik ini tidak merosakkan cerita mahupun bahasa dari kegramatisannya tetapi dari kesan pembacaan dengan membiarkan kehadiran tanda baca kurungan boleh mengganggu kelancaran dan menurunkan tahap keseronokan membaca.

Seorang lagi penulis muda yang cukup gigih dan banyak cerpennya yang tersiar di akhbar dan beberapa antologi antaranya *Penawar*, *Tanjong Katong Airnya Biru* dan *Tuai Padi Antara Masak* ialah Mohamed Naguib Ngadnan. Mengenai biodata beliau lihat *Mencari Makna* (2018) antara lain saya menulis:

Nama Mohamed Naguib Ngadnan mungkin belum begitu dikenali dalam dunia sastera Melayu Singapura walaupun pernah memenangi Anugerah Persuratan 1999 (Hadiah Penghargaan) dengan cerpennya “Satu Perjalanan” dan Anugerah Persuratan 2013 (Hadiah Sastera) dengan sajak “Kita Yang Dijilat Gincu Peluru”.

Namun apabila terpilih ke peringkat akhir Peraduan Menulis Cerpen Mencari Kristal anjuran Berita Harian/Majlis Seni Kebangsaan, kita mula menatap namanya di akhbar dan membaca karya-karyanya berbentuk sajak dan cerpen.

Rasa kesegaran dalam penggunaan bahasanya dan penggandaan makna di sebalik persoalan yang dikemukakan dalam cerpen-cerpennya merupakan antara kekuatan yang dimiliki guru Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah ini. Inilah pandangan atau kesan setelah membaca cerpen-cerpennya seperti “Singapura Berdarah”, “Singa” dan “Liku-liku Perjalananku”.

Begitu juga dengan Tuty Alawiyah Isnin cukup berbakat dan cerpen-cerpennya sering mendapat tempat di akhbar Berita Harian/Berita Minggu. Cerpen pertamanya muncul di Berita Harian berjudul “Penyesalan” pada 27 Jun 2001.

Walaupun Tuty Alawiyah masih baru dalam bidang penulisan cerpen, namun beliau merupakan antara penulis-penulis sezamannya.

Misalnya melalui cerpen “Dam”, ia menceritakan perjuangan seorang pelajar madrasah dalam mengharungi cabaran di tengah-tengah masyarakat kosmopolitan yang mengutamakan sekular.

Begitu juga dengan cerpennya “Lukisan” menceritakan tentang keupayaan dan kecekalan seorang ibu tunggal dalam melayari kehidupan hariannya.

Kesan yang dirasai setelah membaca dua buah cerpennya, “Dam” dan “Lukisan”, Tuty Alawiyah mempunyai kemahiran dalam mengungkapkan cerpen yang berunsurkan motivasi.

Nama Djohan Abdul Rahman juga tidak dapat disisihkan begitu saja bila bercakap pencapaian penulis-penulis muda hari ini. Walaupun karya-karyanya sering menggunakan bahasa yang besahaja, menghiburkan dan kadang-kadang berseloroh, namun mengandungi makna-makna lain yang harus difikirkan.

Umpamanya cerpen “Ar” bukan sebuah cerpen yang boleh dibaca secara begitu saja. Ia adalah karya yang cukup menarik diperkatakan. Ia menggabungkan dua unsur dalaman iaitu psikologi dan misteri untuk dilihat kewajarannya dalam kehidupan kita hari ini.

Cerpen ini memerlukan pemahaman yang lebih sedikit kerana mungkin ramai yang menganggap kisah seperti yang diwujudkan dalam cerpen ini adalah perkara biasa yang dialami oleh kanak-kanak. Namun sebenarnya ia memberi isyarat ia boleh menjejaskan perkembangan diri seseorang kanak-kanak kalau kurang diperhatikan.

Cerpen Djohan ini mengisahkan seorang kanak-kanak bernama Ar mengalami rasa kehilangan apabila Wan (neneknya) meninggal dunia. Neneknya merupakan orang yang paling rapat dalam hidupnya sedangkan ibu bapanya (Fatimah dan Ryann) selalu pulang kerja hingga larut malam.

Selain mereka yang dibicarakan tadi terdapat ramai lagi penulis muda dalam bidang cerpen yang turut muncul dan menyumbang karya mereka untuk dinikmati sebagai khazanah sastera Melayu Singapura.

KESIMPULAN

Walaupun penulis-penulis muda cerpen mutakhir boleh dikatakan mampu melangkah jauh untuk melestarikan kesusasteraan Melayu Singapura, namun tidak dapat dinafikan ada kebimbangan yang melihat kehadiran beberapa cerpenis lain mengangkat tema yang remeh-temeh sahaja dan tidak mempunyai tujuan untuk dimanfaatkan masyarakatnya.

Namun minat mereka untuk menulis seharusnya mendapat galakan dan bimbingan. Semoga suatu masa nanti mereka dapat menghasilkan cerpen-cerpen yang tidak kurangandingannya dengan penulis cerpen yang lain. Tidak semua penulis yang dapat menghasilkan cerpen pertama atau cerpen-cerpen yang awal mencapai mutu terbaik yang berkesan kepada pembaca dan menarik pandangan pengkritik.

Mengakhiri makalah ini saya masih setuju tradisi kritikan cerpen sangat penting seperti yang pernah disentuh Mana Sikana ketika meninjau perkembangan penulisan cerpen di Singapura:

“... Justeru itu dalam genre cerpen ini sangat memerlukan penyelidikan, kajian dan kritikan yang teratur. Hanya itulah sahaja, caranya untuk ia berkembang menjadi genre yang fungsional untuk masyarakat Singapura.”



ROHMAN MUNASIP, 64 tahun, seorang penyair, cerpenis, esei dan penulis skrip drama radio. Karya pertamanya puisi “Jihad Kami” disiarkan dalam Berita Minggu Singapura pada 23 Nov 1975. Beliau pernah menganggotai Sudut Penulis Perpustakaan Cawangan Toa Payoh. Cerpennya “Suatu Ketika” dan Skrip Drama Radionya “Titik Pertemuan” memenangi Hadiah Sastera, Anugerah Persuratan 2001 dan 2011. Rohman telah menghasilkan 7 buku persendirannya yang berupa kumpulan puisi, kumpulan cerpen, kumpulan ulasan buku/cerpen dan kumpulan skrip drama radio. Kumpulan cerpennya “Secangkir Ceritera” (2011) dianugerahi Hadiah Kepujian, Hadiah Sastera Singapura 2012.

CITA, CITRA & CINTA BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Chairul Fahmy Hussaini

Dua dekad setelah kita menempuh alaf ketiga dalam abad ke-21, begitu terasa pengembangan bahasa Melayu di Singapura menjadi semakin mencabar dan tercabar. Dua perkara yang menjadikannya demikian:

1. Keadaan masyarakat yang lebih cenderung berbahasa Inggeris yang dipengaruhi oleh sekitaran penggunaan bahasa
2. Rasa 'leceh' yang tidak bermaksud pengabaian telah menjadikan bahasa Melayu yang seharusnya menjadi bahasa perantaraan utama dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai bahasa ibunda, kian beralih menjadi bahasa kedua

Usaha mengekalkan penggunaan dan memastikan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda kekal baik dan fasih diguna pakai sehari-hari oleh anak bangsa menjadi satu cabaran dan tanggungjawab yang digalas dengan sepenuh iltizam demi memelihara kepentingan, kesesuaian dan keperluannya untuk generasi hari ini dan masa depan.

Usaha melejangi pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu dengan cara menyuntik kesedaran, penggalakan, pemuliharaan, penyesuaian, pemupukan minat, pengajian dan pengembangan, terhadap bahasa Melayu di Singapura bukanlah sekadar langkah dalam pemeliharaan khazanah, mahupun pelestarian warisan. Yang lebih penting lagi ialah tujuan asasnya, iaitu sebagai langkah pengemblengan usaha besar-besaran dalam memastikan kesinambungan ketamadunan yang menjolak akal fikir, budi dan santun Melayu.

Percaya atau tidak, kini, kian dapat kita mengerti usaha untuk memartabat dan mendukung usaha murni ini merupakan satu gerakan yang sedang dilaksanakan oleh setiap kelompok masyarakat: ibu bapa, guru-guru, karyawan, cendekiawan, ahli bahasa, penyair, seniman, pelajar, pesara, suri rumah, usahawan, ahli politik, teknokrat, kakitangan awam, pertubuhan masyarakat dan korporat. Tiada kerja yang sedikit, tiada usaha yang kecil, segalanya tercatat sejak bermulanya alaf baru menjadi semakin berkobar, mengesankan dan kian bererti.

Benarlah kata 'rang tua, Melayu ini hatinya bulat dan murni, kental semangatnya gotong royong, budi menggunung ditabur, hidupnya sederhana tetapi berkat; dalam menempuh hidup bermasyarakat, yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul.

JEJAK USAHA

Memasuki dekad ketiga alaf baru, pelan tindakan masyarakat Melayu, antaranya pertubuhan seperti – Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50), Berita Harian dan Kumpulan Angkatan Muda Sastera (Kamus) dalam memartabat Bahasa Melayu kelihatannya semakin menyerlah, semarak dan bererti.

Tindakan yang dilakukan badan-badan ini bukan sekadar menabur benih atau menyuntik kesegaran pada penggunaan bahasa Melayu semata-mata tetapi lebih penting lagi melaksanakan langkah pembaharuan demi menjadikan bahasa ibunda terus dijiwai, fungsi dan keberadaannya menuruti kehendak dan tuntutan semasa, dan menjadi pemangkin dalam langkah pengembangan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan negara ini.

Keputusan ini mencerminkan kesungguhan masyarakat Melayu yang mandiri, memastikan benih yang ditanam, ialah pilihan benih yang baik, usaha menyantuni benih menerusi penjagaan yang tulus, dengan siraman kasih dan pembajaan terbaik lagi teratur supaya dapat mengukuh akar agar lebih mencengkam, batang pepohon menjadi teguh dan sihat, dahan utuh dan dedaunan hijau merimbun sehingga mampu memayungi tanah dan rerumput, dan dengan bunga dan buah yang terhasil menjadi sumber yang dapat dinikmati sebaiknya, sekali gus memenuhi makna pepatah; kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau; Apa yang diharapkan ialah, perubahan yang dibuat membawa kebaikan dan keberkatan, kerananya masyarakat Melayu akan lebih mengenali dan menghargai jati diri agar tidak hanyut dalam arus kemodenan yang tidak berpanduan.

CITA. CITRA. CINTA. BAHASA KITA.

Jawatankuasa Bulan Bahasa di bawah naungan MBMS memutuskan untuk menggantikan tema Bulan Bahasa "Ilmu. Budaya. Mesra" yang digunakan sejak lima tahun lalu kepada "Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita."

Langkah memperkenalkan tema baharu bagi Bulan Bahasa 2019 edisi ke-31 ini bertujuan menyerlahkan dan menyuntikkan kesegaran pada penggunaan bahasa Melayu di sini, sedang masyarakat dan pengguna bahasa Melayu mengorak langkah mengharungi era baharu, sejak penganjuran acara Bulan Bahasa tiga dekad lalu pada 1988.

Pada dasarnya, tema baharu ini diharap akan menjadi pemangkin yang menyuburkan Cita Masyarakat Melayu untuk kekal fasih dalam penggunaan bahasa ibunda, menggalakkan mereka untuk menampilkan Citra bahasa dan mendakapinya tanpa kesipuan, memesrainya tanpa berbelah bagi dan memanfaatkannya dengan sepenuh Cinta, biarpun bahasa Inggeris menjadi bahasa perantaraan utama masyarakat majmuk Singapura.

Tema 'Cita. Citra. Cinta' atau menerusi singkatan 3C ini sengaja diperkenalkan sedemikian untuk menggambarkan sifat bahasa Melayu yang subur dan mekar, menzahirkan liuk lentok bahasa yang indah lagi menawan, halus lagi seni, manis lagi mesra, kental lagi kaya, bertenaga lagi perkasa, semarak lagi bercahaya, maju lagi jaya.

“Tema baharu ini menonjolkan daya tarikan dan keindahan bahasa yang diguna pakai, khususnya oleh lebih 290 juta orang di Nusantara ini (merentasi Selat Melaka dan Kepulauan Melayu).”

Lebih penting lagi, bahasa Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri dan bersifat peribadi. Kekata 'Cita' menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan Masyarakat dalam mengekalkan penguasaan dan kemahiran dalam penggunaan bahasa Melayu, sedang 'Citra' menggariskan kepentingan, kesesuaian dan kedudukan sebagai bahasa ilmu sedang dunia memasuki era revolusi industri keempat. 'Cinta' merupakan penekanan nilai dan seni pada susuk bahasa yang menduduki tangga keenam bagi pengguna paling ramai di dunia, sama ada sebagai bahasa pertama, kedua atau ketiga. Lebih penting lagi, tema kali ini mentakrifkan sifat dan sikap Masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu bagi mengukuh jat idiri, pemeliharaan dan pemuliharaan adab serta memartabat

adat pusaka dan budaya bangsa, dan pada masa yang sama menyerlahkan kesantunan dan perkembangannya. Natijahnya, bahasa Melayu dan nilainya tidak menyendiri.

Sepanjang peredaran masa, masyarakat Melayu telah menunjukkan kesediaan mereka untuk melakukan penyesuaian apabila keadaan memerlukan.

Tema kali ini berbeza dengan tema "Ilmu. Budaya. Mesra" yang digunakan sebelumnya. Jika sebelum ini ia lebih umum sifatnya, kali ini tema bertujuan merangsang masyarakat Melayu dan pengguna bahasa, sejajar dengan wawasan, budaya dan nilai yang diterapkan MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa "untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian".

Perubahan ini akan membuat masyarakat lebih terangsang, mendorong mereka untuk lebih yakin, berani dan kreatif dalam menggunakan bahasa dengan lebih menarik lagi.

Sememangnya tema kali ini lebih seni ciptaannya kerana dirasakan dapat meningkatkan daya tarikan, keutuhan, matlamat, rasa pemilihan dan keupayaan untuk membentuk keperibadian masyarakat dan pengguna bahasa.

Matlamatnya jelas, memastikan tema baharu ini kekal ringkas, padat, kaya dalam rima dan maksud, dan mencakupi ciri-ciri bahasa kita, bukan sahaja sebagai alat perantaraan (lisan mahupun tulis) tetapi juga dalam cetusan ilham – memandangkan peranan pentingnya dalam masyarakat, dan menjadi darah daging dalam pembentukan budaya dan jiwa bangsa.

Gambar hiasan



CITA [niat, angan, harap, cita-cita, waja, impi, azam, gagasan, idealisme, tiwikrama, gayuh, aspirasi] 1.1 Ambition (noun): A strong desire to do or achieve something. 1.2 Aspiration (mass noun): A hope or ambition of achieving something. 1.1 An ideal 1.2 A dream 1.3 A fantasy 1.4 A hope 1.5 A determination	CINTA [asmara, kasih, sayang, rindu, kama, asyik, edan, berahi, ghairah, semarak, nasionalisme, patriotisme, zuhud, abdi, hubah, renjana, samara, mekar, kesengsem, kepincuk, asmaraloka, keindahan, romantis] 1.1 Love (noun): An intense feeling of deep affection. 1.2 Love (mass noun): A strong feeling of affection 1.3 Passion (singular noun): An intense desire or enthusiasm for something. 1.4 Romance (mass noun): A feeling of excitement and mystery associated with love. 1.1 A yearning desire 1.2 Sense of longing 1.3 Romance 1.4 Beauty 1.5 Magnificent 1.6 Heartful 1.7 Sense of mystery 1.8 Pleasing 1.9 Delightful 1.10 Sacred 1.11 Kindness 1.12 Invaluable 1.13 Precious 1.14 Fine 1.15 Earnest 1.16 The Divine 1.17 Priceless 1.18 Conviction 1.19 Majestic 1.20 Splendour
CITRA [gambar, lukisan, arca, gambaran atau imej peribadi seseorang, cara, sifat] 1.1 Style (noun): A particular procedure by which something is done; a manner or way. 1.2 Style (mass noun): A way of using language. 1.1 An image 1.2 A way of doing things 1.3 A representation of the external form of a person or thing in art 1.4 A visible impression 1.5 An optical appearance	

Butiran dalam kerangka di atas bukan sahaja menerangkan bahkan menyokong kedudukan, penyampaian maksud dan penjenamaan tema baharu sedang MBMS menerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa berusaha meningkatkan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai cara. Tujuannya adalah untuk meluaskan pemikiran masyarakat Melayu dalam penggunaan dan penghargaan terhadap bahasa ibunda.

Dalam mencorakkan penjenamaan baru, bentuk pemasaran dan strategi komunikasi untuk tema baharu ini, Jawatankuasa Bulan Bahasa mengadakan satu kelainan. Hal ini membolehkan Jawatankuasa menawarkan sesuatu yang segar, berani, bermakna dan meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat secara am sedang masyarakat Melayu terus beriltizam dalam

menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan, mengekalkan kesesuaian penggunaannya dan memelihara serta memulihara warisan bonda, dan hal ini kekal sebagai asas matlamat kita.

Tema baharu ini digunakan sepenuhnya dalam pelbagai aspek pemasaran bagi meningkatkan kesedaran Masyarakat tentang penggunaan Bahasa Melayu dan menjadi asas dalam menggariskan bentuk rancangan atau acara yang akan diadakan sepanjang Bulan Bahasa – mengadakan lebih banyak kegiatan yang menyeronokkan untuk kanak-kanak prasekolah; contohnya, Cakap Petah, Gaya Bahasa dalam Cerita, Adab dan Santun dalam Keluarga, Sesi Bercerita dan peraduan berlandaskan budaya (berbalas pantun, deklamasi sajak), peraduan mengeja dan permainan berasaskan bahasa untuk murid sekolah rendah dan menengah.

Untuk pelajar pascamenengah, usaha dilakukan bagi menggalakkan penganjur acara untuk menjalankan program yang mampu meningkatkan penguasaan dan kemahiran dalam penggunaan bahasa, seperti bengkel penulisan dan penterjemahan, peraduan menulis sajak atau cerpen dan sebagainya. Untuk masyarakat umum pula, jawatankuasa akan menggalakkan penganjur acara untuk lebih kreatif dan berani dalam memperkenalkan acara yang segar dan menarik minat ramai, seperti mengadakan klinik kesenian, kunjungan ke muzium, dan bengkel bersama penulis/penyanyi. Acara budaya akan kekal sebagai daya tarikan sepanjang Bulan Bahasa. Jawatankuasa akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) dan Penyelaras Kumpulan Kegiatan Melayu Persatuan Rakyat (Mesra) dalam hal ini.

Gambar hiasan





Gambar hiasan

LANGKAH SETERUSNYA

Usaha memartabatkan bahasa Melayu oleh MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa Melayu tidak bertepuk sebelah tangan, memandangkan Asas'50 telah melakarkan pelbagai pendekatan yang berselaras – sesuai tema 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita', antaranya membentuk Dana Pengajian bagi membantu para ahli yang ingin melanjutkan pelajaran, di samping menyediakan Geran Kajian bagi mengkaji persuratan Melayu di Singapura, khususnya peranan Asas'50. Kedua-dua ini akan dilaksanakan di samping projek pembukuan antologi puisi dan cerpen yang diadakan saban tahun. Badan utama persuratan Melayu di sini itu juga ingin meneroka mengadakan acara Bimbingan Sastera di sekolah, selain mengadakan sesi Bimbingan Guru Bahasa dalam rangka membantu guru bahasa Melayu agar lebih berilmu dan cekap dalam mengendalikan pengajaran sastera di sekolah, ia juga berhasrat mengadakan Akademi Penulisan bagi membantu penulis dari segi ilmu persuratan dan ketukangan penulisan dengan kendalian para penulis mapan setempat dan luar negara.

Sebagai satu-satunya akhbar berbahasa Melayu di sini, *Berita Harian* yang cetakan pertamanya bermula pada 1 Julai 1957 atau 62 tahun lalu, berperanan besar dalam mengukuhkan penggunaan dan menzahirkan penghargaan masyarakat Melayu terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Selain menyediakan ruangan sastera untuk para penyair dan ahli bahasa menyumbang karya dan wacana, *Berita*

Harian gigih mengadakan pelbagai kegiatan kebahasaan, antaranya; kelas bimbingan asas bahasa Melayu; sayembara dan kursus bimbingan intensif penulisan cerpen menerusi 'Program Mencari Kristal' yang menampilkan penulis dan sasterawan ternama dalam dan luar negara; forum dan ceramah berkala tentang peranan dan perkembangan Bahasa Melayu; penyertaan aktif *Berita Harian* dalam Pesta Penulis Singapura (SWF), dengan menyajikan program kebahasaan yang disepadukan dengan seni dan budaya Melayu menerusi 'Malam Sastera' dengan penglibatan tokoh persuratan dan seniman muda dan mapan tanahair; program bersifat pendidikan untuk para pelajar; di samping mendekati golongan profesional dan usahawan dalam melestari dan memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.

KAMUS kian aktif dalam mendekati golongan muda Melayu menerusi penganjuran acara persuratan dan kebahasaan – mengambil bahagian dalam program Bulan Bahasa dan penyertaan dalam festival puisi dalam dan luar negara. Antara usahanya termasuk mengadakan program bimbingan yang bersifat interaktif, seperti sesi Kertas ke Pentas: Dunia kewartawanan bertemu Dunia Teater; sesi bimbingan, Hak Cipta dan Penulis: Apa yang harus anda tahu; kelas bimbingan Mari Berpantun; menjalin kerjasama dengan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) bagi menjayakan program Gig Puisi dan Kelab Ilham Pustaka bagi menyemarak seni deklamasi sajak dan perbincangan hasil karya sastera; mengadakan sesi bercerita untuk kanak-kanak,

dan penerbitan karya-karya sastera, selain menjayakan Pesta Buku Melayu Singapura 2019.

Dalam erti kata lain, keempat-empat badan ini mengambil pendekatan lebih rencam bagi mendekati khalayaknya dan masyarakat Melayu secara amnya. Hal ini dapat dimengertikan kerana kepelbagaian menjadi daya tarikan dan mengelakkan kejemuhan terhadap pendekatan yang sama.

RUMUSAN

Kesemua usaha ini jika diteliti, menggambarkan semangat waja pelbagai pihak dalam memartabat, memasyarakat, mendukung dan menyerlahkan penggunaan bahasa Melayu,

memastikan penggunaannya dan penerimaannya terus rancak dan semarak.

Sememangnya apa yang dilakukan hari ini demi penakatan dan kesinambungan untuk generasi hari muka tidak akan sesekali mencukupi. Lebih banyak lagi yang perlu dilakukan. Sedang setiap kita gigih menyongsong arus perubahan, banyak lagi ruang dan jurang yang ada, banyak lagi masalah dan gangguan yang timbul.

Suka atau tidak, kesukaran yang dihadapi adalah lebih rumit dan rencam. Namun ia tidak seharusnya mematahkan semangat dalam usaha memajukan penggunaan bahasa Melayu dan disebatikan dalam kehidupan masyarakat Melayu kita, sekarang dan selamanya.



CHAIRUL FAHMY HUSSAINI atau 'Alang Budiman', bertugas di Singapore Press Holdings dan telah meraih pelbagai anugerah kewartawanan, antaranya: Anugerah Khas Kecemerlangan (2016 & 2010); dan, Anugerah Berita Terbaik (2003) selain dipilih mengikuti program kewartawanan dan penulisan berprestij di Korea Selatan (2018), Indonesia (2017), Singapura (2015), Amerika Syarikat (2008) dan Jepun (2003).

Beliau yang meraih Pengiktirafan Khas Cerpen (ASAS'50-NUS, 2017); Anugerah Merit Cerpen (MBMS, 2001); Anugerah Penyair Muda (Kemuning, 1994); dan, Anugerah Puisi Terbaik (Kamus, 1993) merupakan anggota Jawatankuasa Bulan Bahasa 2019.

Dilahirkan pada 6 September 1973, beliau berkelulusan Sarjana Sains (MSc) dalam Perhubungan Antarabangsa dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Sarjana Muda (BA) dalam Perhubungan Massa dari RMIT Universiti, Australia.



SEMARAK JAWI DI SINGAPURA

Dr. Hirman Mohamed Khamis

Jawi atau tulisan Jawi ialah huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu. Sebuah sistem tulisan bagi Bahasa Melayu yang lebih awal daripada Rumi. Konsep tulisan Jawi moden di Singapura sama seperti di Malaysia dan Brunei. Tulisan Jawi sudah wujud lebih daripada 700 tahun di Alam Melayu dan telah melalui evolusi sistem ejaan selama kewujudannya (Hashim Musa 2006). Artifak tertua tulisan Jawi ialah Batu Bersurat Terengganu yang diukir pada 1303 Masihi (Syed Muhammad Naquib, 1970, 2015). Ini bererti bahawa tulisan Jawi telah wujud tidak kurang daripada 715 tahun.

- Singapura mempunyai sejarah tulisan Jawinya sendiri. Bermula dari 1819 ketika Raffles menandatangani surat perjanjian dengan Sultan Hussein Shah sehinggalah kepada penerbitan novel bertulisan Jawi yang terkini berjudul 'Duka Tuan Bertakhta' karya sasterawan Isa Kamari (2019). Kedudukan Singapura sebagai pusat penerbitan serantau sebanyak dua kali telah mengukuhkan kehadiran tulisan Jawi dalam sejarah persuratan rantau ini (Hadijah 2015 dan Syahriah 2006). Peralihan penggunaan sistem tulisan bagi Bahasa Melayu dari Jawi ke Rumi secara perlahan berlaku antara 1904 ketika RJ Wilkinson menghasilkan kamus bertulisan Rumi yang pertama hingga 1963 apabila kerajaan Malaysia mengisytiharkan tulisan Rumi sebagai sistem tulisan rasmi bagi Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia yang telah menjadi bahasa kebangsaannya. Kemerosotan penggunaan tulisan Jawi dapat dikesan dengan jelas dari dekad 1950an ke awal dekad 1980an. Namun kajian yang dijalankan pada 2016 menunjukkan sikap pelajar agama di satu-satunya institusi yang mengajarkan Jawi di Singapura terhadap mata pelajaran tersebut adalah positif. Objektif kajian ini adalah menilai usaha pemerkasaan tulisan Jawi di Singapura berdasarkan teori kepupusan bahasa (Crystal, 2000) dan berlatarkan negara Singapura yang menyaksikan semarak tulisan Jawi kebelakangan ini apabila beberapa pihak mula mengadakan aktiviti berkaitan tulisan Jawi. Pada 21 April 2019, Majlis Semarak Jawi telah dianjurkan oleh Persatuan Kemuning Singapura (PKS) untuk mempromosikan tulisan Jawi sebagai sebuah warisan negara yang perlu dilestarikan oleh generasi akan datang. Usaha PKS ini belaku pada masa yang sama Singapura sedang meraikan sejarah dwi-abadnya yang diterajui oleh Pejabat Bicentennial Singapura (Syafiqah, 2018). Aktiviti seperti pendidikan Jawi, bengkel dan kursus Jawi serta penulisan Jawi dalam seni khat dijadikan ukuran bagi penggunaan Jawi dari segi kuantiti dan kualiti. Semarak Jawi menguatkan lagi kemungkinan tulisan Jawi di Singapura terus berkembang dan perkasa.

Jawi dipercayai telah digunakan di Singapura sebelum kedatangan Raffles kerana Singapura ditadbir oleh kerajaan Johor melalui Temenggong pada ketika itu. Ketika Raffles menandatangani surat perjanjian bersama Sultan Hussein Shah, dokumen tersebut tertulis dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi, selain daripada bahasa Inggeris (Raman 2019). (Lihat Lampiran 1). Untuk memahami betapa luasnya Jawi telah digunakan di Singapura, seseorang hanya perlu melihat bahan-bahan pameran Tales of the Malay World yang memaparkan dokumen-dokumen Jawi yang bersejarah yang telah

diterbitkan di Singapura dan di merata Nusantara. Pameran manuskrip Melayu yang terbesar yang pernah dianjurkan oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) telah berlangsung dari 18 Ogos 2017 hingga 25 Februari 2018. Pihak penganjur telah meminjam manuskrip daripada koleksi beberapa pertubuhan termasuk Universiti London dan Universiti Leiden untuk dipamerkan. Kebanyakannya bertulisan Jawi. Tulisan Rumi hanya diperkenalkan oleh penjajah Barat pada 1904 oleh RJ Wilkinson di Malaya dan Singapura dan pada 1909 oleh van Ophuysen di Indonesia (Asmah, 1993).



Gambar hiasan

SEJARAH TULISAN JAWI DI SINGAPURA

Pameran *Tales of the Malay World* mengetengahkan beberapa penerbit Melayu pada abad ke19 seperti Munsyi Abdullah, Haji Muhammad Taib, Haji Muhammad Siraj, Haji Muhammad Said dan Haji Muhammad Amin (Exhibition Guide, 2017). Kebanyakan penerbit dan pencetak berpangkalan di Kampung Gelam yang telah menjadi pusat aktiviti keintelektualan Melayu pada ketika itu. Sebenarnya, lebih awal lagi, pada 2007, NLB telah menganjurkan pameran *Aksara* yang juga telah mempamerkan koleksi manuskrip Jawi, antaranya Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Nabi Allah Musa (Juffri dan Nazeerah 2009).

Singapura sebagai pusat penerbitan dan percetakan buku di rantau Asia Tenggara (terutama bagi teks Jawi) mencapai kegemilangannya selama dua kali. Yang pertama pada penghujung abad yang ke19 dan yang kedua pada dekad 1950an. Sekiranya dilihat dari sudut pandangan tahap-tahap perkembangan sastera Melayu di Singapura sebelum 1965 (Hadijah 2015), pencapaian-pencapaian ini jatuh pada tiga tahap iaitu Tahap Dua atau Zaman Penjajahan British (1819-1900); Tahap Tiga iaitu Zaman Sebelum Perang (1900-1945) dan Tahap Empat atau

Zaman Selepas Perang (1945-1957). Siti Hawa (2010) juga menambah bahawa bilangan bahan bacaan Melayu baik bertulisan Jawi mahupun Rumi juga telah meningkat pada penghujung abad ke19 bersama pesatnya pembangunan sekolah di Negeri-negeri Selat.

Syahriah (2006) pula mengatakan karyawan Melayu di Johor dan Riau telah menerima manfaat daripada perkembangan di Singapura itu. Bahasa Melayu dan tulisan Jawi berada pada tahap yang tinggi apabila Johor melahirkan tokoh-tokoh bahasa seperti Raja Ali Haji (r.h) (Riau), Muhammad Ibrahim Munshi dan Dato Haji Mohamad Said (r.h) dan ramai lagi. Johor juga dilihat sebagai negeri yang menjadi lambang ketinggian bangsa Melayu (Malik 1989) oleh sebab usaha-usaha Johor untuk menghilangkan gambaran kelemahan bangsa Melayu melalui kemajuan seperti pembukaan Iskandar Puteri atau Johor Bahru. Bahasa Melayu tulisan Jawi terus berkembang apabila Singapura menjadi pusat percetakan dan penerbitan di Asia Tenggara pada tahun-tahun 1890an. Johor dan Riau beruntung dari segi kedudukan geografi yang berdekatan dengan Singapura. Perkembangan syarikat penerbitan di Singapura turut memberikan kesan kepada penghasilan buku di Johor.


Kampung Gelam sebagai pusat penerbitan dan keintelektualan Melayu pada awal abad ke20 disokong oleh sebuah filem dokumentari yang telah disiarkan oleh stesen televisyen Mediacorp (Pestana dan Tan, 2018). Ketika diwawancara, seorang pelajar Yale-NUS College, Faris Juraimi, telah menerangkan bahawa percetakan komersil yang pertama tiba di sini pada dekad 1860an sebelum bilangan syarikat percetakan melonjak dan berkelompok di sekitar jalan yang mengelilingi Masjid Sultan.

Lebih tepat lagi, Bussorah Street pada masa itu, sebenarnya suatu pusat bagi dunia penerbitan di Kampung Gelam. Antara sebabnya adalah khidmat Kampung Gelam sebagai pelabuhan persinggahan bagi orang-orang Islam dari rantau ini untuk belayar ke Mekah untuk menunaikan fardhu Haji. Maka bilangan orang yang boleh bertutur, membaca dan menulis bahasa Melayu yang tiba di Kampung Gelam pada masa itu amat besar. Antara syarikat penerbitan yang disebut ialah Maktabah Marie dan Ahmadiyah Press yang telah mencetak persuratan agama, cereka dan majalah-majalah kehidupan.

Banyak juga telah diperkatakan tentang akhbar dan majalah Jawi sebelum dan selepas perang. Antaranya ialah *Jawi Peranakan*, *Warta Malaya* dan *Qalam*. Penggunaan Jawi yang menarik juga telah dipamerkan oleh penjajah British sendiri. Dua contoh yang baik adalah buku *Cerita-cerita Grimm* yang mengandungi kisah *Mek dan Awang* (*Hansel and Gretel* versi Melayu) dan *Inilah Kitab Ilmu Kira-kira* yang diterbitkan untuk memfasilitasikan pembelajaran dalam sistem pendidikan yang telah mereka bina. (Lihat Lampiran 2 dan 3).

Kemerosotan yang menimpa tulisan Jawi pada dekad-dekad berikutnya dapat dikesan melalui pemerhatian terhadap koleksi manuskrip dan bahan nadir bertulisan Jawi yang disimpan oleh NLB (Hirman 2016). Dalam graf yang berikut dan sebagaimana yang digambarkan oleh Syahriah (2006), (Siti Hawa 2010) dan Hadijah (2015), dekad 1890an dan 1950an menunjukkan penghasilan dan kehadiran teks Jawi yang terbanyak. Ini disusuli dengan kemerosotan yang berpanjangan sehingga dekad 1980an dan seterusnya.

GRAF 1: KIRAAN MANUSKRIP TULISAN JAWI NLB BAGI SETIAP DEKAD



Proses kemerosotan Jawi yang lebih pesat bermula apabila Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang mengisytiharkan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi negara pada tahun itu oleh kerajaan Malaysia. Kesannya amat negatif terhadap tulisan Jawi. Akta ini pula dipengaruhi oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu II di Seremban pada 1 dan 2 Januari 1954. Beberapa pertubuhan kerabat Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu II telah mengundi untuk merasmikan tulisan Rumi di kongres tersebut (Abdullah Hassan 2007). Begitu juga di Kongres III pada September 1956, di Johor Bahru dan Singapura. Kempen yang sangat kuat dilakukan supaya sistem ejaan Rumi diterima. Hampir tidak ada peserta atau wakil pertubuhan selain daripada Shaikh Abdullah Basmiyah yang masih memperjuangkan tulisan Jawi. Mata pelajaran Jawi mula ditiadakan di sekolah-sekolah di Singapura pada dekad 1970an dan penerbitan Jawi di Malaysia mula tutup pada dekad 1980an.

Penerbitan bahan tulisan Jawi yang terkini dapat dikesan namun amat sedikit. Antara para penulis yang masih sudi menggunakan tulisan Jawi dalam karya mereka adalah: Hadijah Rahmat (2010) dengan buku berjudul *Burung Kenek-kenek*, Isa Kamari (2006) dengan siri antologi puisi *Puisi Tanah Suci* (tiga judul bukul kesemuanya) dan Andalus Corporation dengan buku-buku teks Jawi mereka (Siti Raudhah 2013). Mujur juga Pejabat Mufti (MUIS) masih mengeluarkan Teks Khutbah Jumaat bertulisan Jawi pada setiap minggu (Suhaimi 2018).

Mengakhiri ketandusan karya bertulisan Jawi dalam dunia sastera Singapura, sekali lagi adalah Isa Kamari (penerima *Southeast Asian Write Award* pada 2006, Pingat Budaya pada 2007 dan Anugerah Tun Seri Lanang pada 2009) yang baru sahaja melancarkan novel *Duka Tuan Bertakhta*, Edisi Jawi (2019) di Majlis Semarak Jawi yang telah berlangsung pada 21 April 2019. (Lihat Lampiran 4). Semoga ramai pembacanya. Setelah mengalami kemerosotan besar dan hampir tidak digunakan lagi, bolehkah Jawi terus bertahan dan seterusnya menjadi perkasa? Kebolehan sesuatu bahasa atau sistem tulisan bertahan dan terus wujud amat bergantung kepada kepenggunaannya dan ini pula bergantung kepada sikap orang-orang yang mewarisi bahasa ataupun sistem tulisan tersebut (Crystal 2000). Terdapat tanda-tanda bahawa Jawi mungkin disemarakkan semula di Singapura. Dengan bertambahnya perbincangan, ceramah, bengkel, liputan akhbar dan kelas pembelajaran Jawi sendiri, Jawi mempunyai masa depan yang cerah di Singapura. Sebagaimana melentur buluh biarlah dari rebungunya, usaha memperkasa Jawi mestilah bermula dengan pendidikan awal di peringkat kanak-kanak. Sikap positif kanak-kanak terhadap Jawi perlu dipupuk dalam diri mereka.

PENDIDIKAN JAWI – SIKAP DAN CABARAN

Kajian soal-selidik mengenai sikap terhadap tulisan Jawi oleh 309 responden yang rata-rata berumur 12 tahun di kelas-kelas madrasah Andalus Corporation (di 15 cawangan seluruh Singapura) menunjukkan dapatan yang amat positif (Hirman 2016). 104 soalan atau pernyataan pelbagai skala telah diajukan. Pernyataan-pernyataan ini adalah berdasarkan set soalan kaji-selidik bagi sikap terhadap pembelajaran bahasa asing yang telah dicipta oleh Colin Baker (1988). Pernyataan tergolong dalam skala yang berkaitan dengan minat terhadap Jawi; dorongan ibu bapa; sikap terhadap tulisan Jawi; sikap terhadap mata pelajaran berkenaan; tahap motivasi; sikap terhadap guru mata pelajaran Jawi; keinginan untuk mempelajari Jawi di peringkat universiti dan sebagainya.

Majoriti besar responden menyukai subjek Jawi. Namun Jawi juga menurut mereka subjek yang mencabar dan membimbangkan walaupun dipandang positif. Ini terbukti oleh keputusan ujian ejaan yang amat rendah - daripada 120 item pelbagai aspek ejaan Jawi, hanya 29 (24%) mendapat skor jawapan betul yang melebihi 50%. Sebelum ujian ejaan diberikan, pengkaji telah meneliti sistem ejaan Jawi yang mengandungi begitu banyak variasi hukum ejaan berbanding dengan ejaan Rumi.

Contoh sikap positif yang ditunjukkan oleh para pelajar Andalus terhadap mata pelajaran Jawi adalah seperti berikut, iaitu respon kepada pernyataan yang berkaitan dengan sikap terhadap Jawi (Hirman, 2016: 78-81).




Gambar hiasan


GRAF 2: ANALISIS BERASINGAN DAPATAN SKALA 6 (SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI)

UNSUR POSITIF:


(i) Mempelajari tulisan Jawi amat baik dan seronok.




(ii) Saya berasa seronok mempelajari tulisan Jawi.




(iii) Jawi adalah bahagian yang penting dalam program sekolah/madrasah.



(iv) Saya berhasrat untuk mempelajari sebanyak mungkin tentang tulisan Jawi.




(v) Saya gemar mempelajari tulisan Jawi.




UNSUR NEGATIF:


(vi) Saya benci Jawi.




(vii) Lebih baik meluangkan masa untuk subjek lain daripada tulisan Jawi.




(viii) Belajar Jawi adalah membuang masa.



(ix) Pada pandangan saya, mempelajari Jawi membosankan.



(x) Apabila saya melangkah ke universiti, saya akan berhenti daripada mempelajari Jawi kerana tidak berminat.



LEGEND

SS S TS STS

*S=setuju; SS=sangat setuju; TS=tidak setuju; STS=sangat tidak setuju


Dalam skala di atas, yang dinamakan skala 'Sikap terhadap Pembelajaran Jawi', sikap responden terhadap pembelajaran Jawi sangat positif. Pemilihan setuju dan sangat setuju bagi sikap positif terhadap Jawi, kesemuanya melebihi 75%.

Bagi item-item berunsur negatif pula, majoriti responden tidak bersetuju dengan kenyataan-kenyataan


tersebut dan ada yang ditentang hebat. Contohnya, 'Saya benci Jawi' ditentang oleh 90% responden; 'Subjek lain lebih baik' ditentang oleh 68%; 'Jawi membuang masa' ditentang oleh 86%; 'Jawi membosankan' ditentang oleh 73% dan 'Akan berhenti belajar Jawi apabila saya melangkah ke universiti' ditentang oleh 55% daripada 309 responden.

GRAF 3: ANALISIS KESELURUHAN DAPATAN SKALA (SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN JAWI)

UNSUR POSITIF



UNSUR NEGATIF



LEGEND
■ SS ■ S ■ TS ■ STS *S=setuju; SS=sangat setuju; TS=tidak setuju; STS=sangat tidak setuju

Secara keseluruhannya, sikap terhadap pembelajaran Jawi amat positif dengan 83% bersetuju dengan pernyataan-pernyataan positif terhadap pembelajaran Jawi manakala sebaliknya pula bagi pernyataan-pernyataan negatif hanya disokong oleh 26% responden (74% menentang – 28% sangat tidak setuju dan 46% tidak setuju).

Bagi kebanyakan murid sekolah, menguasai ejaan Jawi bukan sesuatu yang mudah. Ini disebabkan oleh sistem ejaan Jawi itu sendiri yang mengandungi banyak aspek ejaan berbanding dengan ejaan Rumi. Beberapa aspek utama dalam sistem tulisan Jawi moden adalah seperti berikut:

- i) Huruf dalam ejaan Jawi dieja secara bersambung (sebagaimana dalam bahasa Arab)
- ii) Beberapa konsonan Rumi mempunyai lebih daripada satu padanan dengan konsonan Jawi iaitu a (alif ا, hamzah ء, ain ع); d (dal د, dhod ض); h (hah ح, ha ه); k (kaf ك, qof ق); s (sin س, tsa ث, sod ص); t (ta ت, tho ط) dan z (tzaal ذ, zai ز, zod ظ)
- iii) Ejaan suku kata terbuka dan tertutup yang bervokal a dan e pepet dieja tanpa huruf yang mewakili bunyi-bunyi vokal tersebut. Contohnya besar (رساب), cerah (مرچ), tempat (تثفمت) dan pantas (ستنفث)
- iv) Ejaan tradisi tidak menggunakan vokal maka perlu dihafal ejaannya, seperti kepada (دفك), ini (ني ا), itu (تي ا), jika (كج) dan daripada (دفرد). Terdapat tidak kurang daripada 16 ejaan tradisi
- v) Ejaan 'derlung' melibatkan penggunaan alif sebagai vokal pada suku kata terakhir berdasarkan dua syarat, iaitu...
 - a. suku kata akhir dan praakhir adalah suku kata terbuka
 - b. suku akhir mengandungi konsonan dal (د), ra (ر), lam (ل), wau (و) dan nga (غ) yang membentuk akronim 'derlung' (غلرد)
 - c. Contohnya: lada (ادل), bara (ارب), bala (الاب), bawa (اواب) dan kenanga (اغنك)

- vi) Ejaan 'luar derlung' adalah berdasarkan syarat yang sama dengan hukum derlung, namun hanya bagi suku kata akhir yang mengandungi konsonan selain dal, ra, lam, wau dan nga, dan sebaliknya, konsonan akhir itu tidak dibubuh huruf alif sebagai vokal. Contohnya: baca (چاب), bapa (قاب), raja (جار) dan sama (ماس)
- vii) Hukum Ra-Ma – bagi perkataan yang berakhir dengan suku kata terbuka ra dan ma, kedua-dua suku kata tersebut menerima huruf alif sebagai vokal. Contohnya, asrama (امارسا), drama (امارد) dan panorama (اماروناف)
- viii) Hukum Ka-Ga – perkataan yang berakhir dengan suku kata ka dan ga tidak diberi huruf alif sebagai vokal. Contohnya seperti suka (كوس), duka (كود), neraka (كارن), duga (غود), naga (غان) dan syurga (غرش).

Pada perkataan naga (غان), dua hukum diaplikasikan secara bertindan iaitu hukum luar derlung dan hukum ka-ga.

ix) Homograf merujuk kepada dua perkataan atau lebih yang mempunyai ejaan yang sama tetapi berlainan makna. Dewan Bahasa dan Pustaka (Malaysia) atau DBP telah memutuskan untuk membezakan pasangan homograf dengan meletakkan alif pada suku kata bervokal 'a'. Menurut pandangan Adi Yasran dan Hashim Musa (2008), pasangan homograf telah melebihi bilangan 50 dan mungkin bertambah, dan sekalipun pembezaan ini memudahkan pembaca, bagi seorang penulis, untuk mengingati kesemua pasangan homograf adalah hampir mustahil.



Gambar hiasan

Jadual 1: Beberapa contoh pasangan homograf

bandul	لودنب	bendul	لودنب
lantik	قيتنل	lentik	قيتنل
pantas	سنتف	pentas	سنتف
tandang	غذنت	tendang	غذنت

- x) Bagi kata dasar yang mempunyai lebih daripada dua suku kata, suku kata pertamanya yang bervokal ‘a’ tidak ditulis dengan huruf alif (ا). Contoh: harimau (واميره), halilintar (رتنيليله), dahaga (كادم), bahasa (سامب), dan masyarakat (تكراشم)
- xi) Bagi kata serapan Inggeris, padanan k di penghujung perkataan adalah kaf (ك). Contohnya, klinik (كينيكل), taktik (كيتكت) dan teknik (كينيكت). Ini berbeza dengan penghujung kata jati Melayu yang berakhir dengan bunyi glotal seperti kakak (قكك), pokok (قوكوف) dan makcik (قچقم), di mana qaf (ق) adalah huruf terakhir. Perkataan yang berakhir dengan xt (Inggeris) atau ks (versi Melayunya) dipadankan dengan kaf (ك) dan sin (س) terpisah. Contohnya, teks (س كيت) dan konteks (س كيتنوك). Sains (س نيءاس) juga mengandungi ‘sin terpisah’.

- xii) Bagi kata serapan Arab, ejaan aslinya dikekalkan tetapi ‘digondolkan’ iaitu tanpa ‘tanwin’ (baris vokal atas, bawah dan depan sebagaimana dalam bahasa Arab). Contoh: kaum (موق), khusus (صروصخ) dan khatulistiwa (طخ). Di sini, penggunaan vokal kelihatan tidak menentu dan seperti ejaan tradisi, ejaan bagi ratusan kata serapan Arab perlu dihafal.
- xiii) Lain-lain aspek termasuklah penggunaan huruf hamzah (ء) dengan pelbagai cara, pelbagai imbuhan, beberapa jenis kata ganda (termasuk yang menggunakan angka ٢, diftong, kaedah gelinciran, beberapa cara menulis akronim dan sebagainya).
- Kegagalan menguasai beberapa aspek hukum tulisan Jawi jelas kelihatan pada dapatan berikut, dalam suatu ujian kemahiran ejaan Jawi di Andalus juga (Hirman, 2016: 124-132), dengan 62 responden pelajar Jawi terbaik, yang dipilih oleh guru kelas masing-masing. Hanya beberapa aspek dipaparkan daripada seluruh kajian.

Jadual 2: Dapatan Aspek Ejaan Tradisi

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
ET1	ada	دا	18%
ET2	tiada	دايت	13%
ET3	kepada	دقك	16%
ET4	maka	كم	3%
ET5	kita	تتيك	26%
ET6	lima	ميل	18%
ET7	ini	نني	26%
ET8	itu	تتي	19%
ET9	dia	يد	27%
ET10	jika	كج	5%

Jadual 3: Dapatan Aspek Hukum Derlung, Luar Hukum dan Lampau Hukum

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
DR1	lada	ادال	56%
DR2	cara	اراج	60%
DR3	jala	الاج	50%
DR4	bawa	اواب	76%
DR5	bapa	قاب	26%
DR6	kata	تاك	10%
DR7	nama	مان	27%
DR8	kaca	چاك	11%
DR9	fasa	اساف	63%
DR10	puasa	امساوق	69%

Jadual 4: Dapatan Aspek Hukum Ka-Ga

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
KAGA1	juga	كوج	21%
KAGA2	luka	كول	18%
KAGA3	angka	كغا	16%
KAGA4	Afrika	الكيرفا	60%
KAGA5	yoga	اگوي	66%

Jadual 5: Dapatan Aspek Hukum Ra-Ma

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
RAMA1	asrama	امارسا	69%
RAMA 2	irama	اماري	42%
RAMA 3	rama-rama	امار	23%
RAMA 4	panorama	اماروناف	63%
RAMA 5	drama	امارد	79%

Jadual 6: Dapatan Aspek Kata Serapan Arab

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
KSA1	kaum	موق	8%
KSA2	asar	رصع	23%
KSA3	Allahyarham	محري طلا	31%
KSA4	Aidiladha	ي حضالادي ع	10%
KSA5	subuh	حبص	24%

Jadual 7: Dapatan Aspek Kata Serapan Inggeris (‘kaf’ dan ‘sin terpisah’ di penghujung perkataan)

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
TEKS1	teks	س كيت	3%
TEKS2	konteks	س كيتنوك	3%
TEKS3	seks	س كيس	2%
TEKS4	sains	س نيءاس	3%
TEKS5	kritik	كيتيرك	39%

Gambar hiasan



Jadual 8: Dapatan Aspek Glotal ('qaf' di penghujung perkataan)

Kod	Rumi	Jawi	% Betul
GL1	adik	قيدا	55%
GL2	emak	قما	37%
GL3	gagak	قكاك	24%
GL4	lobak	قبول	35%
GL5	pokok	قوكوف	31%

Kesimpulannya, pelajar belum pasti perkataan atau suku kata manakah yang menggunakan vokal alif untuk bunyi 'a'. Kepelbagaian hukum dalam tulisan Jawi menimbulkan keperluan untuk mengingat hukum yang mewajibkan penggunaan huruf alif bagi suku kata bervokal 'a', dan yang sebaliknya. Peratusan pencapaian yang rendah (dengan kesalahan ejaan yang banyak) didapati untuk perkataan yang tidak menggunakan huruf alif iaitu ejaan tradisi, hukum derlung dan luar derlung, hukum ka-ga, dan kata serapan Arab (yang dikekalkan ejaan aslinya sebagaimana dalam bahasa Arab). Kesalahan biasanya melibatkan pembubuhan huruf alif pada suku kata yang tidak sepatutnya menerima alif. Suatu kebiasaan dalam ejaan Rumi di mana semua suku kata bervokal 'a' dibubuh huruf a. Dengan itu, hukum ejaan ra-ma mendapat peratusan ejaan betul yang tinggi berbanding dengan aspek-aspek lain. Pelajar juga belum biasa dengan kata serapan Arab dan kata serapan Inggeris. Kesilapan kedua terbesar melibatkan padanan huruf k dan qaf (ق), iaitu kegagalan menggunakan huruf qaf (ق) untuk bunyi glotal pada penghujung kata jati Melayu seperti pokok (قوكوف)

dan dalam beberapa perkataan Arab seperti kaum (موق). Sebaliknya kaf (ك) yang telah digunakan. Sebagai satu-satunya institusi yang menjalankan pendidikan tulisan Jawi secara formal, Andalus Corporation merupakan penyumbang terbesar kepada usaha pelestarian Jawi di Singapura. Pendidikan tulisan Jawi dilaksanakan di Andalus dengan sekitar 8000 orang pelajar peringkat rendah setiap tahun; tenaga pengajar yang terlatih; penerbitan buku-buku pembelajaran; sistem peperiksaan dan penganugerahan sijil kursus berserta subjek-subjek agama yang lain. Dengan hanya 30 minit diperuntukkan untuk pembelajaran tulisan Jawi setiap dwiminggu, pencapaian pelajar yang agak terhad dalam subjek ini dapat difahami. Namun, ia langkah pertama dalam usaha yang jauh lebih besar. Andalus telah memulakan modul Jawi bagi para pelajar Diploma Pendidikan Islam sejak beberapa tahun yang lalu dan bakal memulakan pengajian tulisan Jawi bagi para pelajarnya di peringkat ijazah pula (Suhaimi, 2018). Kelemahan para pelajar dalam pengajian tulisan Jawi berpunca daripada kegagalan mengingat dan mengaplikasi beberapa hukum ejaan. Kebanyakannya melibatkan

penggunaan huruf alif atau sebaliknya. Dua golongan kata yang agak keterlaluan dengan keperluan menghafal ejaan setiap perkataan adalah dari senarai pasangan homograf dan senarai kata serapan Arab. Keadaan ini membawa kita kepada persoalan penggunaan teknologi maklumat (IT) bagi tulisan Jawi. Walaupun pelbagai pedagogi, pendekatan dan kaedah telah dihasilkan oleh jurulatih tulisan Jawi di serata Nusantara, IT tetap akan menjadi faktor terpenting bagi perkembangan Jawi moden, penting bagi pembelajaran cepat, efisiensi penggunaan dan populariti Jawi sendiri. Kini, kesemua perkataan dalam bahasa Melayu (Rumi serta versi Jawinya yang diletakkan bersebelahan) dapat dirujuk dalam Daftar Kata Bahasa Melayu, Rumi-Sebutan-Jawi, Edisi ke2 (DBP 2016). DBP juga telah menghasilkan Dewan Eja, perisian seperti Spell Check bagi bahasa Melayu tulisan Rumi. Maka langkah selanjutnya yang natural dalam minda kebanyakan pencinta bahasa adalah terbinanya perisian 'Dewan Eja Jawi' yang bukan sahaja dapat membetulkan segala kesalahan ejaan Jawi malah menyarankan kepada pengguna beberapa ejaan alternatif yang mungkin dapat disesuaikan dengan konteks yang sedang ditangani.

Perisian komputer bagi tulisan Jawi amat diperlukan bagi melancarkan pembelajaran dan penggunaan tulisan Jawi secara serentak. Pengguna dapat mempelajari segala hukum-hakam ejaan Jawi sambil menulis karya atau projek masing-masing tanpa kebimbangan tersalah eja atau terpaksa melalui proses mencari ejaan yang betul dalam sebuah buku rujukan yang tebal yang pastinya mengambil masa dan tenaga. Pada masa yang sama, ketiadaan huruf ca (چ), nga (غ), pa(ف), ga(ك), nya(ث) dan va(ذ) pada sofwe mahupun kibod dapat diatasi. Sementara impian ini sedang direalisasikan, terdapat sebuah institusi ilmu yang mengamalkan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi dalam bilik darjah dengan melibatkan teknologi maklumat. Institusi yang dimaksudkan itu ialah Madrasah Al-Sagoff. Radhiah (2017) melaporkan mata pelajaran Jawi masih diajarkan di madrasah tersebut dengan penggunaan iPad dan perisian komputer bagi tulisan Jawi yang dihasilkan sendiri oleh para asatizah

Madrasah Al-Sagoff. (Lihat Lampiran 5). Ketika ditemuramah, pengetua madrasah, Syed Mustafa bin Syed Ja'afar Al-Sagoff menjelaskan bahawa tujuan mengekalkan tulisan Jawi bukan hanya kerana tradisi tetapi juga supaya generasi akan datang sedar akan kewujudan tulisan jawi sejak awalnya untuk bangsa Melayu. **USAHA PELESTARIAN DAN PEMERKASAAN TULISAN JAWI** Kesenian dan estetika dapat menarik minat orang ramai mendekatkan diri kepada tulisan Jawi. Keindahan yang dimaksudkan adalah seni khat. Namun seni khat Islam banyak menghasilkan tulisan Arab dan al-Quran. Khat Jawi amat berkurangan. Mujurlah terdapat dua orang seniman khat di Singapura yang sudi mempromosikan Jawi menerusi karya seni mereka. Seorang daripadanya ialah Haji Basri Sumanee, Seorang pesara yang giat mempraktikkan dan mempromosikan khat melalui pengajaran di rumah, kursus dan bengkel di sekolah-sekolah

dan di reruai di pesta-pesta keluarga yang dianjurkan oleh masjid dan kelab masyarakat. Stail tulisan khat Haji Basri mirip kepada kaligrafi Cina dengan sedikit modifikasi yang memberikan sentuhan peribadinya. Haji Basri berpandangan bahawa khat Jawi mempunyai potensi yang besar dalam perniagaan kerana banyak produk yang dapat dihasilkan melalui seni ini serta tulisan Jawi – mesej yang sentiasa disampaikan kepada anak-anak muda. Di Majlis Semarak Jawi yang baru berlalu, Tetamu Terhormat, Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim telah dihadahi dengan khat Jawi hasil tangan Haji Basri. Khat yang telah menuliskan sekuntum puisi berjudul Jawi, karya sasterawan Isa Kamari. (Lihat Lampiran 6). Seorang lagi seniman khat, Hazrin Mohamed, lebih berpegang kepada konsep moden dan kontemporari. (Lihat Lampiran 7). Mula bergiat dalam khat sejak lima tahun yang lalu (pada mulanya Hazrin lebih tertarik kepada seni grafiti), Hazrin telah memerhatikan



Gambar hiasan

perkembangan seniman dan pereka grafik dari timur tengah, terutama yang membawa pembaharuan pada aksara Arab. Karya-karya khat kontemporari berhadapan dengan penentangan dan kurang pendedahan di mana-mana disebabkan khat terlalu dikaitkan dengan agama. Dengan khat kontemporari, Hazrin ingin mendekati golongan muda dan membuktikan bahawa Jawi dan khat juga boleh bersifat cool dan ada tempat baginya pada zaman moden ini. Kebanyakan karyanya dipamerkan di instagram @jawigrafi. Hazrin telah mengendalikan bengkel-bengkel Jawi dan Khat di sekolah-sekolah selama beberapa tahun, mengajarkan asas khat, asas Jawi, malah kepentingan Jawi dalam sejarah dan masa depan orang Melayu. Anak muda ini juga telah menubuhkan Hazworkz yang merekacipta hiasan Jawi dan khat, yang tradisional mahupun moden, pada dalaman rumah dan juga bangunan sebagai sebahagian daripada projek pembinaan dan renovasi.

“Tatkala khat boleh membawa Jawi maju ke hadapan, aktiviti transliterasi Jawi ke Rumi adalah sesuatu yang memandang ke belakang dan meneliti sejarah.”

Namun itu tidak bermakna ia suatu yang tidak progresif. Di NLB projek transliterasi atau sesi alih aksara ini telah dimulakan beberapa tahun yang lalu oleh pengurusnya, Mazelan Anuar, seorang Pustakawan Kanan, bersama-sama dengan sekumpulan relawan yang digelar Kumpulan Pencinta Jawi. Kumpulan Mazelan telah mengundang sesiapa sahaja yang boleh membaca Jawi dan berminat menyumbangkan masa dan

tenaga untuk merumikan beberapa manuskrip lama bertulisan Jawi yang terpilih daripada koleksi NLB. Sejauh ini beberapa manuskrip sudah dirumikan termasuk Warta Malaya dan Warta Perang. Bengkel Jawi dan transliterasi juga telah diadakan. Salah seorang ahli akademik yang menjadi pembimbing dalam bengkel seperti ini ialah Zamil Penyelidik George Lyndon Hicks, Dr Jan Van der Putten. Usaha ini membantu mendapatkan maklumat serta ilmu dari zaman lampau. Sesuatu yang menarik minat orang ramai pada hari ini iaitu cara hidup moyang mereka ratusan tahun yang lalu serta kejadian-kejadian yang berlaku pada zaman itu. NLB juga telah mendigitalkan sebahagian daripada koleksi manuskripnya dan mengundang orang ramai mengaksesnya serta merumikan manuskrip bertulisan Jawi secara sukarela. Lelaman The Citizen Archivist Project telah disiapkan bagi tujuan ini.

“Tambahan pula, British Library juga telah memulakan inisiatif mendigitalkan kebanyakan daripada manuskrip Jawi dalam koleksi atau khazanah mereka.”

Ini membolehkan sesiapa sahaja di bahagian dunia manapun mengakses bahan-bahan ini untuk tujuan kajian. Beberapa manuskrip mempunyai kaitan dengan Singapura. Antara yang paling menarik ialah surat daripada Engku Temenggung Seri Maharaja (Daing Ibrahim), Johor, kepada Maharaja (Emperor) Perancis, Napoleon III. (Lihat Lampiran 8) Surat yang dikirimkan pada 1857 itu menghulurkan salam persahabatan yang diiringi hadiah. Surat tersebut berakhir dengan tarikh ‘tujuh belas

haribulan Sya’ban di bandar Singapura, 1273 Hijrah. Menurut perkiraan, 1273 Hijrah sememangnya 1857 Masihi.

Mengenai pembelajaran menulis dan membaca Jawi untuk mesyarakat umum, beberapa kelas sedemikian telah dimulakan di serata Singapura. Antaranya Bengkel Apresiasi Tulisan Jawi oleh NLB Cawangan Yishun pada 31 Mac 2018, Kursus Tulisan Jawi oleh Masjid Kampong Siglap dari September hingga November 2018, dan Bengkel Jawi Santai oleh Masjid Ahmad Ibrahim yang bermula pada 11 April 2019. Terdapat juga ceramah mengenai sejarah dan perkembangan tulisan Jawi dengan tajuk seperti The Malay-Muslim Identity yang dianjurkan oleh Singapore Institute of Management Malay and Cultural Society pada 9 Januari 2014, Jawi: Identiti yang Hilang di Masjid Mujahidin (anjaran Fathiah Calligraphy) pada 22 Julai 2017, dan Masa Depan Tulisan Jawi di Singapura oleh NLB Central pada 30 Mac 2019.

MASA DEPAN TULISAN JAWI

Kajian untuk mengenal pasti keadaan tulisan Jawi yang sebenarnya di Singapura (Hirman 2016) dilaksanakan berdasarkan Teori Kepupusan Bahasa (Crystal 2000). Teori bahasa untuk sistem tulisan? Menurut Houston et al (2003), penggunaan teori ini amat sesuai bagi sistem tulisan juga memandangkan sebagaimana bahasa yang dituturkan boleh diketepikan dan digantikan dengan bahasa yang lebih dominan, perkara yang sama boleh berlaku kepada sistem tulisan, atas nama prestij atau tekanan politik. Ini telah pun berlaku dengan pemindahan dari aksara Arab ke aksara Rumi bagi dua bahasa iaitu Turki dan Melayu. Kepupusan bahasa boleh berlaku juga apabila penutur terakhir sesuatu bahasa itu meninggal dunia. Tetapi skrip tulisan mempunyai kelebihan.



Gambar hiasan

Manuskrip dan artifak boleh terus wujud lama selepas penutur terakhir meninggal dunia.

Berkaitan dengan sikap dan jati diri, Crystal (2000) menyebut tentang enam perkara yang perlu dipraktikkan dalam usaha menyelamatkan bahasa yang berada dalam bahaya menghadapi kemerosotan ke arah kepupusan. Enam perkara tersebut mengatakan bahawa sesuatu bahasa yang menghadapi kepupusan akan berkembang sekiranya penutur bahasa itu meningkatkan prestij mereka dalam sebuah masyarakat yang dominan; meningkatkan kekayaan mereka berbanding dengan masyarakat yang dominan; meningkatkan kuasa politik dan ekonomi yang dikongsi dengan masyarakat yang dominan; mempunyai penglibatan yang tinggi dalam sistem pendidikan; dapat menulis bahasa mereka sendiri dapat menggunakan teknologi elektronik.

Tetapi sebenarnya perkara-

perkara yang disarankan oleh Crystal di atas sudahpun dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Singapura walaupun pencapaian yang jauh lebih tinggi masih terus diusahakan dan perjalanan masih jauh. Orang Melayu Singapura sudah meningkatkan prestij mereka dengan mempunyai jauh lebih banyak pemimpin politik, pemimpin di jabatan pemerintah dan organisasi swasta berbanding masa lampau dan jauh lebih ramai yang berjaya dalam pelbagai bidang profesional. Dengan lebih ramai yang berjaya dalam kerjaya dan perniagaan, boleh dikatakan juga orang Melayu Singapura telah meningkatkan kekayaan mereka. Mereka juga telah berkongsi kuasa politik dan ekonomi dengan memainkan peranan sebagai pemimpin politik dan pegawai tinggi di peringkat kementerian, agensi pemerintah dan badan bukan-pemerintah. Orang Melayu Singapura juga mempunyai penglibatan yang tinggi dalam pendidikan – pernah

terdapat seorang Menteri Negara Pendidikan dan yang terkini Setiausaha Parlimen Kanan Pendidikan. Terdapat Unit Bahasa Melayu di Kementerian Pendidikan Singapura yang menguruskan hal kurikulum dan bahan pembelajaran dan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) yang mempromosikan amalan pedagogi yang berkesan berserta teknologi yang terkini dan sesuai. Kementerian juga bekerja rapat dengan agensi seperti Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Penggunaan bahasa Melayu (sebagaimana bahasa ibunda yang lain diwajibkan di sekolah pada tiga peringkat – sekolah rendah, sekolah menengah dan pra-universiti atau maktab rendah. Semakin jarang seseorang rakyat Singapura menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan sehariannya, terutama di tempat kerja. Satu-satunya organisasi

yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan organisasi adalah Andalus Corporation (Siti Aisyah Nordin 2015). Malah bagi pelajar sekolah juga, bahasa pertuturan di rumah yang sepatutnya adalah bahasa Melayu kian digantikan dengan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Melayu telah merosot (Kamsiah 2000, Roksana 2003, Tajudin 2004, MOE 2005, Naim 2012).

Dengan desakan ekonomi dan pembangunan yang mementingkan bahasa Inggeris di tempat kerja, pengaruh media, dan ibu bapa yang memberatkan bahasa Inggeris untuk memastikan kejayaan anak-anak mereka, bahasa Inggeris menjadi amat dominan. Malah pengajian agama di madrasah separuh masa di masjid-masjid juga sudah beralih kepada bahasa Inggeris menerusi program aLIVE, walaupun masih ada segolongan ibu bapa yang meminta agar pendidikan agama kembali diajar dalam bahasa Melayu (Mukhlis 2015). Ini menampakkan tren kepupusan bahasa secara perlahan (*gradual language death*) disebabkan pengalihan secara perlahan kepada bahasa yang dominan dan juga

kepupusan bahasa dari peringkat bawah-ke-atas, bermula dari tempat seperti di rumah (*bottom-to-top language death, when language change begins in a low-level environment such as the home*) menurut Campbell dan Muntzel (1989).

Mujur para pemimpin masyarakat Melayu Singapura bertindak untuk memperkasa bahasa Melayu. Kempen Bulan Bahasa telah dianjurkan oleh jabatan-jabatan pemerintah dan agensi-agensi yang telah disebut di atas, yang mempunyai kaitan dan kepentingan dalam bahasa Melayu. Bulan Bahasa sudah menjadi acara tahunan yang dilancarkan secara besar-besaran bersama publisiti yang melibatkan para pemimpin negara, cendekiawan dan para selebriti yang di antaranya telah diangkat sebagai duta bahasa. Bahasa Melayu (tulisan Rumi) perlu diselamatkan terlebih dahulu. Tulisan Jawi pada masa ini masih lagi sebahagian kecil daripada seluruh lanskap bahasa Melayu di Singapura.

Realitinya kini, tulisan Jawi memerlukan bahasa Melayu tulisan Rumi – kehadirannya, kelestariannya dan keperkasaannya. Tulisan Jawi perlu dijelaskan dan diajarkan melalui tulisan Rumi. Maka dengan itu survival bahasa Melayu tulisan Rumi amat penting. Walaupun sebenarnya tulisan Jawi juga boleh memainkan peranannya memperkukuh kedudukan bahasa Melayu di hati orang Singapura, melalui sumbangannya dalam sejarah, warisan, budaya dan kesenian. Maka seperti aur dengan tebinglah Jawi dan Rumi, amat erat dan saling memerlukan. Yang penting, untuk wujud, kededuanya perlu terus digunakan kerana menurut Crystal (2000), faktor yang paling kuat

yang menyebabkan kematian atau sebaliknya, kelestarian sesuatu bahasa itu adalah sikap penutur itu sendiri terhadap bahasanya, tanpa mengira betapa dominannya bahas lain.

Maka dengan itu, Jawi perlu diberikan tempat dalam perjuangan orang Melayu Singapura. Aktiviti pembelajaran Jawi sempena Bulan Bahasa sudahpun ada sejak beberapa tahun yang lalu, hanya perlu diperbanyakkan, dipelbagaikan dan dipertingkatkan kualiti majlis atau aktiviti tersebut. Antara idea-idea yang diketengahkan oleh Hashim dan Adi (2009) adalah.


“Tulisan Jawi mesti dikaitkan dengan jati diri orang Melayu yang sudah wujud selama 700 tahun.”

Kaitan langsung tulisan Jawi dengan al-Quran, hadis, kitab-kitab lama ulama-ulama Melayu

Membanyakan khazanah bahan bacaan dan juga pengajaran dan pembelajaran secara umum (untuk yang bukan Muslim juga)

Menerbitkan khazanah persuratan Melayu dalam pelbagai bidang – perubatan tradisional, persenjataan, pembinaan kapal dsb

Gambar hiasan



Memperbanyak penerbitan baharu dalam bidang-bidang yang disebutkan

Segmen tulisan Jawi di akhbar, majalah dan buletin masjid serta madrasah

Mencetak kembali surat-surat emas raja-raja dalam format besar untuk menghias bangunan-bangunan institusi agama, pemerintah dan ilmu (pelestarian warisan bangsa bernilai tinggi)

Menghasilkan khat kontemporari dalam bentuk al-Quran, hadis, syair, gurindam sebagai hiasan di bangunan – peringkat professional dan pelajar (kraf tangan)

Membudayakan tulisan Jawi pada hari-hari kebesaran (seperti Hari Raya Aidilfitri) pada kad dan kain rentang dsb

Mengadakan minggu tulisan Jawi di setiap sekolah dan IPT – mengadakan peraduan dan pameran dokumen-dokumen bersejarah

Mengadakan kerjasama antarabangsa dengan masyarakat Melayu Islam di Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam dan Kambojia dalam projek-projek pemerikasaan Jawi

Sebagai tambahan, Jawi berpotensi berkembang kepada tiga bahagian utama, yang berkaitan dengan masa silam (sejarah); yang berkaitan dengan masa kini (pelestarian dan pemerikasaan) dan yang berkaitan dengan masa depan

(keuntungan bersama dalam budaya, sosial dan komersil). Yang bersejarah adalah sebuah khazanah yang perlu dicungkil ilmu daripadanya untuk mengetahui kejadian dan pengetahuan dari masa silam. Yang terkini untuk dipraktikkan agar Jawi tidak pupus, serta menghiasi apa sahaja yang penting dalam kehidupan dari kad undangan ke dinding bangunan – baik yang kelihatan tradisional mahupun kontemporari. Kajian dan filem dokumentari perlu diperbanyak. Antara kajian menarik yang sedia ada adalah etimologi perkataan Melayu yang berasal daripada bahasa Arab yang dianalisis secara fonetik (Abbas 1999). Bagi masa hadapan, apapun produk atau karya yang dihasilkan, pastinya dapat dikongsi bersama dengan seluruh rakyat Singapura baik yang maujud, yang digital, yang bergabung dengan budaya lain dan mungkin juga yang tiga-dimensi. Kesemuanya dapat memperkaya Singapura dari segi budaya dan tamadun.

Tenaga semua pencinta Jawi perlu digembleng, baik yang profesional mahupun para relawan. Seperti yang dinyatakan oleh Raman (2019),

“Dengan kecanggihan Singapura dalam teknologi, mungkin suatu masa nanti, aplikasi Jawi di komputer dan telefon bimbit dapat diwujudkan. Dalam pada itu, Singapura juga boleh menyumbang ke arah pembakuan ejaan dan tulisan Jawi

serta pembongkaran khazanah dalam tulisan itu untuk keperluan generasi hari muka...”

Dalam laporan yang sama, Cikgu Supki Haji Sidek yang mengetuai sebuah jawatankuasa protem para penggiat Jawi menjelaskan bahawa mereka sedang meneroka pelbagai kemungkinan, termasuk menubuhkan sebuah badan khusus yang dapat menghimpun dan memupuk bakat bukan saja memperkenalkan semula Jawi kepada masyarakat Melayu, tetapi seluruh Singapura. Dengan bantuan Persatuan Kemuning Singapura dan di sokong oleh Jawatankuasa Eksekutif Aktiviti Melayu (MAEC) Siglap South dan Braddell Heights, jawatankuasa protem tersebut telah menjayakan Majlis Semarak Jawi pada 21 April 2019, di mana dua kertas kerja mengenai Jawi telah dibentangkan dan novel Duka Tuan Bertakhta, Edisi Jawi karya Isa Kamari telah diluncurkan.

Pada ketika makalah ini ditulis, Singapura sedang meraikan sejarah 200 tahunnya, The Singapore Bicentennial Commemoration (bicentennial,sg 2019). Bukan 200 tetapi 700 tahun sejarah Singapura yang ingin diperingati.

“Pastinya, tulisan Jawi boleh menjadi salah satu perkara yang dapat menjadi milik dan tanda identiti Singapura.”



DR. HIRMAN MOHAMED KHAMIS @ Hirman bin Md Nor lahir di Singapura. Beliau telah bertugas sebagai guru bahasa Melayu di Singapura sejak 1997 apabila beliau tamat kursus diploma perguruan di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/NTU). Beliau pernah bertugas sebagai pegawai pembangunan kurikulum di Kementerian Pendidikan, Singapura. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda(Pendidikan) dari Universiti Putra Malaysia (UPM,2004), Sarjana Pendidikan, NIE/NTU (2008) dan Doktor Falsafah, PhD, dari UPM, 2016. Antara pencapaian beliau termasuklah JUARA 2002 (kategori gubahan lagu), Hadiah Penghargaan (Bidang Lirik Lagu), Anugerah Persuratan(2003) dan telah menerbitkan dua buah buku: 'Gergasi dalam Almari'(buku Kanak-kanak) dan 'Exploring Malay'. Kini, selain bertugas sebagai guru, beliau juga adalah seorang pensyarah bersekutu di sebuah universiti tempatan secara separuh masa. Bersama beberapa rakan seperjuangan, Dr Hirman terlibat dalam usaha melestarikan tulisan Jawi di Singapura.

MEMELIHARA KHAZANAH BUDAYA MELAYU

Dr Norshahril Saat

Jati diri sesebuah masyarakat boleh diukur berdasarkan jauh atau dekatnya penerapan sejarah, warisan dan budaya dalam masyarakat tersebut. Sejarah, warisan, dan budaya saling melengkapi, dan ia mencorak kebudayaan seperti bahasa, tarian, pakaian, seni lukisan, dan

musik masyarakat, yang bukan hanya dilestarikan zaman-berzaman dan diturunkan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Namun, warisan atau budaya tidak boleh wujud tanpa nilai dan tradisi. Budaya dan warisan boleh memacu masyarakat ke hadapan, dan nilai dan tradisi boleh menjadi

pemangkin pada kemajuan masyarakat tersebut. Masyarakat yang mengamalkan atau mengutamakan nilai dan tradisi dapat kekal relevan dan terus maju, setanding dengan masyarakat-masyarakat lain. Nilai dan tradisi inilah yang bakal mengutuhkannya lagi jati diri masyarakat Melayu demi menempuh cabarab-cabaran mendatang.

Makalah ini akan membincangkan pentingnya nilai dan tradisi dalam pembentukan jati diri masyarakat Melayu. Aspek-aspek ini penting demi meredakan pertembungan antara golongan konservatif, yang hanya cenderung untuk menyekat aspek-aspek yang dianggap baru, dan konstruktivis, golongan sarjana yang menganggap budaya dan warisan Melayu hanyalah satu rekaan semata-mata. Interpretasi golongan konservatif mereka terhadap nilai dan tradisi berpaksi pada anti-pembaharuan atas alasan ia tidak sesuai dengan budaya dan warisan Melayu. Namun, hakikatnya warisan atau budaya Melayu tidak kekal statik, kerana pemikiran sedemikian akan hanya membekukan pembaharuan. Sebaliknya, golongan konstruktivis pula menyatakan bahawa warisan dan budaya Melayu sudah lapuk dan harus dipinggirkan. Timbul pula perdebatan

bahawa istilah “Melayu” itu tidak wujud, atau hanya satu rekaan semata yang bertujuan untuk dimanfaatkan pihak-pihak berkepentingan.

Untuk meredakan pertembungan kedua-dua perspektif ini, perlu ditekankan bahawa budaya dan warisan melalui proses evolusi, dan akan terus menyerap perubahan agar sesuatu masyarakat itu kekal relevan. Bagi masyarakat Melayu, Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan warisan dan budaya. Warisan dan budaya boleh mengukuhkan jati diri masyarakat Melayu demi menghadapi cabaran-cabaran seperti pelebaran jurang antara golongan kaya dan susah, masalah pendidikan, masalah pergeseran antara agama dan puak-puak berbeza dalam masyarakat Islam. Malangnya, pertembungan antara konservatif dan konstruktivis hanya akan mewujudkan perdebatan

antara isu-isu remeh, seperti adakah konsert rok itu sebahagian daripada budaya Melayu, atau apakah lukisan mural yang mengkritik budaya feodal itu sebahagian daripada warisan Melayu? Isu-isu ini akan dibincangkan dalam makalah ringkas ini sebentar lagi. Tambahan lagi, golongan konstruktivis juga akan melekatkan stereotaip-stereotaip negatif terhadap masyarakat, misalnya sifat-sifat malas, kurang bekerja keras, suka pada hiburan, seringkali dikaitkan sebagai sebahagian daripada budaya Melayu. Kadangkala, stereotaip-stereotaip negatif ini boleh dijadikan bahan politik, baik semasa ara kolonial, atau masakini. Demi mempertahankan kedudukan masing-masing, golongan elite Melayu sendiri terjebak dalam meremehkan budaya dan warisan Melayu, apabila membincangkan “kegagalan” masyarakat berbanding masyarakat-masyarakat lain.

Gambar hiasan



PERANAN TRADISI DALAM BUDAYA MELAYU

Tradisi adalah sesuatu konsep yang sering disalahertikan. Ia seringkali dianggap sebagai satu sudut pandang yang kebelakang. Sebenarnya tradisi bukanlah anti-kemajuan. Ia harus dilihat dalam bentuk nilai-nilai penting yang dipromosikan masyarakat. Menurut Shahrudin Maaruf, tradisi itu sendiri melalui perubahan, dan masyarakat yang mengamalkan tradisinya akan cuba menyesuaikan diri demi kemajuan dan modenisasi. Penerapan tradisi seringkali disalahertikan dengan tradisionisme, iaitu proses membekukan pemikiran dan anti-rasionalisme. Dalam usaha kita untuk memahami istilah tradisi, yang penting adalah memahami bagaimana nilai-nilai yang sangat dekat dengan masyarakat Melayu, iaitu seperti semangat gotong-royong, bantu-membantu, nilai-nilai kekeluargaan, dan menghormati orang tua, diterapkan dalam masyarakat. Sebagai contoh, dalam masyarakat Melayu, budaya menghormati orang tua menjadi sebahagian daripada amalan dalam menyambut Eidulfitri, Walaupun asalnya perayaan tersebut adalah untuk meraikan kemenangan setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadhan, bagi masyarakat Melayu, hari tersebut juga dieertikan dengan nilai-nilai yang dipegang kuat oleh masyarakat. Gabungan sambutan Islamik dan juga Melayu menjadikan sambutan hari raya, aau lebaran unik bagi masyarakat di Asia tenggara. Bentuk-bentuk kesenian dan estatika juga boleh sahaja mengalami perubahan dengan menerapkan aspek-aspek baharu selagi ia selari dengan nilai-nilai yang disebutkan tadi. Tradisi Melayu boleh diambil daripada khazanah-khazanah lama: seperti penulisan-penulisan sasteram bahan-bahan sejarah pantun dan peribahasa, sejarah lisan, falsafah

agama, dan seni yang kaya dengan unsur-unsur etika.

Di sini Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai dan jati diri masyarakat Melayu. Islam merangkumi nilai-nilai universal dan dikongsi oleh masyarakat dan budaya lain. Namun, ia adalah aspek penting dalam pembentukan sejarah bahasa, budaya, dan kehidupan orang-orang Melayu. Di sini, Syed Hussein Alatas pernah menyatakan bahawa hubungan Islam dan budaya Melayu merangkumi tiga aspek: percanggahan, penerimaan, dan juga netral. Misalnya, satu aspek yang bercanggah adalah dalam aspek ketuhanan pada yang Maha Esa, iaitu kepada Allah SWT. Dahulu, orang Melayu menganut agama Hindu, Buddha dan animisme, namun setelah kedatangan Islam, majoriti orang Melayu percaya kepada tuhan yang satu. Memandangkan kuatnya pengaruh Islam dalam identiti Melayu, maka seseorang boleh “masuk Melayu” (disamakan dengan masuk Islam). Malah, perlembagaan Malaysia juga mengiktiraf agama Islam sebagai elemen penting dalam definisi orang Melayu.

Namun, Islam sangat menghormati budaya setempat. Ada pelbagai penerapan unsur-unsur budaya terhadap pengamalan agama Islam di rantau Nusantara ini. Bukanlah hasrat makalah ini untuk menyenarailah dalil-dalil Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad untuk menyatakan penghormatan Islam terhadap budaya, namun sejarah Islam sendiri menunjukkan interaksi kedua-duanya berlaku. Ulama besar yang juga Ketua Umum Nahdlatul Ulama di Indonesia, Said Aqil Siradj, menyinggung kaitan budaya dan juga Islam. Menurutny, “Kita bisa melihat derasnya saling keterpengaruhannya antara agama dan budaya. Agama memberi ajaran kepada penganutnya, tetapi juga berbicara mengenai

alam. Misalnya, tentang kosmos dan hubungan antar manusia. Inilah yang membuat pendekatan agama dan budaya amat penting.”

Salah satu contoh yang paling ketara adalah daripada aspek perundangan yang mengambil kira budaya dan adat resam orang Melayu. Pernah satu ketika dahulu ada semacam pergeseran antara golongan yang mengamalkan adat pepatih masyarakat Minangkabau dengan golongan yang disebut “pembaharu” (Salafi-Wahhabi). Pergeseran ini berlaku pada kurun ke sembilan belas, di mana berlakunya perang paderi di Sumatera. Walaubagaimanapun, adat pepatih—yang memberikan hak-hak warisan lebih pada golongan wanita—ini diterima pakai kerana prinsipnya tidak lari daripada aspek keadilan yang ditunjang oleh Islam.

Islam juga menghormati makanan, kuih-muih, cara berpakaian orang Melayu. Ia tidak sama sekali mewajibkan orang-orang Melayu berpakaian secara Arab, seperti berjubah dan berserban, kerana baju Melayu itu sendiri dianggap Islamik. Malah, baju batik juga diterima sebagai memenuhi identiti Islam dan masyarakat Nusantara. Timbul keresahan beberapa pihak yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu kini suka meniru budaya Arab, satu proses yang dianggap Arabisasi. Islam tidak mewajibkan pernah ummatnya berpakaian seperti Arab dalam memenuhi tuntutan ritual seperti solat (disebut sembahyang dalam masyarakat Melayu). Nilai yang ditekankan Islam dan diterapkan dalam masyarakat Melayu adalah beradab sesuai dengan norma-norma masyarakat tersebut.

Malangnya, zaman kebangkitan Islam sekitar tahun-tahun 70-an telah merubah cara berfikir orang-orang Melayu. Ideologi golongan-golongan tegar dari Timur Tengah (termasuk Salafi-Wahhabi), dan negara-negara

di India, sampai ke Nusantara. Jika pada kurun ke 19, ada golongan yang disebut sebagai Salafi-Wahhabi masuk ke tanah Melayu, dan golongan ini sendiri mendapat tentangan hebat oleh orang-orang Melayu, golongan revivalis ini pula terdiri daripada golongan terpelajar, yang merupakan aktivis-aktivis kampus di universiti-universiti lokal. Pada saat inilah bermula perdebatan hangat tentang samada budaya Melayu memenuhi cita-rasa Islam. Inilah detik permulaan bila mana golongan revivalis mempersoalkan samada kuda-kepang itu memenuhi ciri-ciri Islam, begitu juga dikir barat dan tarian Melayu. Perubahan juga dapat dilihat dari sudut pakaian, di mana ada yang mempersoalkan samaga baju bercorak batik sesuai buat lelaki, kerana ia dikatakan sebagai usaha untuk menjadi seperti wanita, dan bagi wanita pula, semakin ramai

yang memakai tudung atau apa yang dikenali dengan istilah Arabnya sebagai hijab. Dalam Islam, sebenarnya pemerhatian terhadap budaya ini bersifat neutral, dan tidak menjejaskan fungsi manusia terhadap Tuhan yang maha esa, iaitu untuk mengamalkan sikap yang baik, saling menghormati, dan berlaku adil, diantara nilai-nilai yang diamalkan oleh agama Islam. Malangnya, sejak tahun-tahun ini, pemahaman Islam dinilai dari sudut ritual dan luaran sahaja, bukan kemanusiaan.

PERTEMBUNGAN GOLONGAN KONSERVATIF DAN KONSTRUKTIVIS

Masalah masakini adalah wujudnya golongan yang menyamakan pemeliharaan warisan dengan orientasi konservatisme. Golongan ini merasakan bahawa pembaharuan atau usaha untuk memahami cita rasa

golongan muda tidak selari dengan budaya Melayu. Pada tahun 2019, Taman Warisan Melayu (MHC) yang diterajui National Heritage Board (Majlis Warisan Kebangsaan, atau NHB) dikritik oleh seorang penulis kerana membenarkan lukisan mural di salah sebuah tembok Gendung Kuning. Tidak dinafikan bahawa bangunan itu merupakan satu tapak warisan sejarah, dan dibina sebagai Rumah Bendahara di Singapura semasa zaman kesultanan Melayu pada abad ke sembilan belas. Dalam suratnya yang diterbitkan Straits Times pada 9 May 2019, beliau mengatakan terkesan dengan lukisan mural di Kampung Gelam. Mural tersebut dilukis oleh pelukis muda Zul Othman yang mengenangkan tentang kisah Wak Cantuk. Apa yang mungkin tidak didalami adalah pada satu ketika dahulu, nama Wak Cantuk dijadikan nama pena seorang kolumnis Berita Harian. Mengapa hal sedemikian tidak

Gambar hiasan



dilihat sebagai kontroversi? Kritikan terhadap mural tersebut sebenarnya tidak mengambil kira pandangan golongan muda yang secara purata tidak melihat ia sebagai satu masalah, atau penghinaan terhadap warisan Melayu. Walaupun kisah kehidupan peribadi Wak Cantuk menggambarkan episod hitam kawasan tersebut, namun, dalam usaha menghayati warisan dan sejarah masyarat, kita tidak seharusnya yang tertumpu pada sejarah positif sahaja. Jika tidak, akan menjadi satu musibah jika masyarakat hanya mengagungkan zaman masyarakat feudal, dan menggambarkan sistem masyarakat feudal sebagai satu sistem yang ideal dan boleh dikembangkan dalam kepimpinan masyarakat kita.

Contoh kedua adalah penganjuran konsert rok di Wisma Geylang Serai pada bulan Januari 2019. Konsert Rusty Blade telah berjaya menarik hampir 6000 penonton, dan amat popular dengan golongan muda. Namun, penganjuran konsert tersebut telah mengundang kritikan oleh para netizen yang menyatakan ia tidak sesuai dengan kebudayaan Melayu. Wisma Geylang Serai merupakan tapak baru yang dekat untuk orang Melayu. Yang dipertikaikan adalah samada rok dianggap “Melayu” atau “bukan Melayu”.

Masyarakat Melayu adalah satu masyarakat yang adaptif dan menerima trend atau pembaharuan. Tentu sekali apabila sesuatu yang baharu diperkenalkan, akan ada periode transisi atau yang disebutkan sebagai tempoh penyesuaian. Setiap era pasti akan menyaksikan tempoh ini. Misalnya, musik tradisional ala P Ramlee bertembung dengan kemasukan pengaruh The Beatles atau kugiran gitar rancak pada tahun 1960an. Begitu seterusnya dengan music rap dan juga hip hop pada zaman millenium. Sama juga dengan makanan dan kuih-kuih Melayu. Ada yang mengatakan bahawa makanan

hipster, seperti mana yang dijual semasa Bazaar Ramadhan di Geylang Serai, sudah tidak lagi mencerminkan budaya Melayu. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah dikalangan pelajar juga menimbulkan kekhuatiran aktivis dan guru-guru bahasa tentang akan hilangnya jati diri Melayu. Sebenarnya, kita tidak seharusnya melihat fenomena ini sebagai “zero-sum”, (kelibihan satu sudut yang akan mengurangkan sudut lain) tetapi harus menganggapnya sebagai penerapan elemen-elemen baru tanpa mengetepikan jati diri budaya dan tradisi.

“*Yang kurang diberi perhatian oleh masyarakat kita sekarang ini adalah usaha untuk melenyapkan identiti Melayu sama-sekali.*”

satu tajuk perbincangan mahasiswa-mahasiswa kita. Mungkin kerana ia adalah satu topik perbincangan dikalangan mahasiswa, ia diambil sambil lewa. Ada segelintir daripada masyarakat kita, terutama sekali sarjana dan akademik, yang mengatakan bahawa Melayu itu adalah satu konstruk dan tidak wujud. Inilah yang menjadi medan perdebatan di universiti-universiti sekarang ini. Jika dahulu, orang Melayu dianggap sebagai “aib” dengan sifat-sifat malas dan fanatik agama, kini masyarakat Melayu dianngap sebagai ghaib dan tidak wujud. Saya melihat fenomena kedua ini sebagai lebih bermasalah berbanding dengan masalah pertama, kerana pihak kolonial masih mengiktiraf kewujudan orang Melayu walaupun ia menggambarkan stereotaop-stereotaip negatif.

Hakikatnya, Melayu itu bukanlah satu kumpulan etnik jika dibandingkan dengan masyarakat Cina atau India atau Arab, tetapi sesuatu budaya. Tentu sekali, sepertimana yang telah dibincangkan di atas, budaya boleh mengambil kira pembaharuan untuk

disesuaikan dengan peredaran zaman.

Yang menjadi perdebatan khusus di kampus-kampus masakini terhadap warisan Melayu adalah berkenaan persoalan siapakah Melayu? Dan yang lebih buruk lagi, ada pula yang mempersoalkan apakah Melayu itu wujud? Penulis-penulis buku berkenaan persoalan ini bukan sahaja sarjana-sarjana yang datang dari negara luar atau barat, tetapi juga masyarakat Melayu. Persoalan tentang siapa Melayu juga timbul semasa perdebatan hangat berkenaan langkah pemerintah menghadkan pemilihan Presiden Singapura pada calon-calin Melayu pada tahun 2017, dan samada Presiden Halimah Yacob seorang Melayu sejati. Bagi saya, persoalannya bukan soal etnik arau kaum, tetapi bagaimana seorang yang bergelar Melayu berjiwa Melayu dan bersimpati terhadap nasib masyarakatnya. Di sini, Presiden Halimah beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dengan baik, dan mengamalkan budaya Melayu; dan yang mustahak, sepanjang kerjaya politiknya, beliau berjuang untuk masyarakat Melayu. Masih kurang Melayukah beliau?

Bagi menjawab golongan yang memperlekehkan definisi Melayu tersebut, kita perlu bertanya samada soalan definisi Melayu itu penting bagi kajian ilmiah? Apakah kewujudan golongan nasionalis Melayu yang bermati-matian memperjuangkan hak bangsa juga satu konstruk yang diperlekehkan? Satu ketika dahulu, mantan Presiden Singapura Encik Yusof Ishak pernah mempersoalkan orang-orang Arab atau peranakan yang memperkecilkan identiti Melayu, dan samada mereka benar-benar bercakap tentang kemaslahatan orang Melayu. Kini ada pula sarjana yang pergi lebih jauh dengan menyatakan bahawa Melayu tiada, dan buklan hanya bermasalah. Ini bukan lagi masalah Melayu ain, yang seringkali dikaitkan dengan stereotaip-taip seperti keluarga pincang, kemalasan, perceraian, masalah dadah, dan keganasan, tetapi sekarang sudah menjadi Melayu ghaib.

WARISAN DAN MENDEKATI GOLONGAN MUDA

Justeru, bagaimanakah caranya untuk berdepan dengan golongan muda yang menghadapi dua golongan ini: iaitu konservatif dan konstruktivis? Kedua-dua boleh dianggap sebagai ekstrem dalam pemikiran tanpa mengambil kira masyarakat yang bangga menggelarkan diri mereka sebagai orang Melayu. Bagaimana pula untuk mendekatkan golongan muda kita kepada warisan dan budaya? Di sini, kita harus lebih peka terhadap kemahuan orang muda tentang bagaimana mereka mengamati warisan dan budaya. Malah kita juga harus lebih terbuka dengan idea-idea baru, wahana-wahana baru, dan juga bentuk-bentuk baru yang cuba menggabungkan cara-cara baru dengan lama. Tengkarah berkenaan mural yang dibincangkan tadi boleh dielakkan jika kita lebih terbuka pada elemen-elemen baharu ini, seperti mana yang kita telah bincangkan lewat definisi tradisi tadi. Elemen-elemen lapuk boleh sahaja dipinggirkan asalkan ada elemen-elemen Melayu yang utuh. Elemen-elemen penting bagi masyarakat Melayu sebenarnya berkait rapat dengan nilai-nilai universal dalam Islam seperti keadilan, sopan-santun, menghormati orang tua, berbudi bahasa, dan kelembutan. Ada juga nilai yang baik yang sangat ditekankan oleh masyarakat Melayu iaitu semangat bergotong-royong, iaitu saling bantu-membantu tanpa mengira bangsa, kedudukan, atau usia.



DR NORSHAHRIIL SAAT adalah zamil ISEAS-Yusuf Ishak Institute dan Pengerusi Yayasan Warisan Melayu (MHF). Beliau pakar sains politik Malaysia, Indonesia dan Singapura. Dr Norshahril ialah lulusan Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Antarabangsa, Politik dan Strategik dari Australian National University (ANU). Sebelum ini, beliau lulusan Sarjana Pengajian Melayu National University of Singapore (NUS). Beliau telah menerbitkan beberapa buku, dan yang terbaru *The State, Ulama and Islam in Malaysia and Indonesia* (Amsterdam University Press, 2018), dan *Tradition and Islamic Learning: Singapore Students in the Al-Azhar University* (ISEAS: Publishing).

Justeru, apakah yang boleh dilakukan untuk mendekatkan golongan belia terhadap warisan dan budaya Melayu? Pertama adalah untuk memberikan ruang bagi golongan mapan berinteraksi dengan golongan muda. Ini untuk mengelakkan salah faham atau mengapi-apikan sifat pertembungan budaya antara kedua-dua golongan. Golongan muda ada cara mereka tersendiri untuk menyampaikan mesej nilai budaya Melayu. Dengan memberikan golongan muda ruang sebegini, ini tidak bermakna kita harus melenyapkan kuih-muih, makanan, bahasa, dan budaya Melayu. Malah apa yang perlu dipertingkat adalah usaha kedua, iaitu mendokumentasi sejarah bagai tatapan masyarakat masa depan. Sesuatu perkara atau cara hidup mungkin dianggap tidak relevan masakini, namun siapa tahu, ia mungkin relevan di masa hadapan. Di sini, kita perlu lebih ramai dalam masyarakat kita untuk menulis dan membukukan warisan kita. Proses ini harus dilakukan berperingkat-peringkat, dan harus disesuaikan pada peringkat umur golongan yang ingin ditujukan. Misalnya, untuk mendekatkan isu-isu warisan bagi budak-budak kecil, bolehlah menggunakan pendekatan jenaka atau kartun. Bagi golongan yang lebih senior, penulisan dan pengumpulan maklumat ini boleh dilakukan dalam bentuk prosa, gambar, atau sastera. Ini termaksud usaha pengumpulan puisi, cerpen, dan penulisan-penulisan lain.

Ketiga, usaha pengumpulan warisan dan sejarah bukan sahaja perkara-perkara yang positif sahaja, tetapi haruslah merangkumi warisan secara keseluruhannya. Ini termasuk isu-isu negatif, agar masyarakat dapat membuka minda. Kisah mural *Wak Cantuk* di sabahagian tembok Gedung Kuning yang telah dibincangkan adalah satu contoh mengapa isu-isu warisan bukanlah hanya cerita-cerita hiburan dan baik sahaja. Gambaran realiti penting, dan usaha untuk menyelesaikan masalah juga adalah sebahagian daripada pembentukan jati diri masyarakat. Dalam erti kata lain, kehidupan tidak boleh lari daripada cabaran. Malah jika kita hanya membangkitkan cerita-cerita positif sahaja, ia boleh menjurus kepada propaganda. Dalam hal ini, kita perlu bincang secara terbuka masalah-masalah yang dihadapi masyarakat Melayu semasa zaman feudal dan membincangkannya secara kritikal. Ini demi memastikan bahawa generasi mendatang tahu akan masalah masa lampau dan mengambil iktibar daripada episod tersebut agar tidak mengulanginya lagi di masa hadapan. Sekadar berucap dan melaungkan ungkapan bahawa masyarakat kita sudah maju dan gemilang tidak membantu.

Akhir kata, perbincangan terhadap warisan bukanlah hanya perbincangan soal masa lampau sahaja, tetapi untuk masa depan. Kita perlu menghidupkan semula usaha-usaha masa lalu di masa kita ada tradisi intelektual dan kritikal yang wujud di Singapura ini. Biarlah buda berfikir ini dijadikan tradisi kita dan warisan kita untuk generasi mendatang, sebagai sumbangan kita buat masyarakat Melayu di masa hadapan.

IMBUHAN MENDINAMIKKAN DAN MEMVARIASIKAN KEKATA BAHASA MELAYU

Othman Bin Salam



Seandainya para pengguna bahasa Melayu sangat inovatif dan kreatif membentuk perkataan, bahasa Melayu akan sentiasa terkini, mengikuti perkembangan persekitaran masyarakat penggunaanya. Salah satu cara untuk membina perkataan dalam bahasa Melayu adalah melalui proses pengimbuhan: awalan, akhiran dan sisipan.

Pelbagai kekata baharu dapat dicipta dengan menggunakan imbuhan. Apabila seseorang berbahasa Melayu memberi tumpuan dan mencerna dengan teliti fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu, daya kreativiti akan berkembang kerana kuasa mindanya akan bertindak aktif. Lantaran itu, kosa kata bahasa Melayu akan bertambah untuk menggambarkan pelbagai objek baharu, perbuatan akibat daripada perlakuan terkini dan rupa bentuk.

Imbuhan berupaya mempelbagaikan erti sepatah perkataan dasar yang diimbuh dengan cara yang betul, sehingga dapat memvariasikan maksudnya. Sebagai contoh kata dasar 'duduk' boleh menjadi – 'penduduk', 'pendudukan', 'mendudukkan', 'menduduki', 'didudukkan', 'diduduki', 'kedudukan', 'berkedudukan', 'terduduk', 'sekedudukan', 'bersekedudukan', 'diperdudukkan', 'dudukkan', dan sebagainya mengikut keinovatifan seseorang pengguna. Hanya dengan menggunakan imbuhan berlainan sahaja pengguna dapat menggambarkan pelbagai maksud, fungsi dan jenis kekata terhadap sepatah kata dasar. Kekata 'duduk' merupakan kata kerja telah menjadi kata nama apabila diimbuh dengan 'pe' (penduduk), 'pe-an' (pendudukan). Hatta kekata 'kedudukan', 'sekedudukan' dan 'bersekedudukan' juga telah

menggambarkan keadaan yang sangat berlainan serta berbeza akibat penggunaan imbuhan yang berlainan.

Imbuhan juga boleh memperbanyakkan kosa kata bahasa Melayu dari masa ke semasa. Kekata asing boleh dimelayukan dengan menggunakan imbuhan dan sentiasa diterima umum. Contohnya kekata Inggeris 'real' yang sudah diimbuh menjadi 'merealisasikan' merupakan penambahan kosa kata bahasa Melayu. Malahan daya kreativiti para pengguna bahasa Melayu secara tidak sengaja telah serasi mencipta kekata baharu

Gambar hiasan



setelah menggunakan imbuhan dengan betul seperti kekata 'ubah' dan 'suai' menjadi 'mengubahsuaikan' atau 'pengubahsuaian'. Pembentukan sebegini secara tidak langsung telah memperbanyakkan kosa kata bahasa Melayu dan menjadikannya hidup dan dinamik.

Daya kreativiti para pengguna bahasa Melayu akan bercambah dan bercabang setelah memahami fungsi dan cara menggunakan imbuhan dengan betul. Kekadang penciptaan kosa kata baharu berlaku secara sembrono pada peringkat awal kerana terpengaruh dan malas mencari kosa

kata yang sedia ada seperti kekata Inggeris 'delegation' diimbuh dengan 'pe-an' menjadi 'pendelegasian' dan 'mental revolution' diimbuh dengan 'me-an' menjadi 'merevolusimentalkan' mula digunakan pada tahun-tahun 70-an oleh pembesar negara dan para sasterawan tersohor.

Kemahiran seseorang menggunakan imbuhan membolehkannya mempelbagaikan maksud dan fungsi sesuatu perkataan seperti contoh-contoh berikut: 'pemerdagangan', 'pemberkesanan', 'seperturutan', 'kepertanggungjawapan',

'pemberdayaan', 'dilipatkaligandakan', 'mengkesimpangkan', 'terselepas', 'keterdesakan', 'terperagak', 'berkebetulan', 'pengkesampingan', 'mesin pembasuh', 'pengekonomanian', dan 'sebagainya' merupakan kekata ciptaan para cendekiawan, penulis dan sasterawan yang dinamik.

Kedinamikan bahasa Melayu akan sangat ketara seandainya penggunaan dan pembelajaran tentang peranan imbuhan dalam bahasa Melayu diperhebat. Penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu boleh menimbulkan rasa ingin tahu seseorang pelajar. Selain berperanan

sebagai satu bab teori bahasa yang boleh berfungsi khusus, secara umum imbuhan juga boleh membentuk jenis kata kerja daripada jenis kata-kata lain seperti kata sifat ‘putih’ diimbuh dengan ‘me-kan’ menjadi ‘memutihkan’, kata keadaan ‘laju’ diimbuh dengan ‘di--kan’ akan menjadi ‘dilajukan’ dan seterusnya. Imbuhan juga boleh membentuk kata kerja aktif atau pasif daripada kekata yang sama seperti kekata “menjual dan dijual”. Lantas daya kreativiti seseorang akan berkembang.

Kesimpulannya pembelajaran imbuhan dalam bahasa Melayu boleh menyebabkan pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu tidak ketinggalan zaman kerana kemahiran menggunakan imbuhan membolehkan seseorang mencipta kekata baharu demi memenuhi perkembangan bidang hubungan dalam dunia modern. Imbuhan juga membolehkan kita lebih kreatif untuk mencipta kekata baharu yang memberi pengertian yang lebih tepat dan sempurna.

Imbuhan juga boleh menambah kosa kata kerja dalam bahasa Melayu, sedangkan kosa kata kerja terbitan sedemikian tidak berlaku kepada kekata di dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Sebagai contoh: kekata ‘budak’ boleh diimbuh hingga menerbitkan kata-kata kerja:- ‘membudakkan’, ‘memperbudakkan’ dan ‘diperbudakka’n. Kekata berimbuhan demikian, tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain seperti BI. Bersandarkan fungsi imbuhan ‘me’, ‘di’ serta ‘me-i’, ‘me-kan’, ‘di---i’, ‘di---kan’, ‘memper...kan’ dan sebagainya, bilangan kosa kata kerja dalam Bahasa Melayu boleh bertambah dan membawa pengertian yang pelbagai pula. Proses pengimbuhan begini membolehkan daya kreativiti pengguna Bahasa Melayu berkembang dan dapat memperbagaikan makna

sesuatu perkataan .Pelbagai cara boleh disesuaikan untuk memperbanyakkan kosa kata kerja terbitan berkenaan. Natijahnya kosa kata kerja terbitan BM boleh meningkat bilangannya selagi pengguna Bahasa Melayu mampu menciptanya setelah mahir menggunakan imbuhan mengikut fungsi khususnya itu.

Selain berfungsi sebagai pembentuk kata kerja, imbuhan juga boleh membentuk kata nama terbitan daripada jenis-jenis kata nama, kata kerja dan kata adjektif dan kata tugas seperti ketinggian, penghidupan, penyampaian dan sebagainya. Lantas, imbuhan dapat memberi peluang kepada pengguna BM mencipta kekata baharu demi memenuhi kehendak semasa. Sebagai contoh kekata ‘sapu’ di dalam BI ‘sweep’ sementara alat digunakan untuk menyapu dinamakan ‘broom’, sedangkan dalam BM kekata yang sesuai untuk ‘broom’

tidak ada jadi kekata ‘sapu’ diimbuh dengan awalan ‘pe’ menjadi ‘penyapu’. Kemudian orang yang menyapu pula disebut ‘pesapu’. Begitu juga halnya dengan kekata ‘sakit’ yang disebut dalam BI ‘sick’ yang menjadi ‘sickness’ bermaksud ‘penyakit’ sementara orang yang sakit, digelar ‘patient’ dalam BI, dinamakan ‘pesakit’ dalam BM iaitu daripada kekata sakit yang diimbuh dengan awalan ‘pe’. Oleh itu kecekapan seseorang menggunakan imbuhan akan membolehkan dia mencipta kekata baharu untuk menambah perben’daharaan kata dalam Bahasa Melayu.

Kemahiran seseorang menggunakan imbuhan membolehkannya mempelbagaikan maksud dan fungsi sesuatu perkataan seperti contoh berikut: ‘pemerdagangan’, ‘pemberkesanan’, ‘seperturutan’, ‘kepertanggungjawapan’,

Gambar hiasan



Gambar hiasan

pemberdayaan, dilipatkaligandakan, mengkesimpangkan, terselepas, keterdesakan, terperagak’, ‘berkebetulan’, ‘pengkesampingan’, ‘mesin pengkisar, pengekonmian, obor - mengoborkan kekreativifan fikiran dan sebagainya’.

Kesimpulannya pembelajaran imbuhan dalam bahasa Melayu boleh

menyebabkan pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu tidak ketinggalan zaman kerana kemahiran menggunakan imbuhan membolehkan seseorang mencipta kekata baharu demi memenuhi perkembangan bidang hubungan dalam dunia modern. Imbuhan juga membolehkan kita lebih kreatif untuk mencipta

kekata baharu yang memberi pengertian yang lebih tepat dan sempurna pada sebarang benda dan kerja. Oleh itu perlu kita pelajari serta menguasainya hingga mahir supaya memenuhi kehendak peribahasa leluhur kita yang berbunyi “Jauhari Juga Yang Mengenal Manikam”.



OTHMAN BIN SALAM

Mantan seorang pendidik selama 40 tahun. Berpengalaman mendidik di sekolah-sekolah rendah, menengah, kejuruan, maktab rendah (YJC & RJC) dan kursus program khas untuk guru-guru Bahasa Melayu di Institute Pendidikan Nasional (NIE). Mengajar Mathematics di sekolah rendah dan menengah, Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dari peringkat menengah hingga NIE. Mendapat kelulusan Profesional: Cert-In-Education dari TTC. Akademik; Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dari UNAS. Genre penulisan dalam bidang esei, cerpen,sajak,novel dan bidasan. Pernah memenangi beberapa hadiah dalam bidang penulisan tempatan.



KATA TUN SERI LANANG

WARISAN PERSURATAN MELAYU DAN SEJARAH SINGAPURA

Oleh

Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat

Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia
Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang

Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Untuk Majalah SEKATA, Sept 2019

Khazanah persuratan Melayu adalah lautan luas yang amat besar nilainya tetapi belum diterokai dan diselami serta dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan masyarakat, negara dan manusia sejagat. Tulisan ringkas ini menoleh sejenak warisan persuratan Melayu ini dan perkembangannya yang terkini di Singapura.

PERAYAAN DAN PENGIKTIRAFAN NEGARA

Tahun 2019 adalah menarik bagi Singapura kerana negara mengadakan sambutan besar-besaran memperingati sejarah 200 tahun sejak ketibaan Raffles pada Januari 1819. Sambutan ini dilancarkan pada 28 Januari 2019 oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong, dan banyak aktiviti diadakan sepanjang tahun ini yang melibatkan pelbagai pihak dan lapisan masyarakat.

Yang menarik ialah kaitan peringatan negara ini dengan dua orang tokoh persuratan Melayu: Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir (1796-1854) dan Tun Sri Lanang, Bendahara Kerajaan Johor, yang telah menulis karya agung Sejarah Melayu (1612) di Pasir Raja, Johor, dan diselesaikan di Aceh pada tahun 1614 (Muhd Haji Salleh 2018:144). Kedua-dua tokoh ini menjadi sorotan masyarakat apabila patung mereka dipamerkan di tebing Sungai Singapura bersama patung tokoh-tokoh perintis yang lain seperti Tan Tock Seng dan Naraina Pillai.

TUN SRI LANANG DAN SEJARAH MELAYU (SULALAT AL-SALATIN)

Walaupun sambutan peringatan ini mengambil titik kedatangan Raffles sebagai fokus, namun ia telah membuka semula jendela sejarah negara Singapura lebih awal lagi sejauh 700 tahun. Titik kedatangan Sang Nila Utama ke Temasik pada tahun 1299 telah disentuh juga. Ini disebut dalam ucapan Perdana Menteri semasa pelancaran, Lelaman Bicentennial and acara "From Singapore to Singaporean. The Bicentennial Experience" di Fort Canning. Kegiatan ini menyajikan

pengalaman berbagai pancaindera (multimedia sensory experience) kepada para pengunjung melalui dua corak pengalaman – 'The Time Traveller' (Kembara Masa) dan 'The Pathfinder' (penemuan kembara). Kembara Masa membawa detik-detik sejarah Singapura yang dilalui sepanjang 700 tahun, yang disajikan dalam 5 fasa sejarah atau babak (Babak 1-5). Babak 1 (dari tahun 1299-1613 masihi), menghidupkan kisah kedatangan Sri Tri Buana atau Sang Nila Utama di Temasik, dengan menggunakan persembahan gabungan berbagai media dan juga lakonan langsung pelakon. Kisah Raja terakhir Singapura, Iskandar Shah atau Parameswara, juga dipersembahkan.

Pemilihan Bukit Larangan atau Fort Canning sebagai pusat utama peringatan dwiabad ini memang tepat. Suasana pusat sejarah Singapura ini bertambah istimewa apabila Taman Sang Nila Utama juga dibuka di situ tahun ini dengan sentuhan alam semula jadi tempatan dan citra seni bina budaya Jawa.

Semoga sambutan Dwiabad ini dapat membangkitkan semula kesedaran rakyat Singapura dan masyarakat antarabangsa tentang Sejarah Melayu sebagai karya persuratan yang menjadi sumber rujukan utama naratif sejarah tentang Sang Nila Utama ini dan pentingnya pada sejarah Singapura. Sejarah Melayu, karya agung Melayu ini yang ditulis lebih 400 tahun lalu, terus hidup memberi pencerahan pada sejarah kita. Walaupun, maklumat sejarah Singapura sudah lebih rencam dan ditambah dengan berbagai sumber dari merata dunia, yang baru ditemui dan turut sama dihidangkan, seperti 10 buah peta dari Eropah dan Cina, namun sumber dari Sejarah Melayu,

masih utuh dan dapat dipertahankan. Alhamdulillah.

Penerimaan terhadap naratif Sang Nila Utama ini sudah agak berbeza beberapa dekad lalu, apabila suara sejarah lokal tenggelam seolah tidak didengar dan dipinggirkan. Hal ini berlaku pada tahun 1997, semasa perbincangan mengenai Makam Keramat Iskandar Shah, Wilfred Hamilton-Shimmen dan saya telah mengemukakan pandangan bahawa makam tersebut mungkin makam Sang Nila Utama, Raja Singapura yang pertama pada abad ke 13, berdasarkan sumber Sejarah Melayu. Tetapi pandangan ini ditolak oleh Encik Kwa Chong Guan, seorang ahli sejarah kerana "there are so many myths mixed in this account that historians have, until recently, despaired at sorting facts from fiction, and have thrown it out in preference for the Portuguese accounts" (Straits Times, Singapura, Rabu 5 Feb 1997).

Saya telah menjelaskan bahawa pandangan tersebut adalah tidak tepat dan tidak mewakili pandangan semua pihak kerana tidak berdasarkan pandangan semua ahli sejarah. Tambahan, terdapat beberapa orang ahli sejarah terkenal yang telah pun mengiktiraf Sejarah Melayu sebagai sumber sejarah. Pandangan beliau itu juga tidak berdasarkan ilmu yang betul untuk menilai dan memahami isi dan konteks penulisan Sejarah Melayu. Saya menegaskan bahawa selagi tiada bukti-bukti lain yang kukuh, kita harus menerima pandangan bahawa keramat Iskandar Shah adalah makam Sri Tri Buana atau Sang Nila Utama yang telah memberi nama Singapura pada negara kita yang sebelumnya dikenali sebagai Temasik. (Straits Times, Jumaat 21 Feb 1997)

MUNSYI ABDULLAH (1796-1854)

Selain patung Munshi Abdullah, tokoh persuratan Nusantara ini juga ditonjolkan sebagai salah seorang tokoh sejarah Singapura dalam The Bicentennial Experience, iaitu dalam Babak 2. Sumbangan Abdullah dari segi sejarah dinyatakan seperti berikut: "Scholar from Melaka who served as Raffles's secretary and interpreter. He wrote an extensive record of Singapore's early history." (Guide SG. The Bicentennial Experience, 2019, hal. 27).

Munshi Abdullah juga mendapat penghormatan apabila wajahnya diabadikan dalam wang kertas Singapura bernilai \$20 yang dikeluarkan khas oleh Penguasa Kewangan Singapura (MAS) untuk memperingati 200 tahun Singapura yang dilancarkan oleh Presiden Halimah Yacob pada 5 Jun 2019. Munshi Abdullah adalah antara 8 orang perintis negara yang telah diberi pengiktirafan negara kerana

telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara Singapura dalam pelbagai bidang.

RANCAK RENTAK SASTERA

Merenung kembali perkembangan kegiatan persuratan Melayu sejak kebelakangan ini, kita dapati bahawa kegiatan sastra agak rancak dan aktif di Singapura. Kegiatan-kegiatan ini telah dianjurkan oleh berbagai badan awam, institusi, kumpulan dan individu. Banyak kegiatan yang diadakan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, Majlis Seni Kebangsaan, Perpustakaan Negara Singapura, Kementerian Pendidikan, Universiti Teknologi Nanyang, Universiti Nasional Singapura, Arts House, Persatuan Asas' 50, Kamus, Penerbit Pustaka Nasional dan Unggun Creative dan lain-lain lagi.

Majlis Bahasa Melayu Singapura, melalui wacana Bulan Bahasa Melayu dan Mastera menyediakan dua wadah induk bagi kegiatan bahasa dan sastra di Singapura. Bulan Bahasa terus hidup aktif dan diluaskan setiap tahun sejak 30 tahun lalu. Sementara,

Singapura menyertai Mastera sebagai negara anggota pada tahun 2012. Singapura menjadi tuan rumah untuk Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Sidang Mastera buat pertama kalinya pada tahun 2015. Tahun ini, pada penghujung bulan September 2019, Singapura akan menjadi tuan rumah untuk kali keduanya. Mastera Singapura juga mula mengadakan Hadiah Sastera khas untuk karya Terjemahan untuk semua negara anggota pada tahun ini. Hadiah Sastera ini adalah sumbangan unik Singapura kepada perkembangan sastra rantau Asia Tenggara. Semoga semua kegiatan yang dirancang ini berjaya mencapai matlamat yang diinginkan. Amin. Insya-Allah.

Salah satu usaha yang penting ialah kegiatan Perpustakaan Negara (NLB) yang telah menganjurkan beberapa pameran dan kegiatan tentang manuskrip, percetakan awal Melayu dan persuratan umumnya. Misalnya pada tahun 2016, NLB mengadakan pameran berjudul



Gambar hiasan

"FROM THE STACKS : Highlights of the National Library 2016" dari 30 Januari hingga 28 Ogos 2016. Pameran ini memaparkan koleksi perpustakaan, dokumen, penerbitan dan foto-foto awal Singapura yang menggambarkan sejarah dan kebudayaan Singapura. Salah satu aktiviti pameran ini ialah ceramah awam yang saya sampaikan mengenai tokoh sastra Melayu - "From Priest to an Islamic Reformer - The Life, Works and Legacy of Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi (1796-1854), pada 7 Mei 2016 di perpustakaan.

Sebuah lagi pameran NLB ialah Tales of the Malay World: Manuscripts and Early Books, pada 18 Ogos 2017 - 25 Februari 2018, di tingkat 10, Gallery, National Library Building. Pameran ini amat bersejarah sebab inilah pertama kali manuskrip Melayu yang bernilai dari Eropah dibawa pulang ke Dunia Melayu untuk disajikan untuk tatapan masyarakat.

Sempena pameran ini, sebuah seminar anjuran bersama Institut Pendidikan Nasional (NIE) dan NLB juga dijalankan pada 9 Disember 2017. Seminar ini juga bersejarah kerana buat pertama kalinya, sejak penubuhan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya di Singapura pada tahun pengajian 1952/1953, 67 tahun lalu, sekumpulan 12 orang mahasiswa dari 5 pengajian tinggi di Singapura dan 2 pengajian tinggi Malaysia berkumpul untuk membentangkan hasil penelitian mereka mengenai manuskrip Melayu. Seminar ini lebih istimewa kerana diadakan di Perpustakaan Negara Singapura (NLB), yang sedang mempamerkan koleksi manuskrip dan cetakan awal Melayu, yang sebahagian besarnya dibawa kembali ke dunia Melayu buat pertama kali sejak dibawa ke Eropah dan disimpan di sana lebih kurang 400 tahun lalu.

NLB meneruskan usaha gigih dalam persuratan Melayu melalui

kegiatan Read!Fest 2019. Amat padat aktiviti yang dirancang untuk membangkitkan minat membaca dalam kalangan masyarakat Singapura dalam empat bahasa rasmi sepanjang pesta membaca sepanjang 22 Jun hingga 28 Julai 2019. Saya diminta untuk menyampaikan ucap tama, bertajuk "Pelayaran Menjejaki Khazanah Persuratan Melayu" pada 29 Jun 2019. Saya berkongsi pengalaman menjejaki warisan Melayu nusantara di United Kingdom, Belanda dan Amerika Syarikat, yang telah dibawa ke negara-negara tersebut lebih kurang 200 tahun lalu. Pelayaran ilmiah saya ini di bawah Program Sarjana Pelawat Fulbright, di Universiti California Berkeley, Houghton Library, Universiti Harvard dan di Library of Congress, Washington (2002-2003); dan semasa saya menjadi Fellow Bersekutu (Affiliated Fellow) di Institut Antarabangsa Pengajian Asia (IIAS), Universiti Leiden, Netherlands (2010) dan di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London (2011).



Gambar hiasan

LUASKAN KAJIAN, ILMU DAN KEYAKINAN

Dalam ucaptama itu, saya menyatakan bahawa lautan Ilmu, Kearifan Lokal, Khazanah budaya dan mutiara tamadun Melayu belum sepenuhnya diterokai dan diselami, sehingga menyebabkan kita, orang Melayu tidak tahu sejarah dan tidak kenal bangsa dan diri kita sendiri. Sebaliknya, saya menemui pesisir pantai Melayu yang kelam dan pilu. Ini kerana pendedahan masyarakat Melayu pada karya-karya sastera Melayu seperti karya Abdullah, agak lambat, bermula melalui sekolah mubaligh Kristian atau kolonial awal (1838), sekolah vernakular pada tahun 1856 dan meluas pada 1922 atau awal 1920-an, di Maktab Perguruan. Ini berlaku 68 tahun selepas kematian Munsyi Abdullah. Ternyata, hanya segelintir anggota masyarakat Melayu yang berpeluang menikmati system pendidikan tersebut, yang terdedah pada karyanya, sedangkan kebanyakan masyarakat masih belum mendapat pendidikan formal dan hanya mesra dengan sastera dan budaya lisan, seperti yang dinyatakan oleh Amin Sweeney. Malah, respons bertulis dari cendiklia Melayu juga agak lambat, pada tahun 1935 - 81 tahun sesudah kematian beliau, atau hampir 100 tahun selepas karyanya diterbitkan (1838).

Begitu juga respons masyarakat kita seterusnya yang terus lambat. Malah, banyak mutiara sastera terpendam. Misalnya, Hikayat Nakhoda Muda, masih tidak disedari kewujudannya, dan hanya diiktiraf sebagai karya agung pada tahun 2018. Tokoh-tokoh pengkaji, penyelam lautan sastera kelihatan tersisih dari pantai kesedaran masyarakat. Misalnya, Profesor Teuku Iskandar, yang menulis Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad (1995), yang

penting dari segi dokumentasi sejarah persuratan tetapi belum diketahui dan dihargai umum.

Warisan intelektual, kearifan dan tamadun Dunia Melayu yang luas dan kaya, tetapi tenggelam dan tidak mendapat perhatian sewajarnya dari masyarakat. Kajian manuskrip Melayu masih pada tahap awal atau penerokaan. Sedangkan pengetahuan ini penting untuk mengetahui warisan sejarah dan membina identiti bangsa dan negara. Galilah dan kenalilah sejarah. Binalah Warisan Kita. Tak Kenal, maka tak akan cinta.

Orang-orang Eropah dan Amerika telah lama mencari dan mengumpul manuskrip atau karya persuratan Melayu. Koleksi mereka yang masih dipelihara dengan baik hingga kini adalah bukti semangat dan sumbangan Eropah dan Amerika untuk meneroka dan menguasai dunia baru, berdagang, belajar bahasa, adat, agama, budaya asing dan menguasainya dan bersaing dengan kuasa Barat yang lain dari segi ekonomi, politik, agama, alam sekitar, sains, teknologi dll. sejak zaman Renaissance hingga awal abad ke 20. Mereka telah lama menyedari kepentingan pengetahuan budaya bangsa lain untuk merekayasa strategi politik, dagang, sains dan tamadun mereka, sehingga mereka berjaya menjadi kuasa besar dunia. Ilmu itu kuasa. Knowledge is Power!

Kita perlu pelajari dari kesungguhan dan kepakaran Barat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan semangat untuk maju dan berjaya dalam bahasa dan budaya kita dan juga bahasa dan budaya dunia yang lain. Agama kita sendiri menggalakkan kita belajar dan mengenal bahasa, sastera dan budaya lain, sebagai jalan mengenal kebesaran Maha Pencipta!

Kita masih perlu membetulkan sikap negatif kita terhadap sejarah dan mesti mempelajari dan menghargai warisan persuratan kita. Kita juga perlu melahirkan pakar-pakar dalam bidang bahasa, sastera, filologi dan pelbagai disiplin ilmu untuk meneliti dan membuat tafsiran kita sendiri. Kita perlu membina sekumpulan pakar yang berwibawa, yang yakin membuat tafsiran dan penilaian sendiri yang terbaik. Sebenarnya, warisan khazanah persuratan Melayu boleh menjadi sumber Ilmu berbagai disiplin (multi-disciplines) yang perlu diselami dan memberi makna baru oleh generasi baru, diaplikasikan nilainya untuk membina sejarah masa depan.

Dari segi bahan kajian, kebanyakan warisan manuskrip Melayu ini sudah pun terkumpul dan didigitalkan. Misalnya hasil kerjasama British Library dan NLB melalui kerjasama pada 19 Ogos 2013 di London. Hari ini manuskrip Melayu yang penting ini sudah boleh diakses melalui talian.

HARAPAN MEMBINA PERSURATAN BARU

Kita perlu melahirkan generasi baru untuk meneruskan usaha sarjana Prof Naguib Al-Attas, Prof Teuku Iskandar dan Prof Muhammad Haji Salleh dan pengumpul manuskrip seperti Prof Ungku Aziz. Tugas para sarjana muda ini penting untuk membuat tafsiran, memberi definisi dan makna baru, terhadap warisan khazanah Melayu serta dapat mengatur langkah bijaksana untuk membina tamadun Melayu baru yang terhormat di mata dunia antarabangsa.

Semoga usaha-usaha yang sudah diadakan dapat diteruskan dan ditingkatkan supaya berjaya mencetus minat, mengasah bakat, dan mengatur langkah berkesan dan bermakna ke arah usaha membina kepakaran dalam bidang pengajian manuskrip Melayu. Insya-Allah. Amin. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualikum wbrt.



MASTERA

Edisi No. 50

SUSI DARI GILGAMES

Gus TF Sakai

Gus TF Sakai dilahirkan di Payakumbuh, Sumatra Barat, tanggal 13 Agustus 1965 dengan nama asli Gustrafizal. SD, SMP, dan SMA ia tamatkan di Payakumbuh, kemudian melanjutkan ke Fakultas Peternakan Universitas Andalas, Padang, dan lulus 1994. Proses kreatifnya berkembang sejak kanak-kanak, seiring dengan kegemaran berolahraga (di antaranya sepak bola dan bela diri), yang dimulai dari menggambar, lalu menulis puisi dan esai di buku harian. Publikasi pertamanya berupa cerita pendek yang memenangi Hadiah I sebuah sayembara ketika ia duduk di bangku kelas 6 SD tahun 1979. Setelah memublikasikan karya dengan berbagai nama samaran sampai tamat SMA tahun 1985, ia pindah ke Padang dan mengambil putusan yang bagi banyak orang mungkin tidak terbayangkan: hidup dari menulis. Sejak itu pulalah, ia menggunakan dua nama: Gus tf dan Gus tf Sakai. Namun, kini terbukti keputusannya tidak keliru. Walaupun tidak dapat dikatakan berkecukupan, ia tampak sangat menikmati profesinya. Ia pun tumbuh sebagai sastrawan Indonesia yang menonjol di generasinya.

Beberapa karyanya antara lain, Segi Empat Patah Sisi (novel remaja, Gramedia, 1990), Tambo (novel, Sebuah Pertemuan, Grasindo, 2000), Tiga Cinta, Ibu (novel, Gramedia, 2002), Istana Ketirisan (cerpen, Balai Pustaka, 1996), Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (cerpen, Gramedia, 1999), Sangkar Daging (puisi, Grasindo, 1997), Daging Akar (puisi, Kompas, 2005), dan masih banyak lagi.

Penghargaan dan Hadiah yang pernah ia peroleh, hadiah Pertama Sayembara Mengarang Cerpen dari Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Kotamadya Payakumbuh untuk cerpen “Usaha Kesehatan di Sekolahku” (1979), Hadiah Pertama Sayembara Mengarang Novelet dari majalah Gadis untuk novelet “Ben” (1991), Hadiah nomine Cerpen Terbaik di Koran-koran Indonesia 1998 dari Dewan Kesenian Jakarta untuk cerpen “Lukisan Tua, Kota Lama, Lirih Tangis Setiap Senja” (1999), Penghargaan Sastra Lontar dari Yayasan Lontar untuk kumpulan cerpen Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (2001), SEA Write Award dari Kerajaan Thailand untuk kumpulan cerpen Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (2004), dan masih banyak lagi.



Di bawah air terjun, langit berat yang marun, Enkidu membasuh semak gulma di punggungnya. Mamalia bergantung, melayut di pundak. Seekor ular melingkar, dari paha ke kelangkang, menjulur julurkan lidah perak bercabang. “Engkau cabut bulu dari kulitku,” kata Enkidu. “Apakah kausangka: telah memisahkan manusia dari hewan?” Itu seperti melepas akar dari tumbuhan. Seperti melepas getar dari Susi; merenggut gerak dari tari. “Buang pikiranmu dari bentuk, hewan zaman lalu yang kaucambuk; ijab-kutuk makhluk. Air bukan lag tempat ikan, udara bukan lagi tempat burung.” Angkasa mengucurkan sayap dan insang. Telah tak lagi beda: menyelam atukah terbang.

Binatangku, kaulihat spora, dan katak-katak itu, melayang-layang? Enkidu tengadah, memendam angguk. Langit marun dan perak lidah bersilih bentuk. Angkasa melingkar langit bercabang, dan spora dan katak katak, seperti air terjun, seperti senyap dan insang, mengucur deras. “Ayo Enkidu, tampung dengan tempat minum ternakmu.” Susi berdenyar; bergetar, dalam tempat minum ternak Enkidu. “Ayo Enkidu,

hidangkan pada rumput makan malammu.” Dan Enkidu, dari bawah air terjun keempat puluh itu, menampung apa pun seperti menanggung hujan pertama 4,3 miliar tahun lalu. Menampung cambuk dan ijab-kutuk seperti menanggung makhluk pertama 12 miliar tahun lalu. “Ah Enkidu, betapa muda DNA-mu. Materi tak Cuma seletup dan antimateri lebih

tak bisa engkau ukur dari gema.” Lalu, bagaimana kaubisa percaya kepada angka? Sungguh lucu. Kaubangga pada bilanganmu yang lima belas digit saat bilangan tertinggi mereka hanya sepuluh ribu. Maka, apa yang kini bisa kaukata tentang bilangan tak terhingga? Segala rupa segala angka yang kaupercai ada: hanya hitungan sepele dalam semesta. Ah,

binatangku, kaulihat klorofil, dan kehijauan itu, tak hanya warna? Enkidu tertunduk, memendam angguk. Segar rumput makan malam berkilauan, dalam Susi; dalam usus betina dan lambung-lambung jantan. Betina-jantan masa lalu, betina-jantan di kapal dan banjir-banjir besar itu: tak cuma Sumeria, tetapi juga Inca, Assyira, Mesir, dan Babilonia; tak cuma dewa (kaukenang ia: Dewi Iminis), tapi juga semua yang kini

tengah melekat pada tubuhmu: serangga, ular, mamalia, pun si kecil itu: kutu-kutu: Pun si yang lebih kecil: bakteri dan kuman-kuman. Pun si yang lebih-lebih kecil: amoniak dan metan. Racun-racun itu. semua yang entah telah sejak kapan (dari zaman ke zaman) jadi alasan kau mencari dan terus mencari – engkau tahu mereka tak tahu – air terjun baru. Ah, binatangku, Gilgames, akulah semak gulma itu: Susi, hama yang selalu dibasuh Enkidu.



BIOGRAFI Irianto Ibrahim

Tempat/ tanggal lahir: Gu, Buton, 21 Oktober 1978
Jenis Kelamin: Laki-laki
Agama: Islam

Alamat: Kampus Bumi Tridharma Anduonoho Jurusan Pendidikan Bahasa dan Seni Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Haluoleo Kendari, 93231 HP. 085241832115

Pekerjaan: Staf Pengajar Jurusan pendidikan Bahasa dan Seni Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Haluoleo Kendari, Sulawesi Tenggara

- Karya:
1. Malam Bulan Puisi (kumpulan sajak Teater Sendiri), 2004;
 2. Ragam Jejak Sunyi Tsunami (Balai Bahasa Medan), 2005;
 3. Sendiri 3 (kumpulan sajak Teater Sendiri), 2005;
 4. Barasanji di Tengah Karang (Antologi Tunggal), 2003;
 5. Bunda, Kirimkan Nanda Doa-Doa (Antologi Tunggal), 2006.

- Organisasi Kesenian:
1. Anggota Teatear Sendiri, sejak 1997;
 2. Ketua Forum Komunikasi Mahasiswa Sastra Indonesia Wilayah Timur (1998-1999);
 3. Mendirikan Pekerja Puisi Sultra (2002);
 4. Koordinator Pemasarakatan Sastra HISKI Sultra (2004);
 5. Mendirikan Komunitas Arus (2006);
 6. Divisi Sastra Badan Koordinasi Kesenian Indonesia Sulawesi Tenggara (2007);

- Pengalaman Berkesenian:
1. Pentas Teater Indonesia Jilid I dan JKP;
 2. Juara II lomba baca puisi tingkat mahasiswa;
 3. Juara I lomba baca puisi tingkat mahasiswa;
 4. Dewan Juri Teater, Puisi, dan Cerpen;
 5. Pengamat Festival Teater Pelajar Sulawesi Tenggara, 2004, 2005 dan 2006;
 6. Narasumber Pelatihan Musikalisasi Puisi Pelajar se-kota Baubau, 2006;
 7. Tim Penilai Lomba Menulis Puisi Tingkat Mahasiswa;
 8. Narasumber Pelatihan Musikalisasi Puisi pelajar sekota Kendari, 2007 bersama AGS. Arya Dipayana;
 9. Aktif melatih sastra dan teater di Komunitas Arus Kendari;
 10. Aktif pula dalam diskusi sastra, teater dan budaya di Sulawesi Tenggara



Karena rindu pada ibunya yang mati tiga bulan lalu, malam itu ia ingin membaca sajak, sepenuh penghayatan

Dibukanya kumpulan sajak ini diruntutnya judul demi judul bait demi bait, larik demi larik. Ia tak menemukan satupun nama ibunya tidak juga di deretan tanda baca itu.

Karena tak pernah ditulis ia bunuh diri di kumpulan sajak ini.

Tragedi Tikus Mati

oleh Irianto Ibrahim

: mas Aji

seharusnya kau tak usah bersikeras. Karena semua akan kembali, menjadi biasa. Sekental apapun raungmu, ia akan cair dan mengalir lagi

di langit angina terus memahat awan membentuk gambar-gambar

dan kau tetap menatap segala yang tak terberi. sementara desirnya berkabar padamu tentang suara yang tak pernah sampai.

Yang Tak Pernah Sampai

oleh Irianto Ibrahim



BIOGRAFI

Sori Siregar

Sori Siregar penulis bernama lengkap Sori Sutan Sirovi Siregar dilahirkan di Medan, 12 November 1939. Setelah lulus di SMA, 1959 dia mengikuti Pendidikan Pegawai Staf Departemen Penerangan Tingkat Atas di Medan. Sori Siregar mulai menulis tahun 1960. Selama 18 tahun, dia hanya menulis cerita pendek, dan baru tahun 1980 mulai menulis novel *Dia* merupakan adik kandung dari Ridwan Siregar.

Tahun 1970 dia mengikuti konferensi PEN Club Asia di Taipei, Taiwan, dan Konferensi PEN Club Internasional di Seoul, Korea Selatan. Tahun 1970-1971, dia dan Gerson Poyk adalah pengarang Indonesia pertama yang mengikuti International Writing Program di Universitas Iowa, Iowa City, Amerika Serikat

Sori Siregar pernah bekerja di Waspada Taruna, Duta Minggu, RRI Nusantara III Medan (1966-1972), BBC London (1972-1974), Radio Suara Malaysia, Kuala Lumpur (1975-1978), RRI Jakarta (1979-1982), majalah Zaman, majalah Eksekutif, Radio Suara Amerika seksi Indonesia, Washington DC, Amerika Serikat (1982-1985), Matra (1986), Sarinah (1987), Forum Keadilan, Redaktur Penyumbang Majalah SWASEMBADA (untuk RUBRIK PLUS), Jakarta, 1990-1992. Redaktur Pelaksana Majalah FORUM KEADILAN, Jakarta 1992-1995.

Dia juga banyak menerjemahkan karya sastra asing ke dalam bahasa Indonesia baik novel, cerita pendek maupun drama. Beberapa cerpen terjemahannya dari penulis seperti Jorge Luis Borges, Erskine, Caldwell, John Steinbeck, William Sorayan, Lin Yu Tang dll. Di samping itu, Sori juga penerjemah novel Afrika Selatan, *Waiting for the Barbarians*, karya J.M.Coetzee (pemenang hadiah Nobel) bersama Rayani Sriwidodo pada 1991 dan kumpulan cerita pendek India, *Contemporary Indian-English Stories* karya Madhusudan Prasad (ed), 1990, keduanya diterbitkan Yayasan Obor, Jakarta. beberapa karya Sori Siregar antara lain, *Dosa Atas Manusia* (kumpulan cerpen, 1967), *Pemburu dan Harimau* (cerita anak, 1972), *Senja* (kumpulan cerpen, 1979), *Wanita itu adalah Ibu* (novel, 1979), yang memenangkan “Hadiah Perangsang Kreasi” Sayembara Mengarang Roman Dewan Kesenian Jakarta, 1979, Tilpon (novel, 1980), yang memenangkan “Hadiah Penghargaan” Sayembara Mengarang Roman Dewan Kesenian Jakarta, 1980, *Awal Pendakian* (novel, 1985), *Penjara* (kumpulan cerpen, 1992), *Titik Temu* (kumpulan cerpen, 1996), dan karya lainnya.



Gerson berkali-kali memperingatkan Iros. Duduk di samping jendela dengan wajah yang kelihatan dari luar adalah mengundang bahaya fatal. Jendela double glazing tidak berarti tidak tembus peluru. Jendela berkaca gandaini hanya untuk mengusir suara bising dan udara dingin.

Iros paham akan peringatan Gerson. Di negeri ini, orang dapat membunuh siapa saja tanpa alasan. Para pembunuh itu bukan mantan GI yang bertaruh nyawa dalam perang Vietnam. Tapi orang-orang sakit yang ingin menyembuhkan penyakitnya dengan membunuh. Korban yang tumbang telah terlalu banyak. Tidak berkurang dari tahun ke tahun.

Sasarannya bisa siapa saja. Anak-anak sekolah yang sedang belajar di dalam kelas, para guru yang sedang mengajar, pengunjung restoran, orang yang menunggu kedatangan kereta api di stasiun, pengunjung plaza, supermarket atau mall bahkan orang yang lalu lalang di jalan raya. Siapa saja. Peringatan Gerson itu dilontarkan pada suatu masa lampau yang jauh. Di sana bukan di sini.

Peringatan itu mengendap dalam diri Iros. Dan ia takluk. Hingga saat ini pun ia takut duduk di samping jendela, berbelanja di supermarket atau berjalan kaki di sekitar lapangan sepak bola di dekat rumahnya. Kini suasana di sana dan di sini tidak berbeda. Setiap hari ada saja orang yang pindah ke dunia sana di luar keinginannya. Iros tidak ingin menyusul dan menjadi salah seorang di antara mereka. Ia senantiasa memelihara kewaspadaan bahkan sesekali meningkatkannya.

Hari ini ledakan terjadi di sebuah pasar tradisional. Lima belas orang tewas, hampir semua identitas mereka sukar dikenal karena luka bakar. Petugas keamanan menarik kesimpulan sementara, ledakan yang memorak-porandakan pasar tradisional itu dilakukan teroris. Kesimpulan sementara ini dapat menjadi kesimpulan tetap karena petugas keamanan tidak dapat mengungkapkan siapa para pelakunya. Bom bunuh diri. Kalimat ini sering menjadi jawaban jika para jurnalis bertanya kepada petugas keamanan.

Iros percaya saja, karena ia terkagum-kagum dengan upaya yang pernah dilakukan petugas keamanan dalam menyelamatkan sejumlah sandera di dalam sebuah pesawat terbang. Bagi Iros tidak ada bedanya petugas keamanan yang menjaga keamanan di dalam negeri dan mereka yang bertugas menjaga keamanan negara dari serangan luar. Yang penting tugas mereka adalah membebaskan dan menyelamatkan orang dari potensi bencana, seperti pembajakan pesawat terbang itu.

Kekaguman yang tak pernah sirna itu semata-mata karena petugas keamanan dapat melakukan tugasnya dengan sangat baik. Hanya dalam waktu tiga menit. Perhitungan yang cermat membuat mereka dapat membebaskan sandera tiga puluh detik lebih cepat dari yang direncanakan.

Luar biasa. Itulah yang tertanam dalam batok kepala Iros. Sandera dapat dibebaskan dan di pihak petugas keamanan hanya satu orang yang tewas.



Seseorang memberondongkan senjatanya ke sebuah toko mainan anak. Dua orang anak tewas dan tiga orang ibu luka parah. Senjata kembali merenggut nyawa orang. Setelah itu muncul peristiwa serupa di mana-mana. Senjata telah menjadi mesin pencabut nyawa yang menakutkan. Karena itu setiap kali terjadi pembunuhan dengan tembakan, Iros senantiasa terpanggil kembali untuk mendengar saran Gerson. “Jangan pamerkan tubuh melalui jendela kaca. Bahaya mengintai setiap saat”.

Tapi peringatan itu pula yang mengantarkan Iros kembali ke sebuah peristiwa heroik yang dilakukannya beberapa dekade lalu. Ketika berjalan kaki di jalan raya sebuah kota bernama New York, ia mendengar jeritan seorang perempuan. Tanpa ada yang memerintah ia berlari ke arah suara itu. Seorang laki-laki berlari meninggalkan perempuan yang menjerit tersebut. Ia baru saja merampok perempuan tak berdaya itu. Pada saat semua orang di sekitar terkejut dan tidak tahu harus berbuat apa-apa, Iros terus mengejar perampok yang kecepatan langkahnya kalah dengan kecepatan langkah Iros. Begitu mendekat Iros segera melemparkan sebuah pukulan ke tubuh lelaki itu. Pukulan telak karate yang membuat sang perampok tak berkutik. Iros yang merasa tugasnya belum selesai segera membawa penjahat itu ke kantor polisi terdekat.

Perampok, pembegal atau mugger kata orang di sana segera ditahan polisi. Sebelum polisi mengetahui siapa Iros ia langsung meninggalkan kantor polisi. Tidak ada catatan sebaris pun catatan tentang dirinya. Polisi ternyata tidak diam. Mereka terus melacak siapa Iros. Lacakan itu berhasildua dasawarsa kemudian, setelah polisi memperoleh data-data tentang Iros. Namanya dicari dari semua mahasiswa asing yang pernah kuliah di kota itu. Polisi juga mencari semua data orang-orang asing, khususnya orang kulit berwarna yang bekerja di kota itu. Upaya tidak mengenal lelah yang akhirnya membuahkan hasil yang diinginkan. Iros mendapat penghargaan dari walikota kota metropolitan itu dan namanya disebutkan dalam berita setelah upacara pemberian penghargaan itu.

Mugger itu bersenjata dan Iros berhasil melumpuhkannya. Mengapa ketika itu ia tidak sedikit pun merasa takut kepada senjata yang setiap saat dapat merenggut nyawanya? Itu di luar perhitungan Iros. Iros tersenyum. Ia merasa peringatan Gerson yang disusul peringatan yang sama dari Suprpto dan Ali Lubis tidak harus dipertahankan dan menjadi miliknya seumur hidup.

Ketika membaca berita bahwa seorang petugas keamanan ditembak mati oleh rombongan perampok yang ingin menjarah sebuah mesin ATM, Iros tertegun. Lalu, ketika seorang hakim juga tewas karena berondongan senjata otomatis, Iros merasa tidak dapat membebaskan diri dari kegelisahan yang memuncak. Aku harus berbuat sesuatu. Begitu ia berjanji kepada dirinya. Ketika sahabatnya sendiri, Utoyo, seorang pelukis surealis, tertembak ia tidak tahan lagi.

Dari temannya yang hanya luka itu ia mendapat informasi bahwa penembak pelukis surealis itu adalah seorang berpakaian sipil, necis dan berdasi. Setelah menembak dengan tenang dan tepat sasaran ia naik ke mobilnya dan meneruskan perjalanan. Ia memang hanya menembak kaki teman Iros sebagai peringatan. Tidak tahu peringatan apa.

Seorang pelukis yang separuh hidupnya diabdikannya untuk seni rupa menjadi korban keganasan orang berdasi. Ini bukan penembak gelap atau penembak misterius, tetapi penembak

terang benderang karena dilakukan pada siang hari. Utoyo yang lembut hati itu, sangat terpukul karena ada orang berbuat jahat terhadap dirinya. Karena itu Iros menjadi tumpuan pengaduannya. Iros dengan sabar menampung pengaduan itu.

Iros yang selama ini menggunakan tangannya sebagai senjata kini merasa perlu memiliki senjata api yang terlalu sering digunakan untuk membunuh orang itu. Bukan perlu tapi harus. Kejahatan penembakan tidak dapat ditoleransi lagi. Bagi Iros, tembakan untuk membunuh atau melukai tidak ada bedanya dengan ledakan bom bunuh diri yang beberapa kali terjadi. Ini tidak dapat dibiarkan apalagi kalau dilakukan oleh orang-orang yang merasa dirinya tidak dapat ditembus hukum.

Senjata yang menghancurkan ketenangan dan kedamaian. Senjata yang selalu memuntahkan timah panas kepada sasaran yang dijadikan korban. Bisa saja suatu ketika nanti aku yang akan menjadi korban, pikir Iros. Peringatan Gerson, Suprpto dan Ali Lubis agar jangan memperlihatkan diri di balik jendela kaca, kini lebih mengerikan daripada itu. Kini bukan hanya di balik jendela, tetapi di segala tempat baik terbuka maupun tertutup. Mengerikan.

Iros merasa perlu waspada agar tidak menjadi korban tembakan. Tidak ada pilihan lain kecuali menjaga diri dengan memiliki senjata api. Ternyata tidak susah untuk memiliki senjata apalagi senjata api genggam rakitan seperti yang dipunyai Iros. Keinginan waspada dan menjaga diri ini belakangan berkembang menjadi hasrat untuk menjaga keamanan dan keselamatan orang lain, misalnya orang-orang yang disandera di suatu tempat.

Karena keinginan itu ia diantar kembali kepada situasi mencekam yang disaksikannya dalam film *Dog Day Afternoon*. Sang penyandera yang diperankan Al Pacino yang menjadi idolanya itu tampak sangat hati-hati, cermat dan tidak gentar menghadapi para petugas yang akan membebaskan sandernya. Bagaimana jika nanti ia akan berhadapan dengan penyandera seperti yang diperankan Al Pacino itu? Dapatkah ia membebaskan sandera hanya dalam waktu 3 menit seperti yang pernah dialami pasukan keamanan di masa lampau itu?

Penyanderaan di dalam pesawat terbang atau di dalam bank sama saja. Menakutkan dan merampas habis semangat dan keberanian para sandera. Iros ingin tampil dan maju ke depan untuk menjadi juru selamat seandainya penyanderaan terjadi di sekitarnya. Ia menunggu dan terus menunggu. Selama penantian, penembakan terus berlangsung walaupun itu dilakukan secara resmi untuk membunuh penjahat atau karena salah paham. Ia tidak punya alasan untuk menjadi juru selamat. Penyanderaan tak pernah terdengar.

Iros menimang-nimang senjata api di tangannya. Pada saat tertentu ia merasa perlu memiliki senjata api itu untuk melindungi diri, jika dihadang mara bahaya. Pada ketika lain ia berpikir akan menggunakan senjata genggam itu untuk melukai seseorang yang tidak disukainya dan dibenci orang lain.

Pilihan dijatuhkannya kepada yang kedua. Ia pun menetapkan sasaran dan tinggal melaksanakan rencananya. Ia menunggu calon korban tidak jauh dari rumahnya. Begitu yang ditunggu pulang dan berjalan keluar dari mobilnya sebelum supir mematikan mesin Iros melepaskan tembakan dua kali di dada sang korban. Orang yang dijadikannya korban adalah seorang pemegang kekuasaan yang sering melukai hati masyarakat dan menipu rakyat. Orang itu adalah adik kandungnya sendiri.

BIOGRAFI

Ahmad Md Tahir

Ahmad Md Tahir (lahir 1967), lebih dikenali dalam bidang puisi. T. Ahmad Mohamed ialah nama pena yang digunakan apabila menulis esei sastera.

Pencapaian yang diraihinya – Hadiah Penghargaan Anugerah Saadon Ismail (1990, 1992 & 1993); Hadiah Kedua Sayembara Sastera MBMS (1993); Hadiah Penghargaan Anugerah Saadon Ismail (1994); Hadiah Sastera (Penghargaan) MBMS (1995); Editor's Choice Award (Poetry.com & International Library of Poetry: 2002, 2007 & 2008).

Puisi-puisinya telah diterbitkan di dalam 19 antologi bersama dan 2 kumpulan persendirian – Bunga Makna (1992) dan Aisberg Kesimpulan (2013). Esei-esainya terhimpun dalam kumpulan esei Rona Wicara (2016). cerpen, 1996), dan karya lainnya.



i
Criteramu tamsil cinta & dilema nan lara –
menyalakan api amarah
membakar semangat wangsa.

citramu nan mulus terpisah dari pandangan
namun tak hilang di minda ingatan –
meskipun rohani seorang Natrah Maarof
telah bertukar sekujur jasad Bertha Hertogh.

kebahagiaan & keceriaanmu –
pasti terkurung di sini
meski terpaksa kembali
ke negara bangsamu bersalji
Tanah Melayu jua tumpah darahmu
pasti merumahkan tersemat di sanubari.



ii
Pada lewat galur galau derita itu –
tersemai bibit roh perjuangan
jalur kematangan si umat Melayu
nan berjiwa besar bukan dungu
tak mustahil Melayu bangkit bersatu
tika maruah agama & wangsa pertiwi
digeladak jerat siasah senda sang penjajah.

terhimpun pengorbanan masa & tenaga
puluhan ribu warga nan hadir di jalan raya
memadu sokong bestarinya peguam bangsa
Ahmad Ibrahim menongkah hujah
tika mahkamah mengunjuk sonsang bicara.

iii
Criteramu tamsil cinta & dilema nan lara –
betapa jiwa nyawa nan merusuh & lusuh
bermudik terdampar di medan rusuhan
hilang seminggu atau buat selama-lamanya
memaknakan jati diri juang cinta & air mata
– rakus kolonialisme di sela waras patriotisme –

**Betapapun Atas Nama Cinta, Rusuhan
& Air Mata: 12 Disember 1950**

oleh

Ahmad Md Tahir

Berita Minggu, 26 Mar 2017



BIOGRAFI

Chairul Fahmy Hussaini

Chairul Fahmy Hussaini bertugas di Singapore Press Holdings (SPH) sebagai Timbalan Editor Digital di Berita Harian, dan menceburi bidang penulisan, sebagai wartawan dan penyair, sejak lebih 20 tahun lalu. Penglibatannya bermula pada awal 90an, dan 'Alang Budiman' telah memenangi beberapa anugerah kesusasteraan, antaranya: Puisi Terbaik (Kumpulan Angkatan Muda Sastera, Kamus) pada 1993; Anugerah Penyair Muda (Kemuning), 1994; dan Anugerah Merit untuk Cerpen (Majlis Bahasa Melayu Singapura), 2001. Karya-karyanya (sajak, cerpen dan esei) juga dipilih untuk diterbitkan dalam beberapa antologi dan penerbitan khas seperti Catatan Perjalanan (2017), Hempedu di Tasik Madu (2016), Di Bawah Langit Tanah Pertiwi (2015), Lambaian Nusantara dari Kota Singa (2015) dan Anak bumi: Antologi cerpen Majlis Bahasa Melayu Singapura (2003).

Karya sastera beliau turut diterbitkan di Berita Harian/Berita Minggu Singapura, selain esei/analisa/pandangan yang diterbitkan dalam Jurnal Ilmiah, buku dan makalah.



harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata

yang tersimpul dan diikat mati
yang disusun sebagai temali janji
tetapi dibiarkan kusut dan tidak dipedulikan
walau dinyatakan itu suara hati

harus bagaimana aku peduli
pada gumpalan kata-kata
yang engkau biar menjadi longgokan sisa
segunung tidak bererti

harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata
yang lahir sepenuh jiwa
tetapi hambar dan kosong

harus bagaimana aku peduli
pada selautan kata-kata
yang berbekal harapan
tetapi digelangi logamaya

dalam terik perjalanan
aku mencari redup kehidupan

Harus Bagaimana

oleh

Alang Budiman



BIOGRAFI

Patimah Jaludin

Patimah Jaludin atau nama pena Rosemala mula menulis skrip drama radio pada tahun 1966 diikuti dengan cerpen pada tahun 1972 dan sejak 2012 mula menulis sajak. Karya-karya yang telah dibukukan ialah "Terbang Bangau" dan Koleksi 12 naskah skrip radio berjudul "Lumrah Kehidupan". Selain itu, terdapat juga karya-karya di dalam antologi Ekspresi, Jamu, Terminal Terakhir, Anak Bumi, Gelombang Kasih, Menyongsong Pelangi dan Anugerah Persuratan 2005.

Rosemala pernah mendapat hadiah kedua di dalam Sayembara Cerita-Cerita Rakyat (1979 - Anjuran Times Publication), hadiah pertama Sayembara Penulisan Cerpen (1983 dan 1984-Anjuran Kementerian Pelajaran / Kebudayaan), Hadiah Sastera 'Penghargaan' Skrip Drama Radio (1993 dan 1995) dan Hadiah Sastera 'Penghargaan' Cerpen (1999), Anugerah Persuratan (2009) bagi Skrip Drama Radio yang dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Cerpen 'Wali' telah terpilih untuk Baca Singapura 2010 anjuran Lembaga Perpustakaan Negara (NLB).



Abang Long

oleh

Patimah Jaludin

SUDAH empat hari Abang Long menghilangkan diri dari rumah. Selama itu jugalah ibu duduk termenung, makan tak mahu, bercakap atau berbual apatah lagi, langsung tak mahu dia.

"Cari Abang Long kau tu sampai dapat Bariah!" itulah saja kata-kata yang boleh ibu keluarkan. Lepas itu ibu diam membisu.

Di mana hendak kami adik-beradik cari Abang Long? Dia bukannya ramai kawan-kawan kaki merambu. Kawan-kawannya hanyalah rakan sekerjanya dan orang-orang masjid tempat dia selalu solat berjemaah. Malu pula rasanya hendak tanyakan pada mereka itu semua.

"Entah-entah dia di rumah..." terputus suara Kak Ngah dari dalam telefon. Takut pula dia hendak meneruskan kata-kata itu, kalau-kalau tekaannya salah dan boleh membawa fitnah.

"Tak mungkin Kak Ngah! Abang Long bukan orangnya yang hendak buat begitu," selaku seperti menyebelahi Abang Long.

"Habis ke mana? Kak Ngah pun tak tahu macam mana nak cari dia. Rumah Pak Busu dan Kak Ngah tanya, tak ada dia di sana. Kata Pak Busu dah setahun Abang Long tak ke sana, penghabisan dia datang masa Hari Raya Puasa tahun lalu, jadi mana lagi Kak Ngah nak usahakan?" jelas Kak Ngah dengan nada agak kecewa.

"Dah minta tolong Abang Lan carikan?" tanya aku lagi.

"Dah. Abang Lan kau pun dah naik penat. Akhirnya dia pun sangka macam Kak Ngah sangka juga, mungkin di rumah..." terputus lagi suara Kak Ngah.

"Kau dah minta tolong Kak Cik kau?" tanya pula Kak Ngah tukar topik perbualan.

"Sudah! Dia pun bingung. Dia dan Abang Hakim dah usaha cari Abang Long, tapi tak jumpa juga," kataku lagi.

"Sabarlah Bariah. Kak Ngah rasa, balik juga Abang Logn tu apabila hatinya dah sejuk," pujuk Kak Ngah.

"Yalah. Memanglah dia balik juga, tapi bila?" Esok? Lusa? Bulan depan, atau tak mahu balik langsung selagi kita semua tidak merestui dan bersetuju menerima cadangan dan rancangannya itu?" jawabku separuh marah. Memang pun aku marah. Kalaulah tidak kerana Kak Ngah dan Kak Cik menghalang rancangan Abang Long tentu dia tak merajuk macam ni. Ehhh... pening juga kepada aku dibuatnya.



Sebenarnya kami adik-beradik memang sayangkan Abang Long. Lebih-lebih lagi aku adiknya yang bongsu. Abang Long adalah ketua keluarga kami. Dialah pengganti ayah setelah ayah meninggal ketika kami masih kecil-kecil lagi. Ketika itu aku masih dalam darjah satu ketika Abang Long datang ke sekolah menjemputku pulang kerana ayah meninggal dalam satu nahas jalan raya. Masa itu Abang Long masih dalam Menengah Empat. Dia akan menduduki peperiksaan peringkat ‘O’nya tiga bulan saja lagi.

Pemergian ayah amat sangat kami rasakan. Sementara menanti Abang Long mengambil peperiksaannya, ibu berjimat dengan wang peninggalan arwah ayah untuk perbelanjaan harian kami. Mujur kami punya flat tiga bilik yang dibeli ayah daripada wang CPFnya. Baki wang caruman ayah itulah ibu berjimat sementara usaha lain dikhtiarkan.

Sementara menunggu keputusan peperiksaannya, Abang Long bekeraj sambilan untuk membantu keluarga. Akhirnya Abang Long terus bekerja tetap menjadi kerani di sebuah kilagn perusahaan Jepun. Walaupun keputusan peperiksaannya agak baik dan cemerlang, tapi dia memutuskan untuk tidak meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Dia mahu adik-adiknya terus belajar dan belajar setinggi yang kmi boleh dan tidak mahu membiarkan ibu menanggung seorang diri beban keluarga yang agak ramai itu.

Seorang lepas seorang adik-beradik kami berjaya dalam pelajaran dan dapat pekerjaan yang baik. Ibu sudah tidak dibenarkan Abang Long berjualan lagi. Apabila Kak Ngah memberitahu Abang Long dia dakan berkahwin, Abang Long tidak menghalang, tetapi menasihatkan Kak Ngah memohon flat dan duduk sendiri dengan keluarganya. “Binalah rumah tanggmu sendiri dan belajarlah berdikari. Jangan susahkan maklagi,” itulah nasihat Abang Long.

Dan Kak Ngah pun kahwin. Abang Long yang menjadi walinya. Lepas setahun kahwin Kak Ngah dapat rumah. Kak Ngah pun pindah. Dua tahun kemudian Kak Cik pula lulus Diploma Politeknik dan bekerja sebagai seorang jurukira di sebuah bank memberitahu Abang Long hasratnya untuk berkahwin. Abang Long tidak menghalang. Baginya kalau dah sampai masa dan ada kemampuan, dapat pula pasangan hidup yang bertanggungjawab dia tidak mahu menahannya. Setahun lepas bertunang, Kak Cik pun kahwin. Kak Cik juga dinasihatkan Abang Long supaya duduk rumah sendiri. Sudah payah biarlah sendiri tanggung.

Akhirnya Kak Cik dan suaminya pindah. Tinggallah aku, ibu dan Abang Long duduk di rumah pusaka peninggalan arwah ayah. Aku sekarang baru tamat peperiksaan akhir tahun pengajianku di universiti. Aku tak bercadang untuk meneruskannya lagi ke peringkat yang lebih tinggi buat masa ini, kerana aku mahu Abang Long menamatkan tugasnya membesar dan membela kami sehingga kami jadi manusia berguna. Buat masa ini aku lebih suka Abang Long memikirkan pula dirinya yang diam tak diam sudah menjangkau usia empat puluh tahun. Dan daripada seorang kerani biasa sekarang dah jadi supervisor. Gaji pun dah agak lumayan.

Buat pertama kalinya aku, Kak Ngah dan Kak Cik juga atas persetujuan abang-abang iparku, kami mengadakan majlis hari jadi Abang Long secara kecil-kecilan. Abang Long agak terperanjat dengan majlis yang dibuat secara rahsia itu. Namun begitu nampak wajahnya riang, kerana paling tidak adik-adiknya tetap ingatkan dia dan tetap sayangkan dia walaupun masing-masing sudah boleh berdikari dan punya keluarga sendiri.

Aku mencium tangan Abang Long sambil menghulurkan hadiahku bersama sekeping kad yang tertulis: ‘Abang Long, terima kasih akan segala pengorbananmu. Bariah akan lebih gembira lagi sekiranya mulai saat ini Abang Long berusaha pula mencari teman hidup. Janganlah sia-siakan usia Abang Long dengan berkorban diri demi kebahagiaan orang lain. Kami rasa kami dah cukup bahagia sekarang, jadi kami mahu melihat Abang Long pula bahagia.’

Abang Long memelukku sambil mengusap rambutku. Tiba-tiba aku terasa rambutku basah oleh titisan air. Aku mendongak perlahan-lahan melihat wajah Abang Long. Rupanya Abang Long menangis. Tangisan bahagia yang hanya Abang Long mengetahuinya sendiri. Aku kesat air matanya. Aku tahu Abang Long terharu dengan kata-kata dalam kad hari jadi tersebut.

Siapa sangka, tanpa diduga kata-kataku itu terpahat di hati Abang Long. Dalam diam-diam Abang Long mencari teman. Akhirnya melalui seorang teman rapatnya yang menjadi “Orang Tengah”, Abang Long jatuh hati pada seorang wanita. Wanita itu memang cantik dan lemah-lembut orangnya. Berusia tiga puluh dua tahun. Tiga bulan selepas berkenalan itu Abang Long memberitahu ibu tentang wanita itu. Ibu tidak membantah malah sangat gembira sehingga keluar air mata gembiranya kerana akhirnya anak sulungnya itu memikirkan juga saat-saat kebahagiaannya. Aku yang dengar berita itu turut gembira. Begitu juga Kak Ngah dan Kak Cik.

“Bawalah dia ke mari Long. Kenalkan dengan mak,” kata ibuku.

“Yalah Bang Long. Bawalah ke mari, Bariah pun nak juga kenal dengan bakal kakak ipar Bariah tu,” usikku gembira.

“Jangan terlalu yakin. Abang takut, nanti semua orang menolaknya,” jawab Abang Long bersahaja tapi ada nada sungguh-sungguh.

“Apa pula kami nak tolak bang. Abang tidak pernah menolak pasangan hidup Kak Ngah dan Kak Cik, kenapa pula kami mesti buat begitu pada Abang Long?” kataku menyangkal sangkaan buruknya itu.

Seluruh keluarga senang hati menerima kedatangan wanita pilihan Abang Long itu. Kami memuji-muji Abang Long kerana pandai memilih pasangannya. Ibu pun begitu. Abang Long tersenyum, tapi tidak riang. Kami tak kisah. Kami anggap Abang Long belum yakin akan hakikat hati kami semua. Tapi kami semua berjanji, kami tidak akan menentangnya. Kami akan berkongsi keluaran wang untuk mengadakan majlis perkahwinan Abang Long secara besar-besaran. Ibu pun setuju. Pak Busu dan Pak Utih, iaitu adik-adik arwah ayah pun setuju. Mereka berdua juga akan membantu mana yang patut.

Namun segala rancangan itu hancur dan musnah, apabila Abang Long menentang. Abang Long tidak mahu majlis perkahwinannya dibuat seperti yang kami atur dan rancangan. Abang Long hanua mahu adakan majlis pernikahan di Pejabat Pernikahan, lepas itu buat sedikit kenduri tanda kesyukuran. Itu sudah memadai.

“Tapi Bang Long, bukankah tak baik buat anak dara orang macam tu? Macamlah kami ini semua tak mampu mengadakan majlis semeriah itu Bang!” tanya Kak Ngah agak terkilan.

“Memang dah aku agak pun,” sela Abang Long sambil tergelak.

“Apa yang anehnya Long?” tanya ibu kehairanan melihat keletah Abang Long tergelak secara tiba-tiba begitu.

“Mak, memang aneh. Ini sudah Long jangkakan...” sampuk Abang Long sambil menarik nafas panjang apabila gelaknya terhenti. “Seawal lagi Long dah jangka, perkara ini mesti berlaku. Seban tak ada seorang pun yang ingin tahu apalagi bertanya tentang diri Afidah. Bawa saja berkenalan dengan keluarga di rumha ini, semuanya setuju. Mentang-mentanglah Long dah lama membujang. Langsung tak hendak ambil tahu siapa sebenarnya diri bakal isteri Long itu,” sambung Abang Long dengan nada agak kecewa.

“Maafiah Abang Long. Memang tekaan Abang Long itu betul. Dik ghairah sangat hendakkan Abang Long beristeri, hingga lupa kami tanyakan asal usul gadis pilihan Abang Long itu,” sela Ka Cik.

“Dia bukan gadis lagi. Dia janda...” terang Abang Long bersahaja.

“Apa? Janda?” kami bertiga kecuali ibuku bertanya hairan.

“Ya! Janda dan punya anak tiga. Semuanya lelaki. Suaminya telah meninggal dunia empat tahun yang lalu kerana sakit barah,” jelas Abang Long lagi.

“Tapi Bang Long...sanggup Bang Long terima bebaban itu semua?” tanya Kak Cik selamba tapi ada nada kurang setuju.

“Kenapa? Janda beranak tiga itu hina ke?” tiba-tiba suara Abang Long meninggi marah.

“Bukanlah begitu Bang Long, soalnya...” sampuk Kak Ngah pula.

“Sudahlah. Aku dah duga, memang ada yang menentang. Kalau beginilah caranya kamu semua membalas jasa baik aku, aku tak kawin pun tak apa,” bentak Abang Long marah lalu angkat kaki dan pergi. Sejak peristiwa itu, iaitu empat hari yang lalu, wajah Abang Long kami tak nampak lagi. Di amna kami hendak cari? Tak kami duga pandangan dan pendapat yang hendak kami berikan padanya dianggap serong dan salah oleh Abang Long.

Sebenarnya kami bukan tidak setuju pilihan Abang Long itu. Bagi kami siapa pun pilihan Abang Long, baik janda atau dara, kami terima saja. Asalkan pasangan yang dipilihnya itu tidak mempermainkan Abang Long sudahlah. Cuma, apa yang kami agak keberatan ialah Abang Long memilih pasanan hidupnya yang telah punya anak tiga. Ini bermakna lepas memikul beban membesar dan mengasuh kami, Abang Long cari pula bebab

yang lain. Bukan mudah nak bela dan asuh anak orang walaupun mereka itu bakal anak-anak tirinya.

Sedang ibu dan aku duduk memikirkan hal Abang Long yan entah di mana kami nak cari, tiba-tiba muncul Abang Long di muka pintu. Riangnya aku dan ibu, Allah sahaja yang tahu. Ibu terus menerpa Abang Long dan memeluknya sambil menangis mengongoi macam budak kecil. “Ke mana kau pergi Long? Sampai hati kau buat mak susah hati,” kata ibu dalam suara terputus-putus.

“Tidak ke mana mak. Cuma Long cari ketenangan dan cari jalan bagaimana Long dapat atasi masalah Long. Long mahu semua orang suka, tapi kalau ada yang tidak suka, tak ada ertinya perkahwinan Long itu mak. Jadi Long dah buat keputusan demi kebahagiaan semua orang, biarlah Long mengalah,” jawab Abang Long dalam nada kecewa.

“Tidak Bang Long. Jangan buat keputusan begitu. Sebenarnya kami semua suka dengan pilihan Abang Long itu. Cuma kami agak kurang setuju kerana kami takut kalau-kalau Abang Long tidak dapat mengecap kebahagiaan hidup suami isteri kerana sebaik saja Abang Long bernikah, Abang Long dah pikul tanggungjawab baru, iaitu membela dan mengasuh bakal anak-anak tiri Abang Long itu saja kebimbangan kami Abang Long, tapi kalau memang Abang Long dah berani tempuh segalanya ini, kami tak dapat menolak, kami menerimanya dengan penuh ikhlas...” jawabku dengan berani.

“Sungguh-sungguhkah kata-kaya kau ini Bariah?” tanya Abang Long nampak riang.

“Sungguh Bang. Kami adik-beradik dan ipar-duai yang lain takkan membantah. Kalau tak percaya sekarang juga Bariah panggil Kak Ngah dan Kak Cik datang ke mari,” kataku memberikan keyakinan.

“Mak pun begitu Long. Mak tak kisah, asalkan kau sanggup mak terima saja. Mudah-mudahan kau bahagia bersama Afidah dan bakal anak-anak tiri kau itu,” sampuk ibu dalam sedu yang semakin menurun.

“Terima kasih mak. Alhamdulillah...mudah-mudahan berkat doa dan restu semua orang dalam keluarga Long, rumah tangga yang bakal Long dirikan ini nanti berada dalam kebahagiaan,” jawab Abang Long penuh gembira.

“Tapi Abang Long mesti janji. Abang Long mesti ikut apa saja bentuk majlis perkahwinan Abang Long yang akan kami adakan. Abang Long mesti bersanding walaupun dengan janda beranak tiga,” kataku menutup suasana yang sedih itu supaya bertukar menjadi riang.

“Baiklah. Kalau itu boleh buat semua orang gembira, Abang Long ikut sahaja,” jawab Abang Long dengan senyum. Ada cahaya bahagia dalam wajahnya.

Tanpa membuang masa, aku terus ke meja telefon dan menelefon Kak Cik dan Kak Ngah. Menyampaikan berita kepulangan Abang Long dan minta mereka datang ke rumah malam itu juga.



Menjunjung Budi

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Lembaga Warisan Negara (NHB)

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

